

Jurnal Psikologi & Kaunseling Perkhidmatan Awam Malaysia



Public Service of Malaysia: Journal of Psychology & Counselling

DISEMBER 2020 Bil. 15 ISSN: 2229-810X

Status Kesihatan Psikologi Warga Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Abd. Jalil Hassan, Amran Hassan, Zuraini Ismail dan Ami Patola

Masalah Elemen Ekonomi Dan Isu Tempat Kerja Dalam Kalangan Penjawat Awam Di Dalam Perkhidmatan Awam

Mat Ali Hassan, Abdul Jalil Hassan, Amran Hassan, Zuraini Ismail dan Ami Patola

Kebolehpercayaan Soal Selidik Kesejahteraan Diri Berdasarkan Pendekatan Model Pengukuran RASCH

Hazaila Hassan, Abu Yazid Abu Bakar dan Salleh Amat

Kaunseling Krisis : Kompetensi Kaunselor Dari Perspektif Pelbagai Budaya Dalam Kalangan Kaunselor Di Malaysia

Norazura Ahmad, Norhayati Mohd Noor dan Salleh Amat

Memahami Beban Penjagaan Warga Emas Dalam Menjaga Anak Orang Kurang Upaya Terlantar

Muhammad Nabil Zakaria dan Khadijah Alavi

Kesan Gaya Keibubapaan Dan Personaliti Mempengaruhi Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Remaja Perempuan Yang Terlibat Dengan Jenayah Juvana : Satu Kajian Kes Sekolah Tunas Bakti (P) Marang, Terengganu

Mohd Badrul Ahmad dan Zainah Ahmad Zamani

Intervensi Terhadap Pemikiran, Emosi Dan Tingkah Laku Pegawai Berprestasi Sederhana : Kajian Perbandingan Min Menerusi Program Prestasi Sederhana Di Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani

Siti Mastura Nordin dan Roszita Ali

Faktor Demografi Bagi Aspek Kecerdasan Emosi Dan Trait Personaliti Pemimpin Pendidik Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)

Nurul Hudani Md. Nawli dan Puteri Hayati Megat Ahmad

Kesahan Dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi Dan Resiliensi (IMKR) Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz

Mohd Zaharen Md Zahir, Md Noor Saper dan Nur Hallyda Mohd Sham

Jurnal Psikologi & Kaunseling Perkhidmatan Awam Malaysia

DISEMBER 2020

BILANGAN 15

ISSN: 2229-810X

Sidang Editor

Penaung : Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia

Penasihat I : Dato' Pauzan bin Ahmar

Penasihat II : Dr. Abdul Jalil bin Hassan

Ketua Editor : Zuraini binti Ismail

Editor : Mohamad Fauzi bin Saad
Dr. Amran bin Hassan
Dr. Hjh Norazura binti Hj. Ahmad
Dr. Naniyati binti Shuib
Lau Pek Jin

Panel Wasit : Datuk Dr. Ruziati binti Mior Ahamad Ariffin
Prof. Dr. Haslee Sharil Lim bin Abdullah
Prof. Madya Dr. Fatimah Wati binti Halim
Dr. Nasrudin bin Subhi
Dr. Zaida Nor binti Zainudin
Dr. Hjh Rusni binti A. Ghani
Dr. Amran bin Hassan
Dr. Christopher Abas

Edaran : Norwahida binti Nazran

Grafik : A. Rahman bin Md. Yasim

Isi Kandungan

i	Sidang Editor
ii	Isi Kandungan
iv	Dari Meja Editor
1 - 16	Status Kesihatan Psikologi Warga Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia <i>Abd. Jalil Hassan, Amran Hassan, Zuraini Ismail dan Ami Patola</i>
17 - 32	Masalah Elemen Ekonomi Dan Isu Tempat Kerja Dalam Kalangan Penjawat Awam Di Dalam Perkhidmatan Awam <i>Mat Ali Hassan, Abdul Jalil Hassan, Amran Hassan, Zuraini Ismail dan Ami Patola</i>
33 - 49	Kebolehpercayaan Soal Selidik Kesejahteraan Diri Berdasarkan Pendekatan Model Pengukuran RASCH <i>Hazaila Hassan, Abu Yazid Abu Bakar dan Salleh Amat</i>
50 - 67	Kaunseling Krisis : Kompetensi Kaunselor Dari Perspektif Pelbagai Budaya Dalam Kalangan Kaunselor Di Malaysia <i>Norazura Ahmad, Norhayati Mohd Noor dan Salleh Amat</i>
68 - 97	Memahami Beban Penjagaan Warga Emas Dalam Menjaga Anak Orang Kurang Upaya Terlantar <i>Muhammad Nabil Zakaria dan Khadijah Alavi</i>

- 98 - 116 Kesan Gaya Keibubapaan Dan Personaliti Mempengaruhi Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Remaja Perempuan Yang Terlibat Dengan Jenayah Juvana : Satu Kajian Kes Sekolah Tunas Bakti (P) Marang, Terengganu
Mohd Badrul Ahmad dan Zainah Ahmad Zamani
- 117 - 131 Intervensi Terhadap Pemikiran, Emosi Dan Tingkah Laku Pegawai Berprestasi Sederhana : Kajian Perbandingan Min Menerusi Program Prestasi Sederhana Di Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
Siti Mastura Nordin dan Roszita Ali
- 132 - 161 Faktor Demografi Bagi Aspek Kecerdasan Emosi Dan Trait Personaliti Pemimpin Pendidik Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)
Nurul Hudani Md. Nawawi dan Puteri Hayati Megat Ahmad
- 162 - 190 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Soal selidik Intrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi Dan Resiliensi (IMKR) Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz
Mohd Zaharen Md Zahir, Md Noor Saper dan Nur Hallyda Mohd Sham
- 191 - 193 Biodata Penulis

Dari Meja Editor

Jurnal Psikologi dan Kaunseling Perkhidmatan Awam Malaysia bagi tahun 2020 ini merupakan terbitan jurnal yang kelima belas. Tujuan jurnal ini diterbitkan untuk memberi peluang kepada penyelidik-penyelidik dalam bidang psikologi dan kaunseling khususnya Pegawai Psikologi dan pengamal kaunseling mengembangkan hasil kajian dalam konteks perkhidmatan awam di Malaysia.

Jurnal Psikologi dan Kaunseling Perkhidmatan Awam Malaysia tahun 2020 ini memuatkan sebanyak 9 artikel, yang meliputi pelbagai aspek kajian sama ada secara kuantitatif dan kualitatif. Kesemua artikel berkaitan isu-isu yang wujud dalam perkhidmatan awam dan masyarakat yang melibatkan persoalan psikologi dan kaunseling.

Artikel pertama bertajuk “*Status Kesihatan Psikologi Warga Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia*” adalah untuk mengenal pasti status kesihatan psikologi dan isu-isu yang dihadapi warga Jabatan Perkhidmatan Awam. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 98.8% warga Jabatan Perkhidmatan Awam mencapai tahap kesejahteraan psikologi / mental yang baik manakala 19.8% tidak mencapai tahap kebimbangan yang baik dan mempunyai simptom isu kebimbangan.

Artikel kedua adalah bertajuk “*Masalah Elemen Ekonomi Dan Isu Tempat Kerja Dalam Kalangan Penjawat Awam Di Dalam Perkhidmatan Awam*”. Kajian ini mengkaji permasalahan umum yang melibatkan elemen ekonomi dan isu di tempat kerja serta punca utama dalam kalangan penjawat awam. Dapatan menunjukkan bahawa permasalahan umum dalam kalangan penjawat awam adalah berkaitan dengan isu kewangan dan isu di tempat kerja. Seramai 9880 responden terlibat dalam kajian ini, keputusan menunjukkan sebanyak 68% atau 4866 orang responden bersetuju bahawa mereka mempunyai permasalahan kewangan / ekonomi.

Manakala artikel bertajuk “*Kebolehpercayaan Soal Selidik Kesejahteraan Diri Berdasarkan Pendekatan Model Pengukuran RASCH*” adalah untuk mengukur kebolehpercayaan dan kesahan item dan konstruk instrumen Kesejahteraan Diri. Mereka yang terlibat adalah peserta Program Kesejahteraan Diri yang dianjurkan oleh sebuah kementerian di Putrajaya. Dapatan menunjukkan instrumen tersebut memiliki kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi kerana ianya telah menjalani proses validasi yang teratur dan sistematik dengan menggunakan analisis Model Pengukuran RASCH.

Bagi artikel keempat pula, berkaitan kompetensi kaunselor dari perspektif pelbagai budaya. Peserta terdiri daripada 13 orang kaunselor dari agensi yang terlibat secara langsung dalam pengurusan krisis bencana negara. Artikel bertajuk “*Kaunseling Krisis : Kompetensi Kaunselor Dari Perspektif Pelbagai Budaya Dalam Kalangan Kaunselor Di Malaysia*” menunjukkan kaunselor yang memiliki kompetensi pelbagai budaya dapat menerima dan memahami klien dalam pelbagai aspek. Kaunselor berupaya mewujudkan kepercayaan dengan mudah apabila kaunselor mengambil kira aspek pelbagai budaya dalam setiap perhubungan mahupun tindakan.

Selain itu, isu warga emas dan orang kurang upaya turut menjadi topik dalam jurnal kali ini iaitu bertajuk “*Memahami Beban Penjagaan Warga Emas Dalam Menjaga Anak Orang Kurang Upaya Terlantar*”. Artikel kelima ini bertujuan untuk memahami beban penjagaan seperti sokongan emosi, kesihatan, kewangan, sosial, fizikal dan masa yang dihadapi oleh warga emas yang menjaga anak OKU dalam komuniti. Kajian melibatkan 10 orang responden berumur 60 tahun ke atas dan mempunyai anak OKU terlantar. Kajian telah berjaya mengeluarkan sub-sub tema daripada tema utama objektif kajian iaitu beban penjagaan dari segi emosi, beban penjagaan dari segi kewangan, beban penjagaan fizikal/kesihatan dan beban penjagaan sosial/masa.

Artikel keenam dalam jurnal ini bertajuk “*Kesan Gaya Keibubapaan Dan Personaliti Mempengaruhi Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Remaja Perempuan Yang Terlibat Dengan Jenayah Juvana : Satu Kajian Kes Sekolah Tunas Bakti (P) Marang, Terengganu*” menunjukkan

kesejahteraan psikologi yang dialami oleh remaja ini berkait rapat dengan faktor gaya keibubapaan dan juga faktor personaliti yang ada dalam diri mereka ini. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu sampel kajian menggunakan pelatih Sekolah Tunas Bakti (P) Marang Terengganu yang terlibat dengan jenayah juvana seramai 67 orang.

Artikel ketujuh bertajuk *“Intervensi Terhadap Pemikiran, Emosi Dan Tingkah Laku Pegawai Berprestasi Sederhana : Kajian Perbandingan Min Menerusi Program Prestasi Sederhana Di Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani”* untuk melihat taburan penglibatan pegawai berprestasi sederhana terhadap intervensi yang dijalankan. Penilaian prestasi diukur melalui perspektif penyelia dalam Borang Penilaian Penyelia dengan mendapatkan nilai min. Dapatan menunjukkan intervensi psikologi yang digunakan dapat meningkatkan tahap pemikiran, emosi, tingkah laku dan prestasi pegawai berprestasi sederhana di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Artikel yang kelapan bertajuk *“Faktor Demografi Bagi Aspek Kecerdasan Emosi Dan Trait Personaliti Pemimpin Pendidik Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)”* adalah kajian tinjauan menggunakan pendekatan kuantitatif. Hasil kajian mendapati tiada perbezaan kecerdasan emosi antara pemimpin pendidik lelaki dan pemimpin pendidik perempuan di Sekolah Berprestasi Tinggi. Pemilikan kecerdasan emosi dan trait-trait personaliti didapati menjadi asas penting bagi pengamalan tingkah laku seorang pemimpin.

Artikel kesembilan bertajuk *“Kesahan Dan Kebolehpercayaan Soal selidik Intrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi Dan Resiliensi (IMKR) Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz”* untuk mengukur kesahan kandungan dan kebolehpercayaan Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi (IMKR). Keputusan kesahan kandungan Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi (IMKR) yang dinilai oleh tujuh orang pakar menunjukkan skor motivasi adalah .897, kecerdasan emosi adalah .924 dan resiliensi adalah .906. Dapatan kajian mendapati Instrumen ini mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi.

Saya berharap pembaca mendapat manfaat sepenuhnya dari artikel yang telah disumbangkan dalam jurnal kali ini. Saya juga merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua panel pewartu, penulis dan sidang editor yang bekerjasama dalam menerbitkan jurnal ini. Semoga dengan penerbitan jurnal ini dapat memberi impak positif ke arah perkhidmatan yang lebih cemerlang.

Dato' Pauzan bin Ahmar

Pengarah

Bahagian Pengurusan Psikologi

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Oktober 2020

STATUS KESIHATAN PSIKOLOGI WARGA JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Abdul Jalil Hassan, PhD
Amran Hassan, PhD
Zuraini Ismail
Ami Haji Patola

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

ABSTRACT

Psychological health is extremely subjective to evaluate. However, this fundamental element represent an important measurement to individuals typically serving in the public service. The key objective of this study is to determine the psychological health status among the staff of the Public Service Department (PSD). In addition, this study also intends to explore issues faced by the PSD staff in performing their tasks at work. The methodology used in this quantitative study is a survey adapted from the Mental Health Inventory. A total of 288 randomly selected respondents were involved in this study. The analysis was conducted using SPSS version.23. The results of the study showed the psychological health status among the staff of the PSD was good based from the data of 276 or 98.8% of the respondents, while 12 respondents or 4.2% had mental health symptoms. This study also found that financial related issues to be the highest and most difficult to deal with among all with 47 or 16.3% of the respondents. The implication of this study is to progressively develop a more specific module to concentrate on the outlying areas of concern in particular, which are directly relevant to the civil servants and in promoting psychological health.

Keywords : *health status of psychology, Jabatan Perkhidmatan Awam, subjective, citizens, issues*

PENGENALAN

Kesejahteraan dan kesihatan psikologi menjadi isu yang sering diperkatakan sejak akhir-akhir ini. Namun, isu ini sebenarnya bersifat subjektif dan memerlukan satu penelitian yang khusus terhadap kesihatan psikologi masyarakat (Rohany & Fatimah, 2006). Dapatan kajian tentang Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia tahun 2018, terutama melibatkan penjawat awam mencapai skor 6.95 iaitu untuk skor maksima sebanyak 10 (Jabatan Perkhidmatan Awam, 2018). Skor ini menjadi pencetus kepada kesejahteraan psikologi penjawat awam yang menjadi ukuran kepada kesejahteraan masyarakat. Ini kerana penjawat awam juga merupakan sebahagian daripada masyarakat yang ada pada masa kini. Malah, penjawat awam inilah yang membantu pentadbiran negara yang dikatakan sebagai penggerak utama kepada pembangunan sesebuah negara yang dikategorikan sebagai modal insan. Asas utama modal insan ini bekerja ialah untuk perkembangan dan pembangunan sesebuah negara, sejajar dengan kehendak globalisasi dunia yang berlaku masa kini dikatakan mengubah struktur ekonomi dan sosial masyarakat (Chua, 2004).

Namun, sejak akhir-akhir ini juga wujud pelbagai isu ekoran daripada pelbagai keadaan individu yang di luar kawal. Semua ini berpunca daripada sebarang kemungkinan yang berlaku di dalam diri individu yang kadang-kadang sukar untuk di terjemahkan (Maniam, 2010). Ada yang mengalami stres yang melampau sehingga mendatangkan banyak kesan negatif ke atas individu itu sendiri dan juga kepada orang lain. Semua ini banyak berkait rapat dengan kesihatan fizikal, kesihatan psikologi dan juga kesejahteraan psikologi. Masing-masing mempunyai peranan ke atas fizikal dan jiwa seseorang individu sama ada berbentuk jangka masa panjang atau pendek. Kekuatan seseorang individu itu berbeza-beza antara satu sama lain dalam menghadapi sebarang rintangan dan cabaran yang akan datang.

Ryff (1989) mengkelaskan keadaan kesejahteraan psikologi manusia ini sebagai sesuatu yang subjektif. Ini menjadi satu kesukaran di buat pengukuran kerana melibatkan dalaman seseorang manusia. Mat Ali dan Amran (2019) pula melihat kesejahteraan psikologi dan kesihatan mental sebagai suatu yang ada persamaan dalam aspek-aspek tertentu seperti sihat fizikal, emosi yang stabil, hubungan sosial yang baik, tiada isu kemurungan dan kuat pengawalan diri. Inilah antara aspek-aspek yang menjadi kekuatan seseorang individu dalam menghadapi kehidupan seharian. Justeru, aspek fizikal, psikologi dan juga mental menjadi satu kekuatan kepada pembentukan individu yang lebih baik. Pembentukan individu yang kuat sebegini membentuk sahsiah dan juga perilaku yang baik sepanjang berhadapan dengan sebarang konflik.

Jentera Perkhidmatan Awam di Malaysia sebenarnya bertunjangkan ke arah pengurusan sesebuah perkhidmatan dari kerajaan untuk rakyat. Oleh itu, modal insan yang ada di dalam Perkhidmatan Awam merupakan sumber yang sangat penting ke arah pencapaian sesuatu matlamat kesejahteraan rakyat. Malah, mereka ini terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat sama ada berbeza jantina, kaum, gred, pendapatan, asal usul negeri, gaya kepimpinan, daya tindak, gaya asuhan dan corak kepimpinan. Kepelbagaian ini menjadikan Perkhidmatan Awam itu bergerak di atas satu perkhidmatan yang sama iaitu kesejahteraan untuk rakyat.

Kesihatan psikologi atau juga kesejahteraan psikologi ini merupakan suatu yang besar sumbangannya ke atas perkembangan modal insan. Tambahan pula, ianya melibatkan modal insan yang menggerakkan jentera sesebuah perkhidmatan di negara ini. Status kesihatan fizikal boleh di rujuk kepada Doktor Perubatan, namun status kesihatan psikologi kadang-kadang bersifat kompleks yang hanya pakar dalam bidang psikologi dan kaunseling sahaja mampu membantunya. Oleh itu, status kesihatan psikologi ini boleh menjadi tunjang kepada perjalanan perkhidmatan awam dengan lebih baik pada masa akan datang sekiranya mencapai tahap kesejahteraan yang memberangsangkan. Semua pihak

akan mendapat kebaikan daripada kesejahteraan yang di alami oleh setiap modal insan di dalam Perkhidmatan Awam.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kejadian yang berlaku dalam masyarakat masa kini susah untuk digambarkan. Semuanya ada yang berlaku dengan pantas, spontan dan mudah sehingga sanggup mencederakan orang lain dengan begitu mudah sekali. Penghormatan antara sesama manusia sudah mula terhakis dengan keberanian seseorang individu untuk memasuki ruang lingkup peribadi seseorang yang lain seperti mencederakan atau mengambil nyawa seseorang yang lain. Masyarakat Malaysia menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2019), pada tahun 2019 iaitu seramai 32.6 juta orang rakyat di Malaysia yang meliputi golongan lelaki seramai 16.8 juta orang dan perempuan seramai 15.8 juta orang. Statistik ini menunjukkan bahawa peningkatan penduduk dalam statistik masyarakat masa kini menjadi satu isu yang besar di dalam membawa kesejahteraan dan kesihatan psikologi masyarakat.

Inilah hakikat yang berlaku sehinggakan banyak pihak gusar terutama pihak kerajaan kerana berlakunya jenayah secara berleluasa setelah melalui kepesatan penduduk. Terdapat pelbagai contoh kes yang boleh dijadikan panduan bahawa kesejahteraan dan kesihatan psikologi manusia masa kini tidak memberikan satu gambaran yang baik. Kes yang berlaku di Limbang iaitu seorang lelaki berusia 31 tahun telah membawa parang dan berjumpa dengan penyeliannya kerana tidak berpuas hati dengan markah yang diberikan melalui Sasaran Kerja Tahunan (Laporan Nilai Prestasi Tahunan) sehingga mahu mencederakan penyeliannya itu (Berita Harian, 17 November 2018).

Dalam pada itu, berlaku juga kes membunuh bayi yang berusia 23 bulan oleh seorang pegawai dari sebuah jabatan di Putrajaya bersama dengan rakannya itu di sebuah rumah sehingga mendatangkan kematian ke atas bayi tersebut (Astro Awani, 15 November 2019). Begitu juga dengan

satu lagi kes membunuh rakan yang tinggal serumah yang menegur masakannya tidak sedap di Temerloh dengan memukul menggunakan bongkah kayu pada waktu petang dan malam sehingga mendatangkan kecederaan dengan tulang rusuknya patah serta mengalami pendarahan (Astro Awani, 22 Oktober 2019). Beginilah gambaran beberapa peristiwa yang boleh dijadikan pengajaran di atas apa yang berlaku sehingga mengundang banyak perkara negatif dalam masyarakat.

Rentetan daripada permasalahan yang berlaku dalam kalangan penjawat awam atau kakitangan swasta, semuanya berpuncakan daripada isu kesihatan psikologi. Malah, keadaan ini menunjukkan bahawa masyarakat masa kini sanggup bertindak dengan luar kawalan sehingga boleh mencederakan orang lain. Inilah antara isu yang menjadi tanda tanya kepada semua pihak, mengapa keadaan sebegini berlaku? Apakah puncanya yang sebenar? Apakah ini juga menunjukkan masyarakat sudah tidak aman lagi? Persoalan-persoalan sebegini telah membuka banyak minda negatif dalam kalangan penjawat awam yang kadangkala menjadi satu perspektif lain untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik. Mengikut statistik Jabatan Perangkaan Negara, berkenaan dengan statistik utama guna tenaga seramai 14.8 juta yang bekerja, dan 15.3 juta sebagai tenaga buruh di Malaysia pada tahun 2019 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Jelasnya, statistik ini menunjukkan bahawa mereka yang bekerja agak ramai dan terdiri daripada pelbagai golongan masyarakat. Malah, mereka inilah yang menyumbang terhadap perkembangan ekonomi yang pesat di sesebuah negara.

Isu kesihatan psikologi ini menjadi isu yang wajar diberikan perhatian oleh semua pihak. Ini kerana, kesihatan psikologi ini bukanlah boleh diukur dalam satu keadaan yang mudah kerana melibatkan isu dalaman dan jiwa seseorang individu yang bergelar penjawat awam. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada keperluan melihat status kesihatan warga Jabatan Perkhidmatan Awam bagi memastikan perkhidmatan mereka berjalan dengan lancar dan menggalakkan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini secara umumnya ialah untuk mengkaji status kesihatan psikologi warga Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Objektif khusus bagi kajian ini ialah ;

- i) Mengkaji faktor demografi yang terlibat di dalam kajian status kesihatan psikologi dalam kalangan penjawat awam (jantina, bangsa, status perkahwinan, kumpulan perkhidmatan dan skim perkhidmatan).
- ii) Mengenali pasti status kesihatan psikologi warga Jabatan Perkhidmatan Awam.
- iii) Mengkaji isu-isu yang dihadapi oleh warga Jabatan Perkhidmatan Awam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan secara kuantitatif dengan menggunakan soalan atau item-item yang bersesuaian dalam melihat aspek kesihatan psikologi penjawat awam. Jenis persampelan yang digunakan ialah secara rawak mudah. Item-item bagi soal selidik yang dibina adalah berdasarkan kepada sorotan kajian lepas yang dirujuk termasuklah juga item-item daripada soal selidik kajian lepas. Dalam pada itu, di adakan juga sedikit perbincangan bersama dengan Pengurusan Tertinggi Bahagian terhadap item-item yang hendak dikaji. Soalan tersebut di edarkan melalui '*google doc survey*' kepada kesemua penjawat awam di Jabatan Perkhidmatan Awam sahaja memandangkan kajian ini di arahkan oleh Majlis Pengurusan Tertinggi, Jabatan Perkhidmatan Awam. Seramai 288 orang responden sahaja yang terlibat dengan kajian ini dan ianya tidak boleh digeneralisasikan kepada kesemua penjawat awam di Jabatan Perkhidmatan Awam.

Alat kajian ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian A mengandungi item yang meliputi aspek-aspek keluarga, kewangan, kesihatan, kerohanian, kerjaya, peribadi, persekitaran kerja dan hubungan sosial. Soal selidik ini dibina sendiri oleh pengkaji sebanyak 8 item, hasil perbincangan dengan Pengurusan Tertinggi Bahagian dan mencapai kebolehpercayaan mengikut Alpha Cronbach ialah 0.641. Skala pengukuran yang digunakan untuk 8 item ini ialah “Ya” dan “Tidak”. Manakala, soal selidik bahagian B merujuk kepada soal selidik *Mental Health Inventory* yang mempunyai 18 item pengukuran. Skala pengukuran yang digunakan ialah berbentuk Likert iaitu 1 untuk Sepanjang Masa, 2 untuk Kebanyakan Masa, 3 untuk Kadang-kadang, 4 untuk Jarang-jarang dan 5 untuk Sangat Jarang. Nilai kebolehpercayaan mengikut Alpha Cronbach bagi soal selidik ini ialah 0.922 iaitu sangat tinggi kebolehpercayaannya. Namun, dalam kajian ini hanya memfokuskan kepada keputusan kajian daripada status kesihatan psikologi sahaja tanpa menyentuh tentang keputusan daripada *Mental Health Inventory*.

Bahagian C pula merujuk kepada 1 item yang merupakan soalan terbuka tentang aspek-aspek yang memberikan kesejahteraan psikologi kepada penjawat awam dan dijawab secara bertaip oleh responden. Akhir sekali ialah bahagian untuk demografi responden yang terdiri daripada kementerian / agensi, jantina, bangsa, kumpulan perkhidmatan, gred jawatan, umur, tempoh perkhidmatan, negeri tempat bertugas, skim perkhidmatan dan juga bidang tugas responden. Analisis yang digunakan ialah SPSS versi .23 untuk kajian kuantitatif, manakala bagi 1 item kualitatif dijalankan analisis secara manual.

KEPUTUSAN KAJIAN

Data Demografi

Seramai 288 responden yang terlibat di dalam kajian ini iaitu mengikut jantina lelaki seramai 75 orang atau 26% dan perempuan seramai 213 orang responden dengan 73.9%. Dari segi bangsa, bangsa Melayu

sebanyak 272 orang atau 94%, India sebanyak seorang atau 0.3%, Cina sebanyak 4 orang atau 1.3% dan bangsa Bumiputera Sabah seramai 8 orang dengan 2.78%, manakala Bumiputera Sarawak seramai 3 orang dengan 1.04%. Dari segi status perkahwinan, seramai 233 orang atau 80.% yang sudah berkahwin, 48 orang atau 16.6% bujang dan 7 orang atau 2.43% yang janda/balu. Bagi kumpulan perkhidmatan, Pengurusan dan Profesional sebanyak 123 orang atau 42.7%, Sokongan I sebanyak 125 orang dengan 43.4%, Sokongan II sebanyak 29 orang dengan 10%, dan akhir sekali ialah Pengurusan Atasan seramai 11 orang atau 3.82%. Bagi Skim Perkhidmatan untuk Gunasama seramai 265 orang atau 92% dan Bukan Gunasama seramai 23 orang atau 7.9%. Jadual 1 menunjukkan data demografi kajian Status Kesihatan Psikologi Warga Jabatan Perkhidmatan Awam.

Jadual 1 : Data Demografi Responden Status Kesihatan Psikologi Warga Jabatan Perkhidmatan Awam

Demografi	Bilangan (n)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	75	26%
Perempuan	213	73.9%
Bangsa		
Melayu	272	94%
India	1	0.3%
Cina	4	1.3%
Bumiputera Sabah	8	2.78%
Bumiputera Sarawak	3	1.04%
Status Perkahwinan		
Berkahwin	233	80.9%
Bujang	48	16.6%
Janda / Duda	7	2.43%
Kumpulan Perkhidmatan		
Pengurusan Atasan	11	3.82%
Pengurusan & Profesional	123	42.7%
Sokongan I	125	43.4%
Sokongan II	29	10%
Skim Perkhidmatan		
Guna sama	265	92%
Bukan Guna sama	23	7.9%

Status Kesihatan Psikologi Warga Jabatan Perkhidmatan Awam

Keputusan menunjukkan sebanyak 276 orang responden atau 98.8% mencapai tahap kesejahteraan psikologi / mental yang baik berdasarkan daripada *Mental Health Inventory*. Manakala, seramai 12 orang atau 4.2% mencapai tahap kesejahteraan psikologi atau mental yang kurang baik yang mempunyai simptom-simptom kesihatan mental. Bagi tahap kebimbangan, seramai 231 orang atau 80.2% mencapai tahap kebimbangan yang baik, yang membawa maksud tiada isu kebimbangan yang boleh membawa kepada isu kesihatan psikologi. Manakala, sebanyak 57 orang atau 19.8% tidak mencapai tahap kebimbangan yang baik dan mempunyai simptom isu kebimbangan.

Dari segi kemurungan pula, seramai 223 orang atau 77.4% mencapai tahap kemurungan yang baik, yang membawa maksud bahawa tiada isu kemurungan berbanding dengan 65 orang atau 22.6% tidak mencapai tahap kemurungan yang baik atau mempunyai simptom kemurungan. Bagi tingkah laku yang terkawal, sebanyak 277 orang atau 96.2% mempunyai tingkah laku yang terkawal berbanding dengan 11 orang atau 3.8% yang mempunyai tingkah laku yang kurang terkawal. Akhir sekali ialah dari segi kesan positif sebanyak 281 orang atau 97.6% mempunyai kesan positif yang baik, berbanding dengan 7 orang atau 2.4% yang kurang mempunyai kesan positif yang baik. Jadual 2 menunjukkan Status Kesihatan Psikologi Warga Jabatan Perkhidmatan Awam.

Jadual 2 : Status Kesihatan Psikologi Warga Jabatan Perkhidmatan Awam

Status Kesihatan Psikologi	Bilangan (n)	Peratus (%)
Mempunyai Masalah / Simptom Kesihatan Psikologi	12	4.2%
Tidak Mempunyai Masalah / Simptom Kesihatan Mental	276	98.8%
Status Tahap Kebimbangan		
Mempunyai Masalah Kebimbangan / Ada Simptom Kebimbangan	57	19.8%
Tidak Mempunyai Masalah Kebimbangan / Tiada Simptom Kebimbangan	223	77.4%
Status Tahap Kemurungan		
Mempunyai Masalah Kemurungan / Ada Simptom Kemurungan	65	22.6%
Tidak Mempunyai Masalah Kemurungan / Tiada Simptom Kemurungan	223	77.4%%
Status Tingkah Laku Terkawal		
Mempunyai Masalah Tingkah Laku	11	3.8%
Tidak Mempunyai Masalah Tingkah Laku	277	96.2%
Status Kesan Positif		
Mempunyai Kesan Positif Yang Baik	281	97.6%
Tidak Mempunyai Kesan Positif Yang Baik	7	2.4%

Isu-Isu Utama Yang Di Hadapi Oleh Warga Jabatan Perkhidmatan Awam

Daripada keputusan yang diperolehi, pelbagai isu utama yang dihadapi oleh warga Jabatan Perkhidmatan Awam. Semua ini berpunca daripada pelbagai aspek yang mungkin juga secara luaran dan dalaman. Antara isu-isu utama yang wujud dalam kalangan warga Jabatan Perkhidmatan Awam ini ialah kewangan, tempat kerja, kesihatan, persekitaran kerja dan isu keluarga. Inilah antara yang paling ketara wujud dalam kalangan warga Jabatan Perkhidmatan Awam yang menjadi paksi utama kepada permasalahan umum yang lain.

Bagi isu kewangan, ianya merupakan isu yang paling tertinggi iaitu mencapai 47 orang atau 16.3%, manakala isu kedua tertinggi ialah isu di tempat kerja dengan 45 orang atau 15.6%. Bagi isu seterusnya ialah kesihatan dengan 31 orang atau 10.8% dan isu persekitaran kerja seramai 29 orang dengan 10.1% sahaja termasuklah isu peribadi seramai 25 orang atau 8.7%. Inilah antara isu-isu utama yang wujud dalam kalangan warga Jabatan Perkhidmatan Awam yang menjadi faktor utama penjawat awam menghadapi permasalahan seharian di dalam kehidupan mereka. Jadual 3 menunjukkan Isu-isu Utama Yang Di Hadapi oleh Warga Jabatan Perkhidmatan Awam.

Jadual 3 : Isu-isu Utama Yang Di Hadapi Oleh Warga Jabatan Perkhidmatan Awam

Isu-isu Utama	Bilangan (n)	Peratus (%)
Kewangan	47	16.3%
Tempat Kerja	45	15.6%
Kesihatan	31	10.8%
Persekitaran Kerja	29	10.1%
Peribadi	25	8.7%

PERBINCANGAN KAJIAN

Keputusan kajian yang ditunjukkan sebelum ini telah jelas memaparkan bahawa isu status kesihatan psikologi warga Jabatan Perkhidmatan Awam memang sama sebagaimana isu penjawat awam yang lain secara keseluruhan. Ini kerana, penjawat awam yang ada di negara ini adalah dari kelompok yang sama, dan menjalani kehidupan serta pekerjaan dalam persekitaran yang hampir sama. Semua ini bersandarkan daripada pucuk pimpinan yang memainkan peranan penting terhadap alam pekerjaan. Galster (2015) menjelaskan bahawa isu sosioekonomi yang wujud sebenarnya sedikit sebanyak telah mempengaruhi permasalahan / konflik yang berlaku di dalam masyarakat. Malah, sekiranya ia melibatkan elemen-elemen kemiskinan akan membawa kepada pelbagai isu lain yang menjejaskan kesejahteraan psikologi ke atas

manusia. Malah, ianya turut menjejaskan elemen lain seperti organisasi dan juga produktiviti. Elemen inilah yang harus dipandang serius oleh semua pihak. Malah, kajian ini juga menyokong kajian Ruziati, Zuraini, Marnorleza dan Nordin (2017) bahawa memang ada isu kesihatan / kesejahteraan psikologi dalam kalangan penjawat awam di dalam perkhidmatan awam. Cuma, isunya ialah peratusan yang menghadapi atau mempunyai simptom kesihatan psikologi ini bukanlah sesuatu yang sangat tinggi iaitu hanya 19.8% daripada 14,418 orang yang mempunyai simptom kesihatan mental. Peratusan ini bukanlah suatu peratusan yang tinggi, yang memerlukan perhatian khusus. Cuma, memang wujud isu kesihatan psikologi sebegini di dalam perkhidmatan awam dengan peratusan yang kurang tinggi serta masih terkawal.

Kajian ini juga menyokong kajian daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (2018) tentang Indeks Kesejahteraan Psikologi yang dijalankan ke atas penjawat awam dengan mendapat indeks komposit sebanyak 6.95. Nilai indeks komposit ini jelas menunjukkan bahawa tahap kesejahteraan penjawat awam ialah pada tahap sederhana, dan masih terkawal dengan apa yang dijalankan di dalam perkhidmatan awam ini. Malah, skor indeks komposit yang paling tinggi ialah dengan markahnya 10 dan markah rendahnya ialah 0. Justeru, nilai komposit 6.95 itu menjadi petanda bahawa penjawat awam di dalam perkhidmatan awam di Malaysia ini masih sejahtera dan tidaklah seteruk sebagaimana yang digambarkan oleh pihak-pihak tertentu.

Hyman (2008) turut melihat isu kesihatan mental sebagai isu yang boleh berlaku kepada sesiapa sahaja. Ini jelas apabila ada juga unsur melibatkan genetik bagi isu kesihatan mental. Semuanya gara-gara elemen yang memang disebabkan oleh tekanan sehinggalah kepada persekitaran serta genetik. Isu ini agak kompleks, memandangkan elemen genetik ini berbentuk biologi yang masih memerlukan penelitian saintifik yang spesifik (WHO, 2012). Walau bagaimanapun, faktor ini sangat berkait rapat dengan isu kesihatan mental yang wujud di dalam diri seseorang individu (Hyman, 2008).

Berikutan isu melibatkan kewangan, penjawat awam mengalami isu ini pada tahap tertinggi yang mungkin berpunca daripada kelemahan pengurusan kewangan sendiri. Kajian ini menyokong kajian daripada Krause dan Jutersonke (2005), kekuatan ekonomi boleh menjadikan kestabilan yang baik sama ada untuk luaran atau dalaman seseorang individu. Penjawat awam yang mengalami permasalahan ini akan berdepan dengan pelbagai isu besar yang lain. Antaranya termasuklah keretakan rumah tangga, masalah peribadi, hutang dan perceraian. Kesukaran untuk meneruskan kehidupan sebagaimana kebiasaan menjadi faktor utama kenapa wujud masalah sebegini. Akhirnya, prestasi akan merosot dan produktiviti juga akan makin menurun.

Akhir sekali, kajian ini juga menyokong juga kajian Jarosz dan Mather (2018) iaitu permasalahan ekonomi dalam keluarga memang wujud dalam kalangan pekerja. Permasalahan kewangan ini membuka pelbagai masalah lain selama berhadapan dengan isu-isu tersebut di dalam pekerjaan. Kebanyakan 60% daripada 10 juta orang yang memang mempunyai masalah kewangan dan mereka terdiri daripada pekerja-pekerja yang mempunyai keluarga (Jarosz & Mather, 2018). Malah, keluarga yang ditanggung ini memerlukan tanggungan kewangan bergantung kepada bilangan ahli di dalam keluarga tersebut. Negara Amerika Syarikat antara negara termaju dan kaya turut sama mengalami isu kewangan dalam kalangan pekerja-pekerja mereka. Keupayaan dan kemampuan serta tahap akademik yang tinggi atau rendah mempengaruhi bagaimana seseorang itu bertindak dan bekerja bagi mendapatkan gaji setimpal dengan apa yang mereka kerjakan.

Rumusannya, kesihatan psikologi dalam kalangan warga Jabatan Perkhidmatan Awam berada pada tahap yang baik. Manakala, pelbagai isu yang wujud di dalam kalangan penjawat awam ini banyak melibatkan isu kewangan dan memerlukan keseimbangan yang baik sama ada dari pihak pekerja itu sendiri atau orang lain. Namun, isu-isu sebegini menjadi satu inspirasi ke arah satu jalan penyelesaian yang terbaik di dalam perkhidmatan awam. Kesejahteraan psikologi manusia

boleh menjadi satu ukuran kepada kesejahteraan secara global untuk semua pihak sama ada jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, isu kesihatan psikologi atau kesejahteraan psikologi merupakan isu global yang bukan terhad kepada pihak-pihak tertentu sahaja. Malah, isu ini akan membuka banyak ruang kebaikan sekiranya pelbagai pihak cuba mengatasinya dengan cara yang terbaik. Kesihatan psikologi dalam kalangan penjawat awam terutama di Jabatan Perkhidmatan Awam menunjukkan satu pencapaian yang baik dan bukan menunjukkan sesuatu yang bermasalah. Malah, peratusan yang di capai menunjukkan bahawa keadaan ini masih terkawal dan tiada lagi unsur-unsur negatif yang akan melanda warga Jabatan Perkhidmatan Awam. Justeru, isu sebegini melibatkan faktor-faktor tertentu seperti kewangan dan juga keadaan di tempat kerja. Inilah antara faktor yang mendatangkan banyak kesan negatif kepada produktiviti dan juga perkhidmatan yang dijalankan selama ini. Persepsi negatif yang telah ditunjukkan oleh sesetengah pihak terhadap perkhidmatan awam sebagai perkhidmatan yang bermasalah, lembap dan tidak cekap adalah salah serta tidak menepati apa yang berlaku dalam warga jabatan itu sendiri. Implikasi daripada kajian ini ialah boleh membantu pihak-pihak tertentu seperti Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mendalami isu-isu kesihatan psikologi dalam warga jabatan ini bagi mewujudkan satu modul khas dalam membantu isu-isu kesihatan psikologi. Malah, boleh juga dijalankan satu kempen membantu mereka yang mempunyai isu stres, tekanan melampau, kemurungan dan pelbagai lagi isu yang wujud dalam kalangan penjawat awam ini di dalam perkhidmatan awam di Malaysia.

RUJUKAN

- Astro Awani. (2019). Sering Dengar Tangisan Budak Tengah Malam – Jiran. 7 Mac 2019. (www.astroawani.com/berita-malaysia/sering-dengar-tangisan-budak-tengah-malam-jiran-200411) [Muat turun pada 26 November 2019].
- Astro Awani. (2019). Bunuh Bayi, Dua Wanita Termasuk Seorang Pegawai JAKIM di Dakwa. 15 November 2019. (www.astroawani.com/berita-malaysia/bunuh-bayi-dua-wanita-termasuk-seorang-pegawai-jakim-didakwa-222766) [Muat turun pada 26 November 2019].
- Astro Awani. (2019). Bunuh Rakan Kerana Masakan Tidak Sedap, Mohamad Rosli ke Tali Gantung. (www.astroawani.com/berita-malaysia/bunuh-rakan-kerana-masakan-tidak-sedap-mohamad-rosli-ke-tali-gantung-220706) [Muat turun pada 26 November 2019].
- Berita Harian. (2018). Hunus Parang Tidak Puas Hati Markah SKT. 17 November 2018. Mohd Roji Kawi.
- Chua Bee Seok. (2004). Stres Pekerjaan, Kepuasan Kerja dan Masalah Kesihatan Mental Dalam Kalangan Polis. (www.ums.edu.my/fksn/images/files/BK.10-2004) [Muat turun pada 23 Oktober 2019].
- Galster, K. (2015). Poverty and Conflict: Can Economic Development Prevent Conflict?. *Journal of Interdisciplinary Conflict Science*. 1 (1): 7-29.
- Hyman, S.E. (2008). The Genetics Of Mental Illness: Implications For Practice. *Bulletin of The World Organisation*. 78 (4).
- Jarosz, B. dan Mather, M. (2018). The Working Poor Families Project. (www.workingfamilies.org) [Muat turun pada 25 Oktober 2019].
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). Today's Statistics by DOSM. *Buletin Perangkaan Sosial*. (www.dosm.gov.my) [Muat turun pada 26 November 2019].
- Jabatan Perkhidmatan Awam. (2018). Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia. Putrajaya: Bahagian Pengurusan Psikologi.
- Krause, K., dan Jutersonke, O. (2005). Peace, Security and Development in Post-conflict Environments. *Security Dialogue*. 447-462.

- Maniam Thambu. (2010). *Hidup Atau Mati Masalah Bunuh Diri Di Malaysia Dari Perspektif Psikiatri*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mat Ali Hassan dan Amran Hassan. (2019). Kesejahteraan Psikologi Atau Kesihatan Mental: Satu Analisis Umum. *Buletin Penyelidikan Jabatan Perkhidmatan Awam*. 5: 1-4.
- Ruziati Mior Ahamad Ariffin, Zuraini Ismail, Nordin Yusoff dan Marnorleza Maridzor. (2017). Tinjauan Awal Kesihatan Mental Pekerja Sektor Awam. *Jurnal Psikologi dan Kaunseling Perkhidmatan Awam Malaysia*. 12: 1-17.
- Ryff, C.D. (1989). Happiness is Everything, Or Is It? Explorations On The Meaning of Psychological Well Being. *Journal of Personality and Social Psychology*. 57(6): 1069-1081.
- Rohany Nasir dan Fatimah Omar. (2006). *Kesejahteraan Manusia: Perspektif Psikologi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- World Health Organisation. (2012). Measurement od and target setting for well-being: an initiative by the WHO Regional Office for Europe. Second meeting of the expert group Paris, France. 25-26, June 2017. Di akses daripada(www.euro.who.int/_data/assets/pdf_file/0009/181449/e96732.pdf) [Muat turun pada 30 Januari 2013].

MASALAH EKONOMI DAN ISU DI TEMPAT KERJA DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Mat Ali Hassan, PhD
Abdul Jalil Hassan, PhD
Amran Hassan, PhD
Zuraini Ismail
Ami Haji Patola

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

ABSTRACT

The problems faced by civil servants are diverse and usually narrowed down to economic and the workplace issues. Both of these elements are the key contributors to the well-being of a civil servant. The main objective of this study is to explore the undermining issues and the causes related to the economic state and workplace problems of civil servants. This quantitative study consists of questionnaires developed from previous studies. The samples for this study were civil servants from multiple Ministries, Departments, State Secretary Offices and agencies. A total of 9,880 respondents answered the questionnaire using the 'google doc survey'. The SPSS version.23 analyses revealed economic problems were common among civil servants. 68% of the respondents admitted suffering economic issues with 37.2% stated low wages and 24.8% stated that the current cost of living as the cause of the problem. 61% who claimed to face workplace issues admitted that it was related to colleagues (33%) and employers(17%). The implication of this study is to benefit agencies like the Public Service Department, the Ministry of Women, Family and Community Development and the Ministry of Education to progressively develop a more specific module to concentrate on the outlying areas of concern in particular, which

are directly relevant to the civil servants and their economic state and problems at work.

Keywords : *economy, issues at work, civil servants, public service, the problem*

PENGENALAN

Perkhidmatan awam di Malaysia sebenarnya sudah lama bertapak di dalam pengurusan pentadbiran. Semuanya bertunjangkan ke arah pengurusan sesebuah perkhidmatan dari kerajaan untuk rakyat. Namun, modal insan yang ada di dalam perkhidmatan awam merupakan sumber yang sangat penting bagi menggerakkan perjalanan sesebuah pentadbiran di negara ini. Mereka terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat sama ada berbeza jantina, kaum, gred, pendapatan, asal usul negeri, gaya kepimpinan, daya tindak, gaya asuhan dan pelbagai lagi. Asas utama modal insan ini bekerja ialah untuk perkembangan dan pembangunan sesebuah negara, sejajar dengan kehendak globalisasi dunia yang berlaku masa kini yang dikatakan mengubah struktur ekonomi dan sosial masyarakat (Chua, 2004).

Masyarakat masa kini berhadapan dengan pelbagai permasalahan yang kadang-kadang sukar diramalkan dengan akal fikiran. Malah, ada yang melibatkan isu-isu yang telah memberi kesan kepada seseorang individu sehingga menjejaskan tahap kesejahteraan psikologi dalaman mereka. Dapatan ini juga boleh menjadi panduan dalam pelaksanaan program-program intervensi yang dirancang bagi mencapai kesejahteraan psikologi masyarakat. Oleh itu, kesemua ini berkait rapat dengan kesejahteraan psikologi manusia yang sebenarnya sesuatu yang sangat subjektif untuk di buat penilaian (Ryff, 1989; Yahaya, 2002; Rohany & Fatimah, 2006). Ini kerana kesejahteraan dan kebahagiaan yang ingin di capai oleh seseorang manusia itu adalah berbeza antara satu sama lain. Ada dalam kalangan mereka melihat kesejahteraan psikologi sebagai suatu yang luas, dan semuanya berkait rapat dengan permasalahan

umum penjawat awam. Subjektifnya elemen kesejahteraan psikologi ini telah mengambil kira pelbagai aspek masalah atau kebahagiaan sama ada melibatkan keadaan luaran serta dalaman seseorang individu mengikut acuan yang tersendiri.

Sama juga dengan isu personaliti, ianya digambarkan sebagai satu perkara yang wajar menjadi perhatian dalam kalangan modal insan. Personaliti ini merujuk kepada personaliti yang positif dan mampu melahirkan pekerja-pekerja yang mempunyai nilai positif sama ada membabitkan emosi, kognitif dan tingkah laku (Che Mohd Syaharuddin, Bahyah & Aziz, 2017). Personaliti yang positif di dalam pekerjaan terutama dalam sektor awam akan membantu menyumbang kepada aspek keberkesanan pekerja untuk jangka masa yang panjang, dan mengelakkan sebarang permasalahan lain yang timbul.

Permasalahan umum yang melanda penjawat awam merupakan sesuatu perkara yang memang wajar untuk diperbincangkan. Semua ini melibatkan isu-isu peribadi, keluarga, kewangan, sosial, rumah tangga atau perkahwinan, tempat kerja dan pelbagai lagi. Pembentukan isu atau masalah sebegini mencerminkan bahawa tingkah laku manusia ini pelbagai, dan memerlukan pantauan atau pemerhatian yang khusus daripada semua pihak. Namun, isu-isu atau masalah ini bukanlah sesuatu yang harus dipandang ringan kerana saling perkaitan itu akan membawa kepada pelbagai masalah lain dalam kehidupan seharian. Jelasnya, permasalahan umum inilah yang mendatangkan kesan seperti kurangnya produktiviti, hilang di tempat kerja, memonteng, tidak hadir bertugas, isu pergaduhan atau konflik di tempat kerja, masalah kewangan dan pelbagai lagi. Inilah yang menjadi satu tujuan kepada kajian ini dijalankan dalam menilai dan melihat aspek-aspek permasalahan umum dalam perkhidmatan awam yang melanda penjawat awam pada masa kini.

PERMASALAHAN KAJIAN

Rentetan daripada permasalahan yang berlaku dalam kalangan penjawat awam yang menyatakan seramai 400,000 orang penjawat awam mengalami tekanan emosi (Berita Harian, 19 Mac 2019) sangat membimbangkan banyak pihak. Namun, elemen tekanan emosi ini bukanlah satu fakta yang kuat dan kukuh, memandangkan tiada satu pun mekanisme yang digunakan untuk melihat elemen ini lebih spesifik. Kebimbangan sebegini oleh Datuk Azih Muda (Presiden CUEPACS) sebenarnya memberikan satu perspektif bahawa penjawat awam juga tidak terkecuali daripada mengalami pelbagai masalah dalam kehidupan seharian mereka. Malah, mengikut Presiden CUEPACS ini juga kebanyakan penjawat awam mempunyai masalah tekanan emosi kerana isu kewangan dan juga masalah di tempat kerja (Berita Harian, 19 Mac 2019). Trend peningkatan dan penurunan elemen kesejahteraan pekerja wajar diberi perhatian untuk perkhidmatan awam bergerak dengan cara yang lebih baik (Berita Harian, 19 Mac 2019).

Isu kesihatan mental juga merupakan isu yang turut melanda penjawat awam yang juga tergolong di dalam masyarakat umum. Mengikut kenyataan Menteri Kesihatan, YB Dr. S. Subramaniam, pada tahun 2016 sebanyak 76,061 kes yang mendapatkan rawatan sakit mental sama ada di klinik kesihatan dan juga hospital kerajaan (The Malaysian Highlight, 14 November 2017). Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 1% berbanding tahun 2015 dan perbandingan dengan tahun 2006 ialah peningkatan sebanyak 11.2% (The Malaysian Highlight, 14 November 2017). Data ini menunjukkan bahawa elemen masalah kesihatan mental juga menjadi satu tarikan kuat ke arah menjadikan masyarakat dan penjawat awam mempunyai masalah dalaman. Mereka seolah-olah hilang di dalam dunia mereka sendiri dan mula menjadi tidak berakal dalam melakukan apa sahaja tindakan.

Keperluan untuk melihat aspek-aspek permasalahan umum dalam kalangan penjawat awam merupakan sesuatu yang perlu dipandang

serius. Namun, adakah rakyat/penjawat awam merasai akan permasalahan umum yang mereka hadapi ini berdasarkan kepada pandangan diri mereka sahaja ? Ini merupakan satu keperluan utama dalam melihat permasalahan umum penjawat awam dalam kalangan perkhidmatan awam di Malaysia.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini secara umumnya ialah untuk mengkaji permasalahan umum yang melibatkan elemen ekonomi dan isu di tempat kerja serta punca-punca utamanya dalam kalangan penjawat awam yang bekerja di dalam perkhidmatan awam.

Objektif khusus bagi kajian ini ialah ;

- i) Mengkaji faktor demografi yang memberi kesan kepada permasalahan umum dalam kalangan penjawat awam (jantina, bangsa, kumpulan perkhidmatan dan skim perkhidmatan).
- ii) Mengenal pasti faktor permasalahan ekonomi yang mempengaruhi permasalahan umum dalam kalangan penjawat awam serta punca-punca utamanya.
- iii) Mengkaji faktor permasalahan di tempat kerja yang mempengaruhi permasalahan umum dalam kalangan penjawat awam serta punca-punca utamanya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan secara kuantitatif dengan menggunakan soalan atau item-item yang bersesuaian bagi melihat permasalahan umum penjawat awam. Item-item yang dibina adalah berdasarkan kepada sorotan kajian lepas yang dirujuk serta item-item tersebut di ubahsuai kepada kesesuaian isu yang hendak di kaji. Soalan tersebut di edarkan melalui '*google doc survey*' kepada kesemua Kementerian dan Agensi-agensi kerajaan termasuklah Pejabat Setiausaha Kerajaan

Negeri. Seramai 9880 orang responden telah memberikan respon kepada soal selidik ini.

Alat kajian ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian A mengandungi demografi responden yang terdiri daripada kementerian / agensi, jantina, bangsa, kumpulan perkhidmatan, gred jawatan, umur, tempoh perkhidmatan, negeri tempat bertugas, skim perkhidmatan dan juga bidang tugas responden. Manakala, bahagian B meliputi 15 item yang dibina sendiri berdasarkan kepada kesesuaian item bagi melihat permasalahan umum penjawat awam ini. Item-item ini dirujuk daripada kajian-kajian lepas dan dilihat kesesuaiannya dengan sosial budaya masyarakat di Malaysia. Jawapan “ya” dan “tidak” kepada item-item tersebut dan responden juga dikehendaki menulis untuk setiap item bagi punca-punca permasalahan tersebut dan di analisis menggunakan manual untuk kualitatif, manakala yang kuantitatif menggunakan SPSS versi .23. Keputusan kajian yang di analisis hanya melihat kepada keputusan secara deskriptif sahaja tanpa penghuraian tentang analisis inferensi.

KEPUTUSAN KAJIAN

Data Demografi

Seramai 9880 responden terlibat dalam kajian ini, 3369 orang responden lelaki dengan 34%, dan 6511 orang atau 65% responden wanita terlibat dalam kajian ini. Dari segi bangsa, bangsa Melayu sebanyak 7978 orang atau 81%, India sebanyak 405 orang atau 4%, Cina sebanyak 503 orang atau 5% dan bangsa Bumiputera Sabah / Sarawak seramai 994 orang dengan 10%. Bagi kumpulan perkhidmatan, Pengurusan dan Profesional sebanyak 3269 orang atau 33%, Sokongan sebanyak 6197 orang dengan 63%, dan Pengurusan Atasan seramai 414 orang atau 4%. Bagi Skim Perkhidmatan untuk Gunasama seramai 5155 orang atau 52%, Bukan Gunasama seramai 4316 orang atau 44% dan lain-lain seramai 409 orang atau 4%.

Jadual 1 menunjukkan data demografi sebagaimana yang diperbincangkan.

Jadual 1 : Data Demografi Responden

Demografi	Bilangan (n)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	3369	34%
Perempuan	6511	65%
Bangsa		
Melayu	7978	81%
India	405	4%
Cina	503	5%
Bumiputera Sabah / Sarawak	144	10%
Kumpulan Perkhidmatan		
Pengurusan Atasan	414	4%
Pengurusan & Profesional	3269	33%
Sokongan	6197	63%
Skim Perkhidmatan		
Guna sama	5155	52%
Bukan Guna sama	4316	44%
Lain-lain	409	4%

Permasalahan Ekonomi Mengikut Skim dan Bangsa Serta Punca-punca Utamanya Dalam Kalangan Penjawat Awam

Keputusan menunjukkan sebanyak 68% atau 4866 orang responden bersetuju bahawa mereka mempunyai permasalahan kewangan / ekonomi selama menjawat jawatan di dalam perkhidmatan awam. Manakala, sebanyak 32% atau 2333 orang responden menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju kerana mempunyai masalah ekonomi. Dari segi kumpulan perkhidmatan, kumpulan sokongan dikatakan mempunyai permasalahan ekonomi dengan 65.7% atau 3197 orang responden paling tinggi, berbanding dengan Pengurusan dan Profesional

sebanyak 31.6% atau 1540 orang responden. Pengurusan Atasan paling sedikit yang mempunyai masalah kewangan iaitu dengan 2.7% atau 129 orang responden sahaja. Bagi melihat mengikut kaum pula, bangsa Melayu mencatatkan 81.1% atau 3948 orang responden terlibat dengan isu ekonomi, berbanding bangsa Cina hanya 3.3% dengan 159 orang responden, bangsa India 3.6% dengan 176 orang responden. Bagi Bumiputera Sabah / Sarawak, sebanyak 12% atau 583 orang responden terlibat dengan isu kewangan ini. Jadual 2 menunjukkan permasalahan ekonomi atau kewangan yang di hadapi oleh penjawat awam mengikut skim perkhidmatan dan bangsa yang terlibat.

Jadual 2 : Permasalahan Ekonomi, Skim Perkhidmatan dan Bangsa

Jenis-jenis Permasalahan Ekonomi	Bilangan (n)	Peratus (%)
Mempunyai Masalah Ekonomi	4866	68%
Tidak Mempunyai Masalah Ekonomi	2333	32%
Skim Perkhidmatan Awam		
Pengurusan Atasan	129	2.7%
Pengurusan dan Profesional	1540	31.6%
Sokongan	3197	65.7%
Bangsa		
Melayu	3948	81.1%
Cina	159	3.3%
India	176	3.6%
Bumiputera Sabah / Sarawak	583	12%

Daripada keputusan yang diperolehi untuk punca-punca wujudnya isu ekonomi dalam kalangan penjawat awam di dalam perkhidmatan awam ialah sama ada melibatkan unsur dalaman dan juga luaran. Bagi punca utama adanya isu permasalahan umum ini ialah kerana gaji yang rendah dengan nilai 37.2% atau 849 orang responden, kos sara hidup yang tinggi dengan nilai 24.8% atau 565 orang dan ada juga yang melibatkan hutang sebanyak 21% dengan 478 orang responden. Ada lagi punca-punca wujudnya masalah ekonomi ini disebabkan oleh pengurusan kewangan yang tidak cekap sebanyak 6.9% dengan 158 orang responden serta tanggungan yang ramai di dalam keluarga

sebanyak 5.4% dengan 124 orang. Inilah antaranya punca-punca utama penjawat awam mempunyai isu dalam kewangan sehingga menjejaskan kehidupan peribadi serta elemen-elemen lain dan terpaksa menanggung beban yang berat dalam pelbagai hal. Jadual 3 menunjukkan punca-punca utama wujudnya permasalahan ekonomi dalam kalangan penjawat awam di dalam perkhidmatan awam di Malaysia.

Jadual 3 : Punca-punca Utama Permasalahan Ekonomi Dalam Kalangan Penjawat Awam

Punca-punca Ekonomi	Utama	Permasalahan	Bilangan (n)	Peratus (%)
Gaji Rendah			849	37.2%
Kos Sara Hidup Tinggi			565	24.8%
Hutang			478	21%
Pengurusan Kewangan			158	6.9%
Tanggungan Ramai			124	5.4%

Permasalahan Di Tempat Kerja Mengikut Skim dan Bangsa Serta Punca-punca Utamanya Dalam Kalangan Penjawat Awam

Keputusan menunjukkan bahawa sebanyak 61% atau 4395 orang responden terlibat dengan masalah di tempat kerja, manakala 39% atau 2804 tidak terlibat dengan permasalahan di tempat kerja. Dari segi kumpulan perkhidmatan, Pengurusan Atasan mendapat 5.2% dengan 228 orang responden, Pengurusan dan Profesional sebanyak 39% dengan 1713 orang responden dan akhir sekali ialah Sokongan dengan 62.7% atau 2454 orang responden, iaitu paling tinggi yang terlibat dengan kajian ini.

Bangsa tertinggi yang menjadi responden kajian ini ialah Melayu dengan 80.5% atau 3539 orang responden, bangsa Cina sebanyak 5.1% atau 224 orang repsonden, India pula sebanyak 3.5% atau 156

orang dan Bumiputera Sabah / Sarawak sebanyak 10.8% atau 476 orang responden. Jadual 4 menunjukkan permasalahan di tempat kerja mengikut skim dan bangsa yang terlibat.

Jadual 4 ; Permasalahan Di Tempat Kerja, Skim Perkhidmatan dan Bangsa

Permasalahan Di Tempat Kerja	Bilangan (n)	Peratus (%)
Mempunyai Masalah Di Tempat Kerja	4395	61%
Tidak Mempunyai Masalah Di Tempat Kerja	2804	39%
Skim Perkhidmatan Awam		
Pengurusan Atasan	228	5.2%
Pengurusan dan Profesional	1713	39%
Sokongan	2454	62.7%
Bangsa		
Melayu	3539	80.5%
Cina	224	5.1%
India	156	3.5%
Bumiputera Sabah / Sarawak	476	10.8%

Daripada keputusan yang diperolehi, kewujudan permasalahan di tempat kerja dalam kalangan penjawat awam ini adalah dari pelbagai faktor. Inilah yang membuka kepada pelbagai permasalahan lain sama ada secara dalaman atau luaran. Bagi yang tertinggi ialah dari punca rakan sekerja iaitu 33% dengan 395 orang responden, majikan pula sebanyak 17% dengan 202 orang responden, masalah sikap sebanyak 16% atau 183 orang. Punca-punca masalah ini juga ada melibatkan komunikasi sebanyak 10% atau 123 orang, stres atau tekanan sebanyak 9% atau 102 orang responden, diikuti pula dengan tiada kerjasama sebanyak 5% atau 55 orang. Malah, ada juga punca daripada pekerja yang senior iaitu 4% dengan 45 orang responden, beban tugas sebanyak 4% dengan 42 orang, arahan kerja tidak jelas / konflik sebanyak 2% atau 20 orang responden, berjauhan dengan keluarga sebanyak 0.8% atau 10 orang responden dan kerja syift sebanyak 0.1% atau 3 orang. Semua ini merupakan antara punca kepada permasalahan di tempat

kerja yang wujud dalam pelbagai keadaan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Malah, keadaan inilah yang menambahkan tekanan dalam kalangan penjawat awam untuk meneruskan kerja dengan baik dan harmoni di dalam sesebuah organisasi. Jadual 5 menunjukkan punca-punca utama wujudnya permasalahan di tempat kerja dalam perkhidmatan awam.

Punca-punca Utama Permasalahan Di Tempat Kerja	Bilangan (n)	Peratus (%)
Rakan Sekerja	395	33%
Majikan	202	17%
Sikap	183	16%
Komunikasi	123	10%
Stres	102	9%
Tiada Kerjasama	55	5%
Pekerja Senior	45	4%
Beban Tugas	42	4%
Arahan Kerja Tidak Jelas / Konflik	20	2%
Berjauhan Dengan Keluarga	10	0.8%
Kerja Syift	3	0.1%

PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa permasalahan umum penjawat awam paling ketara dalam isu ekonomi atau kewangan dan juga isu di tempat kerja. Ini sekaligus telah menunjukkan bahawa permasalahan ini menjadi isu yang wajar diberikan perhatian oleh pihak majikan dan juga pekerja itu sendiri. Semuanya bagi mengelakkan sebarang elemen tidak produktif di sesebuah organisasi untuk jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang.

Kajian Roslan dan Nik Rosnah (2008) menjelaskan bahawa minda, pemikiran, sikap dan tingkah laku dan tindakan anggota di sesebuah organisasi wajar diselenggara dengan cara yang baik bagi mengelakkan daripada menjejaskan prestasi, imej dan reputasi organisasi, kerajaan

dan juga negara. Semua ini bagi mengelakkan daripada berlakunya segala permasalahan umum dalam kalangan penjawat awam yang tidak diingini. Kajian ini menyokong kajian Galster (2015) yang menjelaskan bahawa isu sosioekonomi yang wujud sebenarnya sedikit sebanyak mempengaruhi permasalahan / konflik yang berlaku di dalam masyarakat. Malah, sekiranya ia melibatkan elemen-elemen kemiskinan akan membawa kepada pelbagai isu lain yang menjejaskan kesejahteraan psikologi ke atas manusia, sekaligus menjejaskan elemen lain seperti organisasi dan juga produktiviti. Inilah antara elemen yang menjadi titik tolak kepada kemusnahan pola perubahan di dalam diri manusia dan juga organisasi daripada terus berkembang dengan lebih baik. Krause dan Jutersonke (2005) melihat sebagai kekuatan ekonomi boleh menjadikan kestabilan yang baik sama ada untuk luaran atau dalaman seseorang individu daripada mempunyai sebarang permasalahan yang melanda.

Dalam pada itu, kajian ini juga menyokong kajian Rabiul, Ahmad Bhasawir, Irwanshah dan Jeya Malar (2017) yang jelas menyatakan bahawa elemen ekonomi dan jurang pendapatan yang tinggi wujud dalam pelbagai sektor. Malah, inilah punca kepada permasalahan masyarakat yang sukar ditangani walaupun pelbagai kaedah untuk menangani isu ini dilakukan melalui Unit Perancang Ekonomi. Semuanya bertujuan untuk mengelakkan jurang pendapatan tersebut. Kemiskinan dan jurang pendapatan yang tinggi ini masih wujud dalam kalangan masyarakat terutama di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sebanyak 3.9%, Kelantan sebanyak 0.9% dan Sarawak sebanyak 0.9% pada tahun 2014 (Rabiul et. al., 2017). Jelasnya, jurang pendapatan dan juga elemen ekonomi yang tidak kukuh menyebabkan banyak berlaku pelbagai permasalahan dalam diri seseorang individu sehingga membawa kepada permasalahan jiwa bagi penjawat awam. Inilah yang boleh meruntuhkan aspek-aspek pekerjaan dan juga peribadi sehingga membawa kepada permasalahan lain di dalam hidup selama menjalani alam pekerjaan.

Dalam pada itu, kajian daripada Mohd Koharuddin, Rosman, Mohd Azhar, Muhammad Fauzi dan Nasir (2010) melihat elemen permasalahan di tempat kerja sebagai elemen yang melibatkan etika di tempat kerja dalam kalangan penjawat awam di Malaysia. Semua ini akan memberikan impak kepada pengukuhan etika kerja di dalam perkhidmatan awam. Sekiranya banyak permasalahan yang wujud di dalam perkhidmatan awam, bermakna penjawat awam harus menjalankan tugasnya selari dengan etika kerja yang telah ditetapkan. Kajian ini tidak menyokong keputusan kajian yang diperolehi iaitu banyak permasalahan kerja di dalam perkhidmatan awam berpunca daripada rakan sekerja dan majikan. Justeru, pelbagai pihak sebenarnya wajar melihat isu ini dengan lebih luas bagi membantu penilaian etika kerja selaras dengan apa yang diinginkan di dalam perkhidmatan awam.

Akhir sekali, kajian ini juga menyokong kajian Jarosz dan Mather (2018) iaitu permasalahan ekonomi dalam keluarga memang wujud dalam kalangan pekerja. Mereka ini mengalami permasalahan kewangan sehingga menyebabkan pelbagai masalah lain selama berhadapan dengan isu-isu tersebut di dalam pekerjaan. Kebanyakan 60% daripada 10 juta orang yang memang mempunyai masalah kewangan dan mereka terdiri daripada pekerja-pekerja yang mempunyai keluarga (Jarosz & Mather, 2018). Namun, kesemua ini menjadi satu panduan bahawa isu kewangan dalam kalangan pekerja bukanlah satu isu kecil, malah merupakan isu global yang dialami oleh semua pihak. Amerika Syarikat yang merupakan antara negara termaju dan kaya juga mengalami isu kewangan dalam kalangan pekerja-pekerja mereka. Inilah yang menjadikan keadaan itu sebagai satu keadaan yang memerlukan panduan dan perspektif terhadap isu kewangan ini.

Rumusannya, kajian-kajian lepas menjelaskan bahawa permasalahan umum pekerja sebenarnya banyak berkaitan dengan permasalahan kewangan. Namun, semua itu memerlukan keseimbangan yang baik sama ada dari pihak pekerja itu sendiri atau orang lain di dalam keluarga pekerja itu. Permasalahan umum ini telah menjadikan seseorang boleh

menghadapinya dengan baik atau sebaliknya. Inilah yang dikatakan sebagai tarikan kepada kesejahteraan psikologi manusia yang boleh menjadi satu ukuran kepada kesejahteraan secara global untuk semua pihak.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, jelas menunjukkan bahawa permasalahan umum dalam kalangan penjawat awam atau pekerja secara umum lebih berkaitan dengan isu kewangan dan isu di tempat kerja. Inilah yang menjadi punca kepada isu lain dalam kalangan pekerja itu sama ada untuk bekerja dengan baik atau sebaliknya. Malah, punca-punca kepada berlakunya permasalahan umum seperti rakan sekerja dan majikan boleh dijadikan satu panduan kepada kesejahteraan psikologi manusia secara keseluruhan. Tiada seseorang manusia yang ingin hidup dalam keadaan yang tidak sebaiknya, malah akan mencuba mencari sesuatu keharmonian hidup dengan cara yang membanggakan. Implikasi kajian ini secara praktikalnya boleh membantu pihak-pihak tertentu seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Kementerian Pendidikan Malaysia mewujudkan satu modul khusus dalam melihat permasalahan umum penjawat awam ini dengan lebih spesifik lagi dalam kedua-dua aspek tersebut.

RUJUKAN

- BERNAMA. (2019). Lebih 40,000 penjawat awam alami tekanan emosi-CUEPACS. 19 Mac 2019. (www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03/542908/lebih-40000-penjawat-awam-alami-tekanan-emosi-cuepacs). [Muat turun 23 Oktober 2019].
- Che Mohd Syaharuddin Che Cob, Bahyah Abdul Halim dan Aziz Amin. (2017). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Kerja Dalam Kalangan Penjawat Awam: Satu Kajian Teoritikal. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 4: 67-75.
- Chua Bee Seok. (2004). Stres Pekerjaan, Kepuasan Kerja dan Masalah Kesihatan Mental Dalam Kalangan Polis. (www.ums.edu.my/fksn/images/files/BK.10-2004) [Muat turun pada 23 Oktober 2019].
- Galster, K. (2015). Poverty and Conflict: Can Economic Development Prevent Conflict?. *Journal of Interdisciplinary Conflict Science*. 1 (1): 7-29.
- Jarosz, B. dan Mather, M. (2018). The Working Poor Families Project. (www.workingfamilies.org) [Muat turun pada 25 Oktober 2019].
- Krause, K., dan Jutersonke, O. (2005). Peace, Security and Development in Post-conflict Environments. *Security Dialogue*. 447-462.
- Mohd Koharuddin Mohd Balwi, Rosman Md Yusoff, Mohd Azhar Abd. Hamid, Muhammad Fauzi Othman dan Nasir Markom. (2012). Etika Kerja Dalam Kalangan Penjawat Awam Malaysia: Perbincangan Makro dan Mikro Ke Atas Pembuatan Keputusan Etika. *Jurnal Teknologi*. 57-62.
- Rabiul Islam, Ahmad Bashawir Abdul Ghani, Irwanshah Zainal Abidin dan Jeya Malar Rayaiappan. (2017). Impact on Poverty and Income Inequality in Malaysia's Economic Growth. *Problems and Perspectives in Management*. 15(1): 55-62.
- Roslan Mahmood dan Nik Rosnah Wan Abdullah. (2008). Pendidikan Etika, Moral dan Integriti Dalam Organisasi Sektor Awam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan Awam*. 123-140.
- Rohany Nasir dan Fatimah Omar. (2006). Kesejahteraan Manusia: Perspektif Psikologi. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ryff, C.D. (1989). Happiness is Everything, Or Is It? Explorations On The Meaning of Psychological Well Being. *Journal of Personality and Social Psychology*. 57(6): 1069-1081.
- The Malaysian Highlight. (2017). Klinik Kerajaan Terima 76,000 Kes Sakit Mental. 14 November 2017. Nabihah Hamid.
- World Health Organisation. (2012). Measurement od and target setting for well-being: an initiative by the WHO Regional Office for Europe. Second meeting of the expert group Paris, France. 25-26, June 2017. Di akses daripada(www.euro.who.int/_data/assets/pdf_file/0009/181449/e96732.pdf) [Muat turun pada 30 Januari 2013].
- Yahaya Mahmood. (2002). Kesihatan dan Pencapaian Kesejahteraan Manusia: Perdampingan Sumber-sumber Biologikal dengan Faktor-faktor Psikologikal dan Sosial. *Pasca Sidang Seminar Psikologi-PSIMA 2000 dan 2002*. 2:1-16.

KEBOLEHPERCAYAAN SOAL SELIDIK KESEJAHTERAAN DIRI BERDASARKAN PENDEKATAN MODEL PENGUKURAN RASCH

Hazaila Hassan, PhD
Abu Yazid Abu Bakar, PhD
Salleh Amat, PhD

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRACT

This pilot study aimed to identify the reliability of the instrument used to measure the self-change of low performance public service officers by using a questionnaire that had been developed which was the Personal Wellness Questionnaire. This instrument consisted of 84 items divided into 6 sections, section A was demographics and sections B, C, D, E and F consisted of 5 constructs of self-change namely emotional, psycho-spiritual, social, cognitive, and behavioural adjustment. Thirty low-performing public service officers at a ministry in Putrajaya were involved in the piloting. The measurement of Rasch Model version 3.72.3 was also used to obtain item reliability value of 0.89 and respondent reliability of 0.95 for this instrument. This indicated that the items used were very good and in effective condition with a high level of consistency and can be used in actual research. The final analysis found that 24 items were removed because they did not meet the criteria, did not match the correct constructs and did not comply with the criteria set by the researchers. After obtaining high validation and high quality of the instruments used, it can be used by psychology officers, human development officers in the civil service in the overall aspect of emotional stability, psycho-spiritual, social skills, cognitive and behavioural adjustment.

Keywords: *Organization counselling, pilot study, civil service, low performance officer, Rasch Model*

PENGENALAN

Pelbagai isu yang berlaku terhadap penjawat awam dalam perkhidmatan awam di Malaysia iaitu dari aspek pembangunan insan yang membawa kepada tahap komitmen yang rendah dalam kalangan pekerja. Pada masa kini, perubahan semasa dalam masyarakat, seperti kadar pendapatan dan sara hidup yang lebih tinggi, masyarakat berpendidikan tinggi, dan permintaan pelanggan yang pelbagai, menuntut sektor awam memberi perkhidmatan yang lebih berkualiti dari segi pilihan yang lebih luas dan fleksibiliti (Marsidi & Abdul Latip, 2007). Oleh kerana itu, pentingnya perkhidmatan kaunseling diwujudkan di tempat kerja. Abu Yazid (2014) menyatakan bahawa antara matlamat teras perkhidmatan kaunseling adalah untuk mendorong perubahan tingkah laku klien, membantu klien membuat keputusan, membentuk kemahiran daya tindak sendiri klien, merasionalkan fikiran klien dan membantu klien memperbaiki hubungan dengan orang lain. Surat Pekeliling Bilangan 4/1998 telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia menyatakan bahawa perkhidmatan intervensi psikologi dan kaunseling amat dititikberatkan dan sangat diberi perhatian demi untuk meningkatkan mutu perkhidmatan juga jati diri pegawai perkhidmatan awam. Oleh yang demikian, keperluan untuk melaksanakan intervensi ini di tempat kerja memerlukan sokongan dan penglibatan bersepadu pihak pengurusan di semua peringkat.

Aspek emosi, psiko-spiritual, kemahiran sosial, kognitif dan penyesuaian tingkah laku jika tidak seimbang dan bermasalah, ianya mempengaruhi mutu perkhidmatan seorang pekerja. Oleh itu, ianya perlu diperbaiki bagi membantu mempertingkatkan prestasi kerja mereka (Bokti & Talib, 2010; Milliman, Czaplewski, & Ferguson, 2000; Querstret, Cropley, Kruger, Heron, 2015; Tenney, Poole & Diener, 2016). Oleh yang demikian, perlu dibangunkan sebuah instrumen yang kukuh dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi untuk mengukur ke lima-lima konstruk tersebut bagi melihat perubahan sendiri yang baik terhadap pegawai berprestasi rendah ini.

Prestasi di tempat kerja banyak bergantung kepada kelakuan pekerja yang ada dalam tempat kerja tersebut. Namun begitu, jika dilihat dari segi pekerja yang ada, mereka dianggap berkualiti dan dapat memberikan sumbangan yang baik berbanding dengan mereka yang kurang berkualiti (Authors, 2016). Bakri (2009) secara keseluruhan, tahap kepuasan kerja dalam kalangan pekerja di Malaysia menurun sejak tahun 2000 setelah mereka mencapai tahap peringkat umur 35 hingga 44 tahun. Ahmad dan Zahari (2013) mengatakan bahawa tingkah laku pekerja itu sendiri boleh mempengaruhi tahap kepuasan kerja terhadap tempat kerja. Kewujudan tingkah laku seperti tidak hadir bekerja sering berlaku. Mohamed (2015) berpendapat bahawa faktor-faktor yang menyumbang kepada ketidakhadiran pekerja seperti demografi, kepuasan kerja, ganjaran, persekitaran tempat kerja, hubungan dengan rakan sekerja, dan kesihatan boleh memberi kesan negatif terhadap prestasi kerja mereka. Ini menunjukkan bahawa prestasi kerja berhubung rapat dengan tingkah laku pegawai perkhidmatan awam dan mereka yang berprestasi rendah dapat mengancam fungsi normal di tempat kerja dan walaupun ianya kelihatan boleh bertahan namun seperti bergantung dengan persekitaran tempat kerja juga (Audia & Greve, 2006).

Lima konstruk tersebut perlu mendapat kesahan yang tinggi melalui analisis yang berkaitan tinjauan awal, teoretikal dan model yang melibatkan lima elemen iaitu emosi, spiritual, sosial, kognitif dan tingkah laku. Di samping itu, rujukan kepada beberapa instrumen perubahan sendiri di tempat kerja dilakukan bagi menambah baik dan menilai item-item di dalam instrumen sedia ada. Instrumen-instrumen ini didapati mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik dan tinggi bermakna ianya boleh digunakan dalam seting sebenar. Bagi instrumen *Behaviour Intervention Rating Scale* (BIRS) mempunyai 24 item yang mendapati nilai 0.79 nilai kebolehpercayaannya. Manakala bagi *Emotional Intelligence Self Analysis Questionnaire* (SAQ) pula, mempunyai sebanyak 30 item dan mendapat 0.89 nilai kebolehpercayaan bermakna instrumen ini baik dan boleh digunakan.

Nilai kebolehpercayaan *Self-Regulated Learning at Work Questionnaire* pula ialah 0.92 mempunyai 17 item dalam instrumen ini. Bagi 6 *Frankfurt Self-Concept Scales* (FSKN) pula, nilai kebolehpercayaannya ialah 0.87 dan mempunyai empat komponen yang dikaji manakala bagi *Self-Efficacy Measurement* (SEM) pula mempunyai 26 item dan nilai kebolehpercayaan bagi instrumen ini ialah 0.77. Seterusnya bagi instrumen, *Spiritual Well-Being Scale*, ianya mempunyai 20 item dan 0.85 adalah nilai kebolehpercayaannya. Instrumen-instrumen ini turut membantu penyelidik memperbaiki item-item di dalam soal selidik ini (Fontana, Milligan, Littlejohn & Margaryan, 2015; Michie, Stralen, Van, & West, 2011).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengukur kebolehpercayaan dan kesahan item dan konstruk instrumen Kesejahteraan Diri.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian berbentuk deskriptif ini bertujuan untuk mendapatkan nilai kebolehpercayaan instrumen. Terdapat 75 item dalam instrumen ini yang terbahagi lima bahagian (B, C, D, E dan F) iaitu 5 konstruk yang mewakili kestabilan emosi, psiko-spiritual, kemahiran sosial, kognitif serta penyesuaian tingkah laku. Alat kajian yang digunakan adalah instrumen Kesejahteraan Diri yang diadaptasi oleh penyelidik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam. Setiap konstruk tersebut mempunyai 15 item selepas melalui kesahan pakar yang telah dijalankan oleh penyelidik. Selain itu, ianya juga daripada adaptasi dari instrumen-instrumen lain iaitu bagi instrumen *Behaviour Intervention Rating Scale* (BIRS) mempunyai 24 item yang mendapati nilai 0.79 nilai kebolehpercayaannya. Manakala bagi *Emotional Intelligence Self Analysis Questionnaire* (SAQ) pula, mempunyai sebanyak 30 item dan mendapat 0.89 nilai kebolehpercayaan bermakna instrumen ini baik dan boleh digunakan. Nilai kebolehpercayaan *Self-Regulated Learning*

at Work Questionnaire pula ialah 0.92 mempunyai 17 item dalam instrumen ini. Bagi 6 *Frankfurt Self-Concept Scales* (FSKN) pula, nilai kebolehpercayaannya ialah 0.87 dan mempunyai empat komponen yang dikaji manakala bagi *Self-Efficacy Measurement* (SEM) pula mempunyai 26 item dan nilai kebolehpercayaan bagi instrumen ini ialah 0.77. Seterusnya bagi instrumen, *Spiritual Well-Being Scale*, ianya mempunyai 20 item dan 0.85 adalah nilai kebolehpercayaannya. Instrumen-instrumen ini turut membantu penyelidik memperbaiki item-item di dalam soal selidik ini (Fontana et.al 2015; Michie et al. 2011). Seramai 30 orang terlibat di dalam kajian rintis ini. Mereka yang terlibat adalah peserta Program Kesejahteraan Diri yang dianjurkan oleh sebuah kementerian di Putrajaya yang mempunyai ciri-ciri yang telah dipilih oleh penyelidik iaitu sama seperti responden sebenar iaitu mereka yang mempunyai Laporan Nilai Prestasi Tahunan di bawah 70% pada tahun 2017. Kajian dilakukan terhadap populasi yang telah dicirikan oleh penyelidik. 30 orang responden adalah peserta Program Kesejahteraan Diri iaitu *convenient sampling* (Creswell, 2018).

ANALISIS DATA

Data kajian rintis ini dianalisis Model Pengukuran Rasch bagi mendapatkan keputusan kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* setiap konstruk dan setiap item. Perkara-perkara yang dinilai dengan menggunakan analisis ini ialah:

- a) Interpretasi skor *Alpha-Cronbach*;
- b) Interpretasi kebolehpercayaan dan pengasingan item bagi keseluruhan konstruk instrumen; dan
- c) Pemeriksaan nilai *point measure correlation* (PTMEACORR).

Dalam kajian rintis ini, penyelidik menggunakan Model Pengukuran Rasch untuk menguji kebolehpercayaan item dan responden juga

pembuangan item yang tidak sesuai di dalam kajian. Kebiasaannya, kebolehpercayaan sesuatu item hanya dilihat melalui nilai *Alpha Cronbach* keseluruhan sesuatu instrumen.

KEPUTUSAN KAJIAN

Seramai 30 orang responden telah menjawab soal selidik ini iaitu yang terlibat dalam Program Kesejahteraan Diri yang dijalankan selama 3 hari 2 malam seperti program sebenar yang akan dijalankan iaitu selama 20 jam. Setelah data dikumpul, data dianalisis secara deskriptif dan aras minimum yang digunakan dalam analisis ini adalah nilai pekali kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* 0.70 mengikut cadangan Creswell (2018). Namun, bagi memastikan soal selidik yang dibina mempunyai ketekalan yang tinggi dalam mengukur aspek yang sepatutnya diukur (Sidek & Jamaluddin, 2005). Analisis kebolehpercayaan yang diperolehi mendapati instrumen mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Asas bagi nilai kepercayaan soal selidik yang baik diambil daripada Linacre (2007) mengatakan bahawa Daniel (1996) menyatakan sesuatu soal selidik yang mempunyai nilai *Alpha Cronbach* (α) melebihi 0.6 adalah penilaian yang baik. Keputusan di atas menunjukkan bahawa secara keseluruhan nilai *Alpha Cronbach* adalah tinggi iaitu 0.745 menunjukkan nilai yang melebihi 0.60. Manakala dari segi konstruk pula, nilai terendah ialah bagi konstruk kestabilan emosi iaitu 0.742 dan nilai tertinggi pula ialah konstruk penyesuaian tingkahlaku iaitu 0.804. Ini menunjukkan bahawa melalui konstruk instrumen ini menepati dari segi kandungan untuk mengukur perubahan sendiri.

a) Interpretasi Skor *Alpha-Cronbach*

Melalui pendekatan Model Pengukuran Rasch ini, penyelidik melakukan pemeriksaan kefungsian item dari aspek kebolehpercayaan dan pengasingan item-responden dan penyingkiran item. Penjelasan untuk setiap pemeriksaan kefungsian item adalah seperti berikut:

Jadual 1: Interpretasi Skor *Alpha-Cronbach* (Bond & Fox 2007)

Skor Alpha-Cronbach	Kebolehpercayaan
0.9 – 1.0	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
0.7 – 0.8	Baik dan boleh diterima
0.6 – 0.69	Boleh diterima
<0.6	Item perlu dibaiki
<0.5	Item perlu digugurkan

Bagi menentukan kebolehpercayaan item dalam instrumen, analisis statistik dengan pendekatan Model Pengukuran Rasch digunakan dengan merujuk kepada nilai kebolehpercayaan serta pengasingan item. Dapatan analisis kajian mendapati nilai kebolehpercayaan yang diperoleh berdasarkan nilai *Alpha Cronbach* (α) ialah 0.95 seperti dalam jadual 2. Jelas menunjukkan nilai ini memberi maksud instrumen yang digunakan berada dalam keadaan yang sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi sekaligus boleh digunakan dalam penyelidikan sebenar.

Jadual 2: Nilai Kebolehpercayaan (*Alpha Cronbach*) Bagi Kajian Rintis

<i>PERSON RAW SCORE-TO-MEASURE CORRELATION = 1.00</i>
<i>CRONBACH ALPHA (KR-20) PERSON RAW SCORE RELIABILITY = .95</i>

- b) Interpretasi kebolehpercayaan dan pengasingan item bagi keseluruhan konstruk instrumen

Analisis terhadap instrumen juga dilaksanakan secara keseluruhan iaitu dengan melihat kebolehpercayaan dan pengasingan terhadap item

dan responden. Jadual 3 menunjukkan nilai kebolehpercayaan dan pengasingan item di mana nilai kebolehpercayaan item adalah 0.89, manakala nilai pengasingan item pula adalah 2.78 apabila dibundarkan bersamaan dengan 3 Berdasarkan nilai kebolehpercayaan item, nilai 0.87 menunjukkan berada dalam keadaan baik dan boleh diterima (Bond & Fox 2007). Manakala nilai pengasingan item adalah 2.62 jika dibundarkan adalah bersamaan dengan 3 dan menurut Linacre (2005) nilai pengasingan indeks yang baik kerana lebih daripada nilai 2.0.

Jadual 3: Nilai Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item bagi keseluruhan

Konstruk Instrumen

	<i>TOTAL</i>	<i>COUNT</i>	<i>MEASURE</i>	<i>MODEL</i>	<i>INFIT</i>		<i>OUTFIT</i>	
	<i>SCORE</i>			<i>ERROR</i>	<i>MNSQ</i>	<i>ZSTD</i>	<i>MNSQ</i>	<i>ZSTD</i>
<i>MEAN</i>	125.6	30.0	.00	.40	1.00	.0	.97	-.1
<i>S.D</i>	7.4	.0	1.19	.02	.27	1.0	.34	1.1
<i>MAX</i>	143.0	30.0	2.27	.47	1.47	1.6	1.74	2.2
<i>MIN</i>	110.0	30.0	-2.96	.34	.52	-.23	.39	-.23
<i>REAL RMSE</i>		.42	<i>TRUE SD</i>	1.11	<i>SEPARATION</i>	<i>ITEM</i>	<i>RELIABILITY</i>	
					2.62			.87
<i>MODEL RMSE</i>		.40	<i>TRUE SD</i>	1.12	<i>SEPARATION</i>	<i>ITEM</i>	<i>RELIABILITY</i>	
					2.78			.89
<i>S.E OF ITEM MEAN</i>	.17							

Manakala berdasarkan jadual 4, nilai kebolehpercayaan responden adalah 0.95 dan nilai pengasingan responden pula adalah 4.15.

Jadual 4: Nilai Kebolehpercayaan dan Pengasingan Responden Bagi Keseluruhan

Konstruk Instrumen

	<i>TOTAL SCORE</i>	<i>COUNT</i>	<i>MEASURE</i>	<i>MODEL ERROR</i>	<i>INFIT</i>		<i>OUTFIT</i>	
					<i>MNSQ</i>	<i>ZSTD</i>	<i>MNSQ</i>	<i>ZSTD</i>
<i>MEAN</i>	213.5	51.0	2.38	.31	.99	-.2	.97	-.3
<i>S.D</i>	14.4	.0	1.32	.02	.48	2.1	.50	1.9
<i>MAX.</i>	244.0	51.0	5.39	.37	2.25	3.8	2.31	3.7
<i>MIN.</i>	175.0	51.0	-.68	.24	.36	-3.4	.33	-3.3
<i>REAL RMSE</i>		.33 <i>TRUE SD</i>	1.27 <i>SEPARATION</i>			<i>PERSON</i>	<i>RELIABILITY</i>	
					3.81			.94
<i>MODEL RMSE</i>		.31 <i>TRUE SD</i>	1.28 <i>SEPARATION</i>			<i>PERSON</i>	<i>RELIABILITY</i>	
					4.15			.95
<i>S.E OF ITEM MEAN</i>	.24							

c) Pemeriksaan Nilai *Point Measure Correlation (PTMEA CORR)*.

Pemeriksaan nilai *Point Measure Correlation (PTMEA CORR)* bagi mengesan polariti item bertujuan untuk menguji sejauh mana pembinaan konstruk mencapai matlamatnya (Siti Rahayah & Kashfi, 2011). Berdasarkan jadual 5, terdapat tiga item yang mempunyai nilai negatif iaitu B1, E58 dan F65. Selebihnya, nilai *PTMEA CORR* adalah positif dan ia menunjukkan bahawa item tersebut mengukur konstruk yang ingin diukur. Maka tiga item tersebut perlu digugurkan dari keseluruhan 75 item asal dalam soal selidik (SSKD). Manakala nilai *PTMEA CORR* adalah positif namun terdapat lima nilai positif yang terendah iaitu pada item B2 (0.05), B10 (0.05), D33 (0.06), F62 (0.04) dan F69 (0.05) yang mana item-item ini berada dalam lingkungan item positif.

Jadual 51: Nilai *Point Measure Correlation (PTMEA CORR)*

<i>Entry Number</i>	<i>Point Measure Corr</i>	<i>Item</i>	<i>Entry Number</i>	<i>Point Measure Corr</i>	<i>Item</i>	<i>Entry Number</i>	<i>Point Measure Corr</i>	<i>Item</i>
1	-0.2	B1	26	0.69	C26	51	0.74	E51
2	0.05	B2	27	0.32	C27	52	0.73	E52
3	0.41	B3	28	0.33	C28	53	0.71	E53
4	0.12	B4	29	0.17	C29	54	0.52	E54
5	0.39	B5	30	0.52	C30	55	0.75	E55
6	0.48	B6	31	0.19	D31	56	0.72	E56
7	0.30	B7	32	0.37	D32	57	0.69	E57
8	0.61	B8	33	0.06	D33	58	-0.14	E58
9	0.41	B9	34	0.45	D34	59	0.12	E59
10	0.05	B10	35	0.38	D35	60	0.09	E60
11	0.42	B11	36	0.53	D36	61	0.32	F61
12	0.36	B12	37	0.63	D37	62	0.04	F62
13	0.22	B13	38	0.67	D38	63	0.40	F63
14	0.38	B14	39	0.48	D39	64	0.27	F64
15	0.52	B15	40	0.64	D40	65	-0.01	F65
16	0.53	C16	41	0.59	D41	66	0.14	F66
17	0.51	C17	42	0.66	D42	67	0.22	F67
18	0.51	C18	43	0.56	D43	68	0.26	F68
19	0.48	C19	44	0.59	D44	69	0.05	F69
20	0.7	C20	45	0.62	D45	70	0.3	F70
21	0.43	C21	46	0.60	E46	71	0.22	F71
22	0.68	C22	47	0.71	E47	72	0.21	F72
23	0.38	C23	48	0.77	E48	73	0.64	F73
24	0.68	C24	49	0.68	E49	74	0.38	F74
25	0.61	C25	50	0.59	E50	75	0.43	F75

Berdasarkan analisis data yang dijalankan, terdapat sebanyak 24 item digugurkan kerana tidak menepati kehendak analisis yang telah ditetapkan.

Jadual 5: Ringkasan Item Yang Digugurkan dan Dikekalkan

Bil	Konstruk	Item kekal	Jumlah item kekal	Item gugur	Jumlah item gugur
1	Kestabilan Emosi	B3, B6, B7, B8, B11, B12, B13, B14	8	B1, B2, B4, B5, B9, B10, B15	7
2	Psiko-Spiritual	C1, C2, C4, C5, C6, C7, C9, C10, C11, C15	10	C3, C8, C12, C13, C14	5
3	Kemahiran Sosial	D1, D2, D3, D4, D5, D7, D8, D9, D10, D11, D12, D13, D14, D15	14	D6	1
4	Kognitif	E1, E2, E3, E4, E5, E6, E7, E8, E11, E12	10	E9, E10, E13, E14, E15	5
5	Penyesuaian Tingkah Laku	F1, F3, F5, F7, F9, F11, F12, F13, F14	9	F2, F4, F6, F8, F10, F15	6
JUMLAH			51		24

PERBINCANGAN KAJIAN

Sesebuah instrumen yang diukur, perlulah mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.70 hingga 0.90 (Creswell, 2018). Ini adalah bertujuan untuk mendapatkan kesahan terhadap semua item dan konstruk yang diuji boleh digunakan dan difahami oleh responden yang akan menjawab instrumen tersebut. Dalam menilai kebolehpercayaan Instrumen Kesejahteraan Diri ini dengan menggunakan Model Pengukuran Rasch didapati bahawa bagi

menentukan kebolehpercayaan item dalam instrumen, analisis statistik dengan pendekatan Model Pengukuran Rasch digunakan dengan merujuk kepada nilai kebolehpercayaan serta pengasingan item. Setelah dapatan analisis kajian diperolehi, didapati nilai kebolehpercayaan yang diperolehi berdasarkan nilai *Alpha Cronbach* (α) ialah 0.95. Ianya juga disokong oleh Faizal, Mohd Amin, Ruhizan, Ridzwan (2014) bahawa nilai ini tinggi dan memberi makna yang mana instrumen tersebut berada dalam keadaan yang sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi sekaligus boleh digunakan dalam penyelidikan sebenar (Siti Rahayah & Kashfi, 2011).

Analisis terhadap instrumen juga dilaksanakan secara keseluruhan iaitu dengan melihat kebolehpercayaan dan pengasingan terhadap item dan responden. Nilai kebolehpercayaan item adalah 0.89, manakala nilai pengasingan item pula adalah 2.78 apabila dibundarkan bersamaan dengan 3. Menurut Bond dan Fox (2007), nilai kebolehpercayaan item menunjukkan berada dalam keadaan baik dan boleh diterima. Manakala nilai pengasingan item menurut Linacre (2005) pula, 2.62 jika dibundarkan adalah bersamaan dengan 3 nilai pengasingan indeks yang baik kerana lebih daripada nilai 2.0. Dengan itu kajian ini menyokong kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Linacre (2005). Dengan itu, kajian ini menyokong kajian-kajian Danial (1996), Lincare (2007) dan Lincare (2005).

Manakala, bagi pemeriksaan nilai *Point Measure Correlation (PTMEA CORR)* untuk mengesan polariti item bertujuan bagi menguji sejauh mana pembinaan konstruk tersebut mencapai objektif penyelidik. Menurut Bond dan Fox (2007), nilai yang terdapat pada bahagian *PTMEA CORR* adalah nilai (+) positif, menunjukkan item tersebut mengukur konstruk yang ingin diukur manakala jika nilai adalah (-) negatif, item yang dibangunkan tidak mengukur konstruk yang ingin diukur. Dalam kajian ini, terdapat tiga item yang mempunyai nilai negatif iaitu B1, E58 dan F65. Namun tiga item ini dinilai semula dan perlu dimurnikan oleh penyelidik sama ada dibuang ataupun dinilai

semula penyusunan ayat agar memberi maksud yang boleh difahami oleh responden. Nilai ini perlu diberi perhatian kerana berkemungkinan item tersebut cenderung untuk sukar dijawab oleh responden (Azrilah, Mohd Saidfuddin & Azami, 2015). Hasil dapatan ini menunjukkan item-item positif di dalam soal selidik ini bergerak menjurus ke satu arah dengan konstruk dan mampu untuk mengukur konstruk dan tidak bercanggah dengan konstruk yang hendak diukur. Jika nilai *PTMEA CORR* adalah tinggi, maka item tersebut berupaya untuk membezakan kemampuan antara responden yang menjawab soal selidik ini (Boone, 2016). Dengan itu, ia menyokong kajian Azrilah, Mohd Saidfuddin dan Azami (2015) serta Hazaila (2020).

Setelah data dianalisis, semua item dan instrumen yang dikaji menjalani semula semakan agar mengikuti dan mencapai standard kesahan dan kebolehpercayaan instrumen berdasarkan model pengukuran Rasch. Berdasarkan analisis data yang dijalankan, 24 item tidak menepati kehendak analisis yang telah ditetapkan, ianya perlu ditolak seperti di jadual 6. Berdasarkan analisis ini, didapati 24 item yang digugurkan merupakan item yang diragui nilai kebolehpercayaannya.

KESIMPULAN

Oleh itu, berdasarkan pemeriksaan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen ini menunjukkan bahawa instrumen tersebut mempunyai kualiti yang bagus kerana ianya telah menjalani proses validasi yang teratur dan sistematik dengan menggunakan analisis Model Pengukuran Rasch. Pengukuran jenis ini sangat kukuh kerana ianya mengukur kebolehpercayaan setiap item, kebolehpercayaan setiap konstruk juga melihat kesukaran dan kesenangan item dijawab oleh responden. Perkara ini perlu ditekankan bagi mendapatkan hasil dan keputusan yang bagus dan tepat terhadap responden yang menjawab agar tidak ada kekeliruan dan kesukaran dalam menjawab soal selidik yang diedarkan oleh penyelidik. Selain dari itu, setelah mendapat validasi yang tinggi terhadap instrumen yang digunakan nanti, ianya dapat digunakan

oleh pegawai-pegawai psikologi, pegawai pembangunan manusia di dalam perkhidmatan awam juga swasta dalam aspek menyeluruh iaitu kestabilan emosi, psiko-spiritual, kemahiran sosial, kognitif dan penyesuaian tingkah laku.

RUJUKAN

- Abu Yazid Abu Bakar. (2014). Perkhidmatan kaunseling pintar dan berbakat. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad, Z. H., & Wati Halim, F. (2013). Pengaruh ketidakakuran sivil terhadap profesionalisme anggota PDRM. *Jurnal Psikologi Malaysia* 27: 119-134.
- Audia, P. G., & Greve, H. R. (2006). Less likely to fail: Low performance, firm size, and factory expansion in the shipbuilding industry. *Management Science* 52(1): 83–94 (February 2015). <http://doi.org/10.1287/mnsc.1050.0446>.
- Authors, F. (2016). A Jordanian empirical study of the associations among transformational leadership, transactional leadership , knowledge sharing, job performance and. *Journal of Management Development* 35(5): 681-705. <http://doi.org/10.1108/JMD-09-2015-0134>.
- Azrilah Abdul Aziz, Mohd Saidfudin Masodi, Azami Zaharim. (2015). Asas Pengukuran Rasch Pembentukan Skala & Struktur Pengukuran. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Babbie, E. (2015). The practice of social research (14th ed.). Belmont, CA: Wadsworth/Thomson.
- Bakri (2009) Bakri, Norhani; Soon Kiong, Yong; Hussin, H. 2009. Hubungan antara peranan individu dan organisasi dengan amalan pembangunan kerjaya. Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia Universiti Teknologi Malaysia Hanipah Hussin Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan Universiti T. *Journal of Human Capital Development* 2(1): 13–24.
- Bond, Trevor G, & Fox, Christine M. (2007). Applying the Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences. Lawrence Erlbaum Associates, Publishers Mahwah, New Jersey London.
- Boone, W.J. (2016). Rasch Analysis for Instrument Development : Why, When, and How?. *CBE Life Sciences Education* 15(4): 1–7. <http://doi.org/10.1187/cbe.16-04-0148>.

- Creswell. J (2018). *Research Design 5th Edition*. Sage California.
- Daniel, L. G. (1996). *Kerlinger's Research Myths. Practical Assessment, Research, and Evaluation*: 5(4), 1973–1975.
- Faizal Amin Yunis, Mohd Amin Bekri, Ruhizan Mohd Yassin, Ridzwan Che Yus (2014). *Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen Pemindahan Pembelajaran Berdasarkan Pendekatan Model Rasch: Satu Kajian Rintis*. 1st Technical and Vocational International Education Seminar (2014):4(4) 1-9.
- Fontana, R. P., Milligan, C., Littlejohn, A., & Margaryan, A. (2015). Measuring self-regulated learning in the workplace: 32–52. *International Journal of Training and Development*, volume 19:1. <http://doi.org/10.1111/ijtd.12046>.
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2011). *How To Design and Evaluate Research In Education 8th Edition*, Mc Graw Hill Companies, New York
- Hazaila Hassan. (2020). *Intervensi Psikologi Kaunseling Melalui Modul SELF-IE Terhadap Pegawai Perkhidmatan Awam Berprestasi Rendah*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Marsidi, A., & Abdul Latip, H. (2007). Faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen pekerja di organisasi awam. *Jurnal Kemanusiaan*, 56–64.
- Michie, S., Stralen, M. M. Van, & West, R. (2011). The behaviour change wheel : A new method for characterising and designing behaviour change interventions The behaviour change wheel : A new method for characterising and designing behaviour change interventions, *Implementation Science* 6 (42).
- Milliman, J., Czaplewski, A. J., & Ferguson, J. (2000). Empirical assessment Workplace spirituality and employee work attitudes An exploratory e.
- Mohamed, N., (2015). *Ketidakhadiran pekerja di SME Corporation Malaysia, Kuala Lumpur*. Tesis Diploma, Pengurusan Pentadbiran dan Operasi, Pusat Pendidikan Berterusan, Universiti Malaya.
- Linacre, J. M., & Ph, D. (2014). *Measurement, Meaning and Morality, International Symposium On Measurement & Evaluation (ISME)*, (2014).

- Querstret, D., Cropley, M., Kruger, P., Heron, R., Querstret, D., Cropley, M (2015). Assessing the effect of a Cognitive Behaviour Therapy (CBT) -based workshop on work-related rumination , fatigue , and sleep, 0643(October).
- Siti Rahayah Ariffin & Mohd Kashfi Mohd Jailani. (2011). Manual Pengenalan Pengukuran Rasch & Winstep. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Tenney, E. R., Poole, J. M., & Diener, E. (2016). Research in Organizational Behavior Does positivity enhance work performance?: Why, when, and what we don't know. *Research in Organizational Behavior*. 36: 27-46.

KAUNSELING KRISIS: KOMPETENSI KAUNSELOR DARI PERSPEKTIF PELBAGAI BUDAYA DALAM KALANGAN KAUNSELOR DI MALAYSIA

Norazura Ahmad, PhD
Norhayati Mohd Noor, PhD
Salleh Amat, PhD

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRACT

Crisis intervention is a psychological constituent (physiological and psychosocial) that offers support which transforms various cultures. This research intended to explore the perspective of multicultural crisis competence among Malaysian counsellors. This qualitative study employed case study design through in-depth interviews, field observations and document analysis. The analysis of the findings discovered that 13 counsellors adopted multicultural competencies in handling disaster crisis counselling in three agencies. These agencies were specifically the Social Welfare Department, the Royal Malaysian Police and the Ministry of Health. The thematic analysis of qualitative data using the NVIVO 12 Plus System software composed three themes of counsellor's competence from a multicultural perspective. Multicultural encompasses knowledge related to the whole way of life, including the ways of acting, behaving, thinking, holding and spirituality inherited by society and nation. The conclusions confirmed that the study participant could accept clients from different (i) religions and races; (ii) values and customs; and (iii) socioeconomic status. Furthermore, this study unveiled that personal qualities were the right motivations for the counsellor to complete every intervention with proficiency. The competency content found can be practised by multiple stakeholders

for the growth of modules, guideline, measurement tests, and course curriculum towards boosting the capacity of counsellors based on the conceptual model of the disaster crisis counselling model. Besides, this research exhibited imperative recommendations for future research on disaster crisis counselling. Additionally, this research addressed each competency comprehensively to facilitate the counsellor to utilise it in administering crisis disaster counselling in Malaysia.

Keywords: *Crisis disaster, interventions counselling, competency multicultural.*

PENGENALAN

Pemahaman dan kesedaran kaunselor dari aspek pelbagai budaya merupakan elemen penting bagi memastikan intervensi dapat dirasai oleh klien. Intervensi yang dilaksanakan kepada klien merupakan proses sistemik menggabungkan elemen pengetahuan, kesedaran, sensitiviti, sikap, kemahiran dan budaya. Ia bertujuan untuk menyediakan penjagaan, sokongan dan perkhidmatan yang berkesan kepada individu yang berisiko akibat tragedi krisis bencana yang berlaku (Yeo et al., 2017).

Kajian lepas oleh Nathan (2015) turut mengakui kepentingan mengiktiraf budaya yang menjadi pegangan oleh seseorang individu mahupun kumpulan tertentu dapat memberi kefahaman dalam konteks kepelbagaian budaya. Menurut beliau, keupayaan kaunselor melaksanakan tugas memerlukan kompetensi pelbagai budaya merupakan keperluan wajib untuk memastikan perkhidmatan disampaikan dengan berkesan. Keupayaan kaunselor menyelami klien mengikut budaya mereka sekaligus mempamerkan kredibiliti seseorang kaunselor.

Dalam pada itu, kefahaman secara peribadi dan profesional merupakan elemen pelbagai budaya yang berkait rapat dengan normal-normal kepelbagaian budaya dalam sesebuah masyarakat (Arredondo et

al., 1996). Oleh itu, kaunselor memerlukan nilai tambah dari segi ilmu pengetahuan agar dapat meningkatkan kefahaman tentang isu-isu melibatkan pelbagai budaya seperti penindasan, perkauman, diskriminasi dan stereotaip sama ada secara peribadi mahupun dalam tugas mereka.

Kaunselor juga perlu menyedari diri tentang unsur-unsur perkauman, kepercayaan dan perasaan bagi membolehkan tugas dilaksanakan dengan berkesan (Arredondo et al., 1996). Kaunselor yang mahir aspek pelbagai budaya dikatakan mempunyai pengetahuan tentang kesan sosial mereka kepada orang lain. Pengetahuan tentang perbezaan gaya komunikasi, gaya keterampilan dapat memupuk proses kaunseling dengan klien dan seterusnya dapat menjangkakan sesuatu tindakan bersesuaian dengan klien.

Selain itu, pemahaman berkaitan kaum dan budaya sangat diperlukan oleh kaunselor agar isu perkauman tidak wujud sepanjang menjalankan tugas. Ini kerana sikap dan kepercayaan kaunselor memberi kesan kepada klien. Justeru, kefahaman tentang persepsi masyarakat, memahami budaya dari segi reaksi emosi negatif terhadap perbezaan kumpulan kaum dan etnik lain turut memberi kesan dalam pelaksanaan intervensi kaunseling (Arredondo et al., 1996).

Oleh itu, dalam menangani isu krisis, kaunselor juga perlu sedar terhadap nilai budaya berat sebelah agar sentiasa berusaha menambahkan ilmu pengetahuan. Kaunselor perlu melakukan perundingan berdasarkan pengalaman dan latihan agar dapat meningkatkan kefahaman dan keberkesanan dalam melaksanakan tugas melibatkan masyarakat dalam persekitaran budaya yang berbeza (Arredondo et al., 1996). Keupayaan kaunselor mengenali batas-batas dalam perhubungan, menguasai kemahiran dengan cekap dan sentiasa mengikuti kursus dan latihan serta merujuk kepada individu yang lebih berkelayakan agar isu berkaitan pelbagai budaya dapat difahami dan diaplikasi dengan berkesan sepanjang melaksanakan intervensi kaunseling krisis.

Dalam pada itu, kajian Norazni Ahmad et al. (2014) ke atas empat orang penyelia dalam kalangan pensyarah (kaunselor) dan tujuh orang kaunselor pelatih dari dua buah IPTA yang mengikuti latihan internship kaunseling di sekolah bagi program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kaunseling. Dapatan kajian menunjukkan penilaian terhadap pencapaian dan pemantauan aktiviti *supervisee* 33%, isu kerahsiaan dalam penyeliaan 18%, kebolehan untuk berkerja dengan pelbagai alternatif 18%, sempadan sesi dan menghormati rawatan 13%, orientasi peranan profesional dan pemantauan terhadap standard lokasi 9%, isu-isu kepakaran dan kecekapan 9%, pendedahan kepada klien 8%, liputan krisis dan intervensi 7%, sensitiviti terhadap isu kepelbagaian budaya klien 7% dan sensitiviti terhadap isu kepelbagaian budaya *supervisee* 7%. Dapatan kajian ini menunjukkan aspek liputan krisis dan intervensi antara dapatan terendah berbanding dengan aspek-aspek lain. Peratusan ini jelas menunjukkan kaunselor di sekolah juga perlu didedahkan dengan bidang keilmuan krisis agar isu krisis dapat ditangani dengan efisien.

Selain itu, kajian Noremy et al. (2017) mengetengahkan pendekatan intervensi yang dilakukan kepada klien krisis bencana. Empat bentuk sokongan sosial yang dikenal pasti sebagai sokongan nyata (*instrumental support*) iaitu bantuan kewangan, bantuan barangan, peralatan dan perkhidmatan. Manakala aspek lain yang diketengahkan melibatkan kefahaman aspek pelbagai budaya dalam memberi sokongan perhubungan pertalian sosial iaitu rasa kebersamaan yang ditunjukkan oleh kaunselor, ahli keluarga atau ahli komuniti dalam bersama-sama memberi sokongan kepada klien sangat penting untuk menstabilkan klien. Sokongan emosi seperti empati, penerimaan, galakan, kepercayaan dan penjagaan bagi membantu klien rasa dihargai dan bersemangat untuk membina kehidupan krisis bencana. Seterusnya, sokongan informasi dan maklumat seperti khidmat nasihat, cadangan dan maklumat yang berguna kepada klien untuk membantu mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi selepas kejadian.

Justeru, kajian Norazni Ahmad et al. (2014) mencadangkan elemen sensitiviti terhadap isu kepelbagaian budaya klien dan sensitiviti terhadap isu kepelbagaian budaya *supervisee* diberi pendedahan agar kaunselor memiliki bidang keilmuan krisis untuk mengendalikan kes krisis dengan efisien. Dalam pada itu, Noremy et al. (2017) turut mencadangkan pendekatan intervensi yang dilakukan dapat membantu klien krisis bencana mencapai kefungsi sosial apabila kaunselor memahami semua aspek psikologi. Ini kerana, peranan dan tanggungjawab yang dizahirkan adalah bergantung kepada kompetensi kaunselor memahami dan membantu klien secara holistik. Berdasarkan kajian lepas yang dijelaskan di atas maka, kajian ini secara umumnya untuk meneroka kompetensi kaunselor dari perspektif pelbagai budaya dalam pelaksanaan intervensi kaunseling krisis bencana banjir di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif yang menggunakan reka bentuk *case study, single case embedded* unit (Yin, 2014). Seramai 13 orang kaunselor dipilih sebagai peserta kajian (PK) di tiga agensi utama yang termaktub dalam Dokumen Arahan ke 20, Majlis Keselamatan Negara (MKN 20) iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan persetujuan mereka untuk menyertai sepanjang tempoh pelaksanaan kajian.

Temu bual berstruktur dijalankan melibatkan 13 orang peserta kajian iaitu kaunselor yang mempunyai pengalaman mengendalikan krisis melebihi 5 tahun perkhidmatan dan berusia melebihi 30 tahun. Tiga sumber data yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah data temu bual mendalam, pemerhatian dan dokumen analisis iaitu jurnal refleksi dan gambar yang dikongsikan oleh peserta kajian. Keseluruhan data dianalisis secara tematik menggunakan perisian Nvivo versi 12. Data ini dipersembahkan menggunakan kod yang ditetapkan oleh

pengkaji untuk melindungi identiti mereka daripada dikesan (Ahmad Jazimin, 2008) dan sebagai langkah memenuhi prinsip *nonmaleficience* (Othman Lebar, 2014).

KEPUTUSAN KAJIAN

Demografi Peserta Kajian

Peserta terdiri daripada 13 orang kaunselor dari agensi yang terlibat secara langsung dalam pengurusan krisis bencana negara. Peserta kajian dipilih menerusi persampelan bertujuan berdasarkan kriteria yang ditetapkan iaitu; mendapat latihan sekurang-kurangnya di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kaunseling, berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia dan mempunyai pensijilan amalan yang sah serta berpengalaman sekurang-kurangnya lima tahun, mempunyai pengalaman mengendalikan krisis melebihi 5 tahun perkhidmatan dan berusia melebihi 30 tahun. Berikut adalah ciri-ciri demografi peserta kajian yang telah dijelaskan di atas dan ditunjukkan seperti di Jadual 2.

Jadual 2 : Demografi Peserta Kajian

Ciri-ciri	Jumlah Peserta Kajian = 13 orang
Umur (tahun)	
30-40	9
41-50	3
51-60	1
Jantina	
Lelaki	3
Perempuan	10
Status perkahwinan	
Bujang	2
Berkahwin	11
Tahap Pendidikan	
Ijazah Sarjana Muda	5
Sarjana	7
Phd	1

Pengalaman (tahun)

5–9	3
-----	---

10–20	9
-------	---

21–30	1
-------	---

Jumlah Keseluruhan	13
---------------------------	-----------

Kompetensi Kaunselor Dari Perspektif Pelbagai Budaya

Pemahaman aspek pelbagai budaya merangkumi pengetahuan berkaitan dengan keseluruhan cara hidup merangkumi cara bertindak, perlakuan, cara berfikir, pegangan dan kerohanian yang diwarisi oleh sesuatu masyarakat dan bangsa. Berdasarkan ketiga-tiga sumber data iaitu data temu bual mendalam, pemerhatian dan analisis dokumen menunjukkan kaunselor memiliki kompetensi pelbagai budaya apabila dapat menerima dan memahami klien berdasarkan aspek (i) agama; (ii) bangsa; (iii) bahasa; (iv) nilai (v); adat; dan (vi) status sosial ekonomi. Di bawah adalah penjelasan yang dikongsikan oleh kaunselor.

i. Agama

Data temu bual PK3 digambarkan kaunselor dapat menyelami gaya kehidupan dan pegangan agama klien untuk mewujudkan kepercayaan di peringkat awal perhubungan.

“Kalau dengan klien pelbagai budaya kadang-kadang kita bila kita back to basic cara kita kena faham cara mereka pula ikut agama pegangan dia”. Gaya kehidupan dan pegangan agama menjadi satu peraturan yang diwarisi oleh seseorang mengikut kelaziman dalam melakukan sesuatu tindakan. Kebolehan kaunselor menilai dan menghayati dalam konteks pegangan agama ini memudahkan mereka membantu klien dengan mengambil kira elemen sensitiviti klien (PK3).

Kaunselor juga dilihat berupaya menyelami dan memahami dari segi pegangan agama yang dianuti oleh klien. Kaunselor berupaya membuat penilaian dan mengenalpasti sesuatu isu yang dialami oleh klien dengan

tepat berdasarkan pegangan agama dan juga mengambil kira elemen sensitiviti mereka.

ii. Bangsa

Kebolehan kaunselor memberi layanan sama rata sepanjang membantu klien menunjukkan kaunselor menerima klien dengan seadanya tidak mengira bangsa. Berdasarkan data pemerhatian daripada PK9, PK10 dan PK12 sepanjang pelaksanaan intervensi kaunselor berupaya mendekati klien dan melaksanakan intervensi walaupun berhadapan dengan klien yang pelbagai bangsa.

Peserta melayan dan menerima sama rata klien yang berbangsa Siam dan berlainan agama ini kerana kawasan ini ramai pendatang dari Thailand (PK9, PK10 dan PK12).

Penerimaan kaunselor berhadapan dengan klien yang pelbagai bangsa membuktikan klien mempunyai pengetahuan dari segi aspek kepelbagaian budaya kerana berupaya mendekati klien dengan mudah walaupun kehidupan mereka berbeza.

iii. Bahasa

Keupayaan PK3 dan PK13 memahami bahasa, gaya komunikasi serta pemilihan perkataan yang sesuai membuktikan kaunselor mempunyai pengetahuan dari aspek pelbagai budaya. Kaunselor digambarkan dapat menyelami budaya klien dari segi penggunaan panggilan nama, menjaga isu sensitiviti klien mengikut keselesaan klien menunjukkan kaunselor menjaga keharmonian dalam perhubungan dan mengutamakan konsep persaudaraan dalam sesebuah masyarakat.

Memahami pelbagai budaya. Pengetahuan ini akan membantu kaunselor untuk lebih sensitif dan tidak menyentuh sensitiviti klien (PK3).

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan kaunselor mempunyai pengetahuan pelbagai budaya apabila kaunselor mengutamakan bahasa panggilan yang bersesuaian dengan klien apabila berkomunikasi. Keupayaan kaunselor memahami budaya dalam sesebuah masyarakat mahupun negeri yang didiami membolehkan kaunselor mendapat kepercayaan daripada klien dengan mudah.

Dia suka kita panggil saya, panggil mak cik, panggil tok, dia rasa macam sedara sebab orang Kedah ni dia suka kepada, kepada elemen-elemen persaudaraan kan (PK13).

Dapatan kajian juga menunjukan pengetahuan pelbagai budaya difahami dan dihayati oleh PK11 apabila mereka mengakui pengalaman membantu klien krisis bencana yang terdiri dari pelbagai bangsa memerlukan kebolehan bercakap dalam pelbagai bahasa untuk menyelami apa yang dialami dengan mudah.

Peranan bahasa pun satu dan Alhamdulillah dia boleh berbahasa inggeris tapi yang tak boleh bahasa inggeris memang susah le kita (PK11).

Kebolehan kaunselor bercakap dalam pelbagai bahasa dapat mengurangkan jurang antara klien dan dapat mengenal pasti isu dengan jelas terutama apabila berlaku krisis antarabangsa turut diperkatakan oleh PK11.

Kalau kes kes *international* tu memang bahasa lah yang penting (PK11). Yang tak pandai bahasa inggeris tu kita cari yang faham dalam bahasa dia le.

Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan mereka berusaha menguasai dan menggunakan bahasa inggeris untuk memudahkan perhubungan semasa melaksanakan intervensi dengan klien. Dalam keadaan tertentu, ada kalanya klien yang tidak boleh bertutur dalam bahasa inggeris

dibantu berdasarkan kebijaksanaan klien. Situasi ini menyukarkan proses perhubungan antara kaunselor dan klien. Namun begitu, kaunselor digambarkan bijak mencari medium perhubungan lain untuk membantu klien.

iv. Nilai

Kaunselor digambarkan mengetahui, memahami serta menerima perbezaan nilai yang diwarisi dalam kehidupan mereka. PK11 mengakui seorang kaunselor perlu memahami nilai yang menjadi pegangan dalam kehidupan klien agar proses mewujudkan kepercayaan dan pelaksanaan intervensi dapat dilakukan dengan berkesan.

..nilai dan pegangan mereka, kalau kita tak cuba nak faham susah le tak bole jadi kaunselor krisis le emm kita kena faham mereka. Pelbagai budaya kan kita belajar kan dulu kan...konsep pelbagai budaya. Macam nilai kita di Malaysia tak sama dengan luar negara (PK11).

Ini kerana, nilai seseorang itu boleh terbentuk daripada keturunan yang diwarisi dan juga persekitaran sekeliling yang lalui setiap hari. Nilai yang menjadi pegangan ini mereka menjadi peraturan kepada individu mahupun dalam sesebuah masyarakat.

v. Adat

Kaunselor digambarkan mengetahui, memahami serta menerima perbezaan adat yang diwarisi oleh klien sebagai asas dalam membuat pertimbangan apabila membantu klien. PK11 mengakui dan mengambilkira perbezaan keutamaan dan kepentingan sesuatu adat apabila berurusan dengan klien untuk memastikan klien benar-benar bersedia sebelum diberikan intervensi.

Di pusat pemindahan tu akan wujud satu budaya yang macam-macam sebab bercampur kan jadi kita sebagai kaunselor perlu faham cara mereka ikut adat budaya (PK11).

Oleh itu, perkongsian pengalaman PK11 menggambarkan pembelajaran secara formal aspek pelbagai budaya berbeza dengan situasi yang berlaku semasa tragedi sebenar. Keupayaan mereka mengaplikasikan elemen budaya dalam konteks krisis bencana adalah bergantung kepada situasi krisis yang berlaku. Bagi mereka, cara gaya keterampilan dalam berkomunikasi yang bersesuaian dengan adat yang diwarisi oleh klien memudahkan untuk mendekati dan membantu klien dengan mudah.

..adat resam tak sama jadi kita kena tengok semua tu (PK11).

Secara keseluruhannya, dapatan kajian di atas menunjukkan, kaunselor mengakui pengetahuan formal pelbagai budaya perlu digabungkan dengan pengalaman serta personaliti yang dimiliki oleh mereka bagi membolehkan mereka mendekati dan menyesuaikan diri dengan klien krisis bencana. Keselesaan dan kesediaan klien dilihat sangat penting untuk memastikan intervensi dilaksanakan dengan berkesan.

vi. Status sosial ekonomi

Status sosial ekonomi seseorang dapat dikenal pasti melalui latar belakang seseorang dari aspek pendidikan, pekerjaan, gaya hidup yang menggambarkan kedudukan seseorang. Dapatan kajian menunjukkan PK2 mendekati klien dengan mudah apabila beliau mengambilkira dan menerima perbezaan budaya berasaskan latar belakang iaitu tempat tinggal dan gaya hidup. Hal ini demikian kerana, perbezaan dari segi latar belakang memberi kesan kepada penerimaan klien terhadap situasi krisis bencana dan jenis permintaan semasa menerima sumbangan bantuan.

Di Pekan masyarakat kampung. Ok suasana budaya dia berbeza. Ok masyarakat bandar penerimaan terhadap bencana sangat-sangat berbeza. Diorang sangat kurang boleh menerima kepada bencana sebab diorang merasakan err.. bencana ni takkan berlaku di bandar hanya di kawasan kampung sahaja dan kebanyakan masyarakat bandar dia menganggapkan bila berlaku bencana, dia menganggapkan err.. semua benda dia boleh dapat. Jadi kita sebagai kaunselor ni kena faham budaya mereka (PK2).

Pengetahuan dari aspek status sosial ekonomi diakui oleh PK2 apabila beliau dapat membezakan penerimaan klien dari segi penyediaan menu makanan di pusat pemindahan bergantung kepada lokasi tempat tinggal mereka. Menurut beliau, masyarakat kampung lebih terbuka menerima sajian yang disediakan berbanding dengan masyarakat bandar. Namun bagi PK2, beliau telah bersedia untuk berhadapan dengan pelbagai ragam klien yang tidak dijangka. Ini kerana, beliau memahami keadaan yang dialami oleh klien. Kebanyakan klien krisis bencana mengalami ketidakseimbangan psikologi akibat tragedi yang dialami.

Saya tengok dari segi makanan, dari segi penyediaan makanan untuk fisiologi. Masyarakat kampung dia tak kisah pemakanan yang kita sediakan, dia akan makan sahaja tapi kalau masyarakat bandar dia akan kisahkan itu semua, apapun karenah diorang kita kena terima sebab dia orang dalam keadaan tekanan saya terima mereka seadanya (PK2).

Selain itu, data temubual PK7 dan data pemerhatian di lapangan juga turut menggambarkan kaunselor menyedari penggunaan perkataan yang sesuai mengikut budaya dan pegangan dalam sesebuah masyarakat mendatangkan kesan kepada kepercayaan klien untuk menerima bantuan dengan selesa. Data pemerhatian oleh PK9, PK10 dan PK12 dilihat menggunakan panggilan nama yang bersesuaian dengan kedudukan klien dan gaya keterampilan bagi membolehkan intervensi dilaksanakan dengan berkesan.

First sekali, kita kena tahu er.. dari segi individu yang atau pun klien itu sendiri daripada mana golongan dia kita kena ikut cara gaya dia nak mendekati dia kita kena ada ilmu mengenali manusia agar kita mudah nak mendapat kepercayaan dalam membantunya (PK7).

Panggilan nama dalam percakapan sewaktu dalam taklimat di dewan sekolah menggunakan bahasa yang sesuai dengan umur, status seperti tuan, puan, saudara saudari dan pakcik makcik, adik-adik menunjukkan kemesraan dan dilihat walaupun bangsa cina boleh menerima maklumat yang disampaikan (PK9,PK10,PK12).

Kedudukan seseorang juga dilihat berdasarkan tahap pendidikan yang dimiliki. Berdasarkan pengalaman PK4, pendidikan klien dapat dinilai melalui gaya berkomunikasi, bahasa yang digunakan dan keterampilan. Bagi beliau, keselarian penggunaan bahasa dan gaya percakapan membolehkan beliau mendekati klien dengan mudah.

Mereka mungkin ada pendidikan dan mereka mungkin tak ada pendidikan so bagaimana kita berkomunikasi dengan diorang kena mengikut diorang sendiri bukan mengikut kaunselor itu (PK4).

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan kaunselor mengakui memiliki pengetahuan pelbagai agama, bangsa, bahasa, niat, adat dan status sosial ekonomi membolehkan mereka mendekati klien dengan mudah kerana selari dengan kefahaman aspek budaya yang dimiliki. Kaunselor mengakui keberkesanan melaksanakan intervensi bergantung kepada keupayaan mereka memahami dan mengadaptasi elemen pelbagai budaya sepanjang intervensi dilakukan. Dapatan ini menunjukkan kaunselor berjaya membantu klien dengan berkesan apabila kaunselor berupaya mengaplikasi dan mengamati setiap elemen budaya yang menjadi pegangan sepanjang melaksanakan tugas.

PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian kaunselor digambarkan memiliki kompetensi dari perspektif pelbagai budaya. Kaunselor berupaya mewujudkan kepercayaan dengan mudah apabila kaunselor mengambil kira aspek pelbagai budaya dalam setiap perhubungan mahupun tindakan. Kaunselor bukan sekadar mengetahui asal-usul perkara seperti agama, etnik, tradisi dan pantang larang dan menyedari nilai budaya yang dipegangnya malah memahami budaya yang dipegangnya agar tidak menjejaskan sesi yang dijalankan dengan klien serta mudah memahami budaya klien (Ratts et al., 2016).

Keupayaan kaunselor mengaplikasi keseluruhan kompetensi tersebut dapat dilihat melalui proses pelaksanaan dan pendekatan yang digunakan bermula peringkat membina hubungan kepercayaan sehingga penamatan sesi dilakukan (Greenstone dan Leviton 2002; Yang 2011). Selain itu, Ratts et al., (2016); Sue, Arredondo dan McDavis (1994) juga mengambil kira elemen sensitiviti yang merangkumi kerohanian, agama, nilai, adat, bahasa, status sosial ekonomi. Keperluan kaunselor memiliki kompetensi pengetahuan pelbagai budaya dan keadilan sosial memberi kesan kepada pandangan dunia dan kefungisian sosial seseorang juga dijelaskan oleh Sue & Sue, (2013); Yeo, Shin & Haupt, (2017).

Kaunselor digambarkan dapat mengaplikasikan semua kompetensi pengetahuan, kemahiran, sikap dan kepercayaan merupakan kompetensi asas dari perspektif pelbagai budaya menjadi pegangan Sue, Arredondo dan McDavis (1992). Ini membuktikan kompetensi kepercayaan juga berkait rapat dengan keperibadian yang dimiliki oleh kaunselor. Kompetensi ini membolehkan kaunselor menilai dan menyesuaikan intervensi dengan situasi yang dialami oleh klien krisis bencana. Ini bermakna kaunselor mengambil kira elemen sensitiviti yang memberi keselesaan sepanjang perhubungan dengan klien.

Keseluruhan kompetensi kepelbagaian budaya menggambarkan kualiti peribadi yang dimiliki oleh kaunselor melalui penghayatan yang mendalam daripada kaunselor semasa mengaplikasikan setiap tindakan yang dilakukan. Menurut Hoff et al., (2009) penghayatan kaunselor dalam melaksanakan intervensi kaunseling krisis dapat dirumuskan melalui ungkapan “hati dan jiwa”. Ini bermakna kaunselor membantu klien krisis bencana menggunakan keupayaan dalaman iaitu keperibadian yang lahir dari jiwa sebagai penggerak untuk membantu klien.

KESIMPULAN

Kaunselor digambarkan mempunyai kesungguhan dan komitmen yang jitu untuk mengurangkan ketidakseimbangan psikologi yang dialami oleh klien. Usaha kaunselor untuk memahami aspek pelbagai budaya dilihat dapat membantu klien meningkatkan daya tahan berdasarkan kapasiti keperibadian semulajadi klien. Komitmen yang diberikan oleh kaunselor sepanjang intervensi dilakukan dengan penuh rasa tanggungjawab agar klien kembali normal dari segi emosi, kognitif, tingkahlaku dan spiritual.

Pemahaman kaunselor dalam aspek spiritual, agama serta nilai dan adat penting dalam mewujudkan kepercayaan dengan klien agar wujud keselesaan dalam perhubungan. Kepentingan kerohanian dalam aspek pelbagai budaya dapat memberi kesan kepada kecekapan dalam pelaksanaan intervensi kaunseling krisis. Sifat menghormati klien walau apa jua kepercayaan dan nilai-nilai agama atau rohani, termasuk simbol dan pantang larang, memberi kesan kepada pandangan dunia dan kefungisian sosial. Oleh itu, kefahaman terhadap aspek kepelbagaian budaya perlu dilihat secara menyeluruh. Keperibadian kaunselor dilihat perlu bergerak seiring dengan kompetensi yang dimiliki oleh kaunselor agar proses perhubungan sepanjang intervensi dilakukan dapat dirasai oleh klien.

Justeru, kefahaman berkaitan pelbagai budaya menggambarkan keperibadian kaunselor yang berkualiti dalam pengurusan kecemasan melalui proses sistemik. Gabungan aspek pengetahuan, kesedaran atau sensitiviti, sikap, kemahiran dan pertemuan budaya untuk menyediakan penjagaan, sokongan dan perkhidmatan yang berkesan khususnya kepada masyarakat yang berisiko akibat krisis bencana. Keikhlasan kaunselor lahir dari keperibadian yang kualiti yang dizahirkan melalui kecekalan mereka dalam membantu klien walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan situasi yang tidak dijangka. Kaunselor mengakui tugas yang dilakukan bukan kerana tanggungjawab semata-mata malah menjadi kewajipan kepada mereka melaksanakan tugas yang telah diamanahkan dari Tuhan walaupun terpaksa meninggalkan keluarga mengharungi situasi yang sama.

RUJUKAN

- Ahmad Jazimin Jusoh. (2008). Penggunaan Terapi Realiti Dalam Kalangan Kaunselor di Malaysia (Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1990).
- Arredondo, P. (1994). Integrating Multicultural Counseling Competencies And Universal Helping Conditions In Culture-Specific Contexts. *The Counseling Psychologist*, 26, 592.
- Arredondo, P., Toporek, R., Brown, S. P., Jones, J., Locke, D. C., Sanchez, J., & Stadler, H. (1996). Operationalization Of The Multicultural Counseling Competencies. *Journal Of Multicultural Counseling And Development*, 24(1), 42–78.
- Majlis Keselamatan Negara. (2012). Dokumen Dasar Dan Mekanisma Pengurusan Bencana Negara Majlis Keselamatan Negara. 2012. Arahan No. 20 (Semakan Semula). Jabatan Perdana Menteri, tahun 2012.
- Nathan, G. (2015). A non-essentialist model of culture: Implications of identity, agency and structure within multinational/ multicultural organizations. *International Journal of Cross Cultural Management*, 15(1), 101-124.
- Norazani Ahmad, Nurul ‘Ain Mohd Daud, Fauziah Mohd Sa’ad, Hapsah Md. Yusof. (2014). Isu-isu dalam perhubungan penyeliaan kaunseling: pengalaman kaunselor pelatih di Malaysia. *Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia*, 85-94.
- Noremy Md. Akhir, Azlinda Azman, Rosmah Ahmad & Nur Hafizah Md. Akhir. (2020). Strategi Daya Tindak Mangsa Banjir: Kajian Kes Bencana Banjir Di Kelantan Disember 2014. *Jurnal Psikologi Dan Kesihatan Sosial*. 30-38.
- Othman Lebar. (2014). Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Matode. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ratts, M. J., Singh, A. A., Nassar-McMillan, S., Butler, S. K., & McCullough, J. R. (2016). Multicultural and social justice counseling competencies: guidelines for the counseling profession. *Journal of*

Multicultural Counseling and Development 44(1), 28-48.

Sue, D. W., Arredondo, P., & McDavis, R. J. (1994). Multicultural counseling competencies and standards: A call to the profession.

Journal of Counseling and Development 70, 477-486.

Sue, D. W., & Sue, D. (2013). Counseling the culturally diverse: Theory & practice (6th.ed.). New York, NY: John Wiley.

Yeo, J., H. Li, Y. A. Shin & B. Haupt. (2017). Cultural approaches to crisis management in A. Farazmand. ed. Global Encyclopedia of Public Administration, Public Policy and Governance Springer, 1-4.

Yin, K. R. (2014). Case Study Research Design and Methods. Five Edition. Sage Publications International Educational and Professional Publisher: Thousand Oaks, CA.

MEMAHAMI BEBAN PENJAGAAN WARGA EMAS DALAM MENJAGA ANAK ORANG KURANG UPAYA TERLANTAR

Muhammad Nabil Zakaria
Khadijah Alavi, PhD

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRACT

The purpose of this study is to understand the burden of older parents who take care of their disabled children in terms of emotional burden, financial, social/time and physical health in the community. This research is conducted using the qualitative research method in the village around the district of Kuala Muda, Kedah. Ten respondents were identified through snowball sampling and an in-depth interview was conducted. The findings of this research have shown that older parents do feel the burden in the process of taking care of their disabled children. Among the greatest burden faced by the old folks is physical health due to the limited ability of the old folks. This is followed by limitations in social needs in terms of custody, types of equipment, emotional and financial support. In conclusion, the old folks are burdened in caring for their disabled children. Acceptations of God's provision and fate lead to the feeling of thankfulness by most of the old folks. Besides, they shoulder this commitment and do not want to trouble others. The old folks require social support from the local community to help them reduce the burden of taking care of their disabled children. Those who are concerned about taking care of the old folks' welfare and at the same time care for their disabled children should act to provide necessary support and lighten their burden.

Keywords : Disabled children, older parents, burden, community

PENGENALAN

Konsep penjagaan sosial juga merupakan salah satu perkhidmatan sosial penting yang terdapat di dalam sistem kebajikan moden kebanyakan negara. Penjagaan yang positif mampu memberikan impak yang baik kepada penjaga. Jika sebaliknya, penjagaan yang negatif ditakrifkan sebagai satu beban penjagaan kepada kehidupan seseorang penjaga. Kesan negatif dalam konsep penjagaan sering kali dikaitkan dengan masalah dan cabaran yang dilalui oleh penjaga dalam tempoh menjaga mereka yang berkeperluan. Menurut Novak dan Guest (1989) setiap masalah dan cabaran ini boleh dimensikan kepada lima dimensi iaitu, kebergantungan masa, perkembangan diri, fizikal, sosial dan emosi. George dan Gwyther (1986) berpendapat bahawa kategori beban penjagaan biasanya merujuk kepada masalah fizikal, psikologi atau emosi, sosial dan kewangan oleh penjaga.

Permasalahan dalam menjaga anak yang OKU ini wujud apabila di dada-dada akhbar melaporkan warga emas yang menjaga anaknya yang OKU tanpa bantuan daripada sesiapa. Akhbar Harian Metro 8 Februari 2014 memaparkan kisah seorang ibu tua yang berusia 100 tahun menjaga anaknya yang berusia 63 tahun yang dikategorikan sebagai OKU terlantar akibat terkena demam panas dan sawan ketika kecil dan paling menyedihkan beliau terpaksa menjaga anaknya seorang diri. Oleh demikian, kita sendiri dapat menyimpulkan bahawa ibu tua ini mempunyai beban penjagaan yang sangat tinggi terutama dari aspek kesihatan, kewangan, emosi, fizikal, sokongan sosial dan masa. Masalah ini juga berlaku kerana kurang keprihatinan masyarakat terhadap warga emas. Warga emas ini memerlukan bantuan dan sokongan sosial daripada masyarakat untuk meringankan beban beliau. Menurut Yong (2008) sokongan sosial ini dianggap sebagai sumber yang berharga yang terdiri daripada sokongan berbentuk ketara (*tangible support*) dan sokongan berbentuk tidak ketara (*non-tangible support*) yang diterima oleh seseorang individu daripada keluarga dan rakan-rakan.

Peningkatan usia sebagai warga emas dan mempunyai ketidakupayaan fizikal merupakan dua skop pengalaman yang amat berbeza. Masalah ketidakupayaan semestinya akan termasuk dalam pengalaman seseorang itu untuk menjadi tua. Kini, kita berada di dalam era yang baru iaitu menjadi tua dengan ketidakupayaan untuk jangka masa yang panjang (Putman, 2007). Walaupun statistik mengenai populasi yang berada dalam umur pertengahan dan lewat usia mengalami masalah ketidakupayaan adalah terhad tetapi anggaran menjangkakan beribu-ribu individu berada dalam golongan ini dan besar kemungkinan jumlah individu ini akan bertambah (Putnam, 2004). Beban penjagaan anak OKU terlantar yang melibatkan warga emas sebagai penjaganya harus diberikan perhatian yang lebih khusus. Pekerja sosial perlu memainkan peranan yang sangat penting dalam mengenalpasti setiap aspek yang diperlukan bagi menjalankan intervensi di dalam komuniti. Hal ini penting bagi memastikan satu strategi penyediaan yang komprehensif dalam membantu untuk mengurangkan beban warga emas menjaga anak OKU di dalam komuniti.

KAJIAN LEPAS

Pengalaman penjagaan anak yang OKU adalah amat sukar dan memerlukan kesabaran yang tinggi. Menurut Birren dan Schaie (1990) mendapati bahawa setiap penjaga perlu memainkan berapa peranan yang penting iaitu menyokong dari segi emosi menyediakan makanan dan mobiliti; membantu melakukan aktiviti harian seperti mandi, makan dan minum serta pengambilan ubat-ubatan serta membantu dalam pengurusan kewangan. Jika difokus dengan lebih mendalam, didapati skop tugas penjagaan meliputi dari segi aspek penjagaan fizikal, sosial dan emosional. Oleh itu, kedudukan ekonomi sangat penting bagi seseorang penjaga. Selain itu, tubuh badan yang sihat dan pengetahuan yang luas diperlukan dalam aspek penjagaan anak yang OKU ini. Penjaga juga disarankan mempunyai kekuatan dari segi emosional dan spiritual untuk kuat menghadapi cabaran mahupun masalah yang mendatang dalam melaksanakan tugas penjagaan.

Kajian tentang penjagaan anak yang OKU ini dijalankan oleh Suhaimi et al., (2012) mendapati terdapat tiga peranan yang utama di dalam penjagaan anak yang OKU ini. Tiga peranan ini meliputi penjagaan emosi, penjagaan fizikal dan advokasi. Bagi melaksanakan peranan ini, penjaga terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dari segi emosi, kesan-kesan psikososial dan isu-isu persekitaran. Melalui peranan ini penjaga juga perlu menghadapi enam jenis emosi yang seperti kerisauan, tekanan, hilang harapan, rasa kehilangan, malu dan rasa bersalah. Penjaga keluarga turut mengalami kesan-kesan psikososial seperti masalah kewangan, kesan ke atas keluarga, gangguan aktiviti sosial, masalah kesihatan fizikal dan keperluan sokongan. Penjagaan pesakit mental di rumah turut menyebabkan penjaga berhadapan dengan stigma sosial yang wujud dalam komuniti yang berkait rapat dengan penyakit mental. Faktor-faktor dalaman dan luaran yang dapat dikesan ini memberikan satu pengalaman penjagaan yang perlu dihadapi oleh setiap penjaga anak yang OKU ini di dalam komuniti.

Harapan anak-anak yang OKU ini mampu berdikari merupakan impian yang tinggi kepada setiap ibu bapa. Menurut Azmi et al., (2010) pula membuat kajian tentang keterlibatan yang menyeluruh penjaga terhadap akademik anak yang OKU ini. Kajian ini mendapati bahawa hanya persepsi penjaga terhadap anak yang OKU ini menyebabkan anak mereka dikatakan tidak cemerlang dan mampu berjaya seperti anak normal yang lain. Persepsi perlulah diubah supaya peluang kepada anak yang OKU ini berdikari dan mampu menjana kecemerlangan seperti anak normal yang lain. Clark dan Drake (1994) menyatakan bahawa beban ekonomi atau kewangan jika membabitkan penjagaan seseorang yang mengalami kecacatan fizikal dan kecacatan lain tidak akan ditanggung oleh pihak insurans untuk kos perubatan dan kos pembiayaan kehidupan seharian. Selain itu, penjaga juga perlu mempunyai tubuh badan yang kuat dan ketahanan mental yang tinggi. Penjaga juga disarankan mempunyai kekuatan dari segi emosional dan semangat spiritual yang tinggi untuk menghadapi sebarang cabaran mahupun masalah yang mendatang dalam melaksanakan tugas penjagaan.

Jung-Hwa Ha et al., (2008) menyatakan bahawa dalam pengukuran kesejahteraan individu yang menjaga anak yang OKU ini meliputi dari segi umur dan jantina. Ibu bapa yang lebih tua ini dikatakan lebih tenang berbanding ibu bapa muda yang mempunyai anak yang OKU. Tetapi, tahap tekanan dan kesejahteraan hidup bagi ibu bapa tua dan muda ini menunjukkan tahap yang sama dan lebih teruk kepada ibu bapa lanjut usia kerana mereka lebih terdedah dengan beban fizikal dan masalah kesihatan mereka sendiri. Perbezaan jantina ini meliputi skop kajian kerana mendapati kaum wanita ini lebih mudah dan lebih terbeban menjaga anak yang OKU berbanding orang lelaki ini kerana dikatakan kaum wanita lebih mempunyai sifat penyayang berbanding dengan kaum lelaki.

Beban penjaga dikenal pasti sebagai satu keadaan yang boleh menjadi satu ancaman kepada kesejahteraan fizikal dan psikologikal penjaga disebabkan tugas penjagaan yang kadang-kala membebankan (Zarit et al. 1980). Rasha dan Faiza (2012) berpendapat, individu yang bergelar penjaga yang mengalami masalah dari segi kewangan, kurang sokongan sosial dan lebih lama penjagaan akan mengalami beban penjagaan. Sumber ekonomi merupakan satu beban penjagaan warga emas terhadap anak yang OKU. Menurut Clark dan Drake (1994) menyatakan bahawa beban ekonomi atau kewangan jika membabitkan penjagaan seseorang yang mengalami kecacatan fizikal dan kecacatan lain tidak akan ditanggung oleh pihak insurans untuk kos perubatan dan kos pembiayaan kehidupan seharian. Menurut Norlaila et al. (2009) berpendapat bahawa kesejahteraan ekonomi terhadap warga emas ini berbeza mengikut gender, Warga emas lelaki lebih mudah mendapat sumber ekonomi kerana bergantung harap kepada wang pencen, duit bekerja dan sebagainya manakala warga emas wanita lebih mengharapkan bantuan tidak formal seperti pemberian daripada anak-anak dan suami. Jelaslah disini, sumber ekonomi yang kadang-kala tidak menentu menjadi beban kepada warga emas untuk menjaga anak mereka yang OKU. Bagi warga emas lelaki jika mereka tiada pekerjaan dan wang pencen, sumber kewangan mereka terhad manakala bagi

warga emas wanita yang hanya mengharap pemberian sumber ekonomi secara tidak formal pasti akan terbeban jika anak yang diharapkan mengalami kecacatan kekal dan mungkin hanya bergantung harap kepada sumber bantuan daripada pihak tertentu. Ini mendatangkan lebih banyak beban yang perlu ditanggung oleh warga emas.

Fatimah et al. (2015) melakukan kajian dan beliau mendapati bahawa cabaran sebagai seorang penjaga yang tidak formal ini boleh dibahagikan kepada beberapa aspek yang penting iaitu kekuatan fizikal, keupayaan ekonomi, jalinan hubungan sosial dengan penjaga, taraf pendidikan, hubungan sosial ini berdasarkan ciri-ciri orang yang dijaganya. Ciri-ciri ini meliputi penyakit yang dihadapi oleh orang yang dijaga, kekuatan dan kelemahan fizikal serta mental pesakit, sumber kewangan pesakit, aspek psikologi serta emosi pesakit juga memberi cabaran kepada penjaga. Jelaslah bahawa faktor-faktor sebegini amat mempengaruhi dari aspek penjagaan. Kajian yang telah dijalankan juga mendapati bahawa penjaga itu sendiri akan mengalami masalah kewangan, keletihan yang melampau, tekanan emosi, masa yang terhad, bimbang dan sentiasa mempunyai perasaan rasa bersalah. Keluarga yang sejahtera adalah bergantung kepada kekuatan tulang belakang individu di dalam sebuah keluarga untuk memastikan keluarganya sentiasa harmoni dan bahagia. Keupayaan fizikal dan mental amat diperlukan untuk memastikan seseorang individu sentiasa kuat dan mampu memainkan peranan utama untuk mengekalkan kesejahteraan keluarga. Menurut Amran et al. (2012) menyatakan bahawa seseorang individu yang berkeluarga mempunyai tanggungjawab yang besar demi untuk memastikan lahirnya sebuah keluarga yang sejahtera. Kajian ini adalah untuk menyatakan bahawa warga emas sendiri terpaksa mengorbankan diri dalam pelbagai aspek untuk melihat keluarganya sejahtera walaupun terpaksa menghadapi beban dalam menjaga anak yang OKU.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk memahami beban penjagaan seperti sokongan emosi, kesihatan, kewangan, sosial, fizikal dan masa yang dihadapi oleh warga emas yang menjaga anak OKU dalam komuniti.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian

Kajian yang dijalankan ini menggunakan rekabentuk kualitatif berpandukan pendekatan fenomenologi. Menurut pandangan Hancock et al. (2007) kajian kualitatif membantu pengkaji untuk memahami persekitaran dan menjelaskan fenomena sosial yang sedang berlaku ataupun sudah berlaku. Pemilihan kaedah kualitatif ini bersesuaian kerana dalam persekitaran kehidupan manusia samaada dari segi tingkah laku mahupun emosi.

Sampel kajian

Persampelan kajian ini terdiri daripada 10 orang responden yang terdiri daripada ibu bapa yang warga emas ataupun salah satu dari pasangannya warga emas yang telah menepati dengan ciri-ciri yang bersesuaian di dalam objektif kajian ini akan ditemu bual dengan lebih terperinci dan mendalam. Pengkaji menetapkan kriteria untuk temu bual responden seperti mempunyai anak yang OKU, menjaga anak OKU ini secara bersendirian dan mempunyai anak yang jenis OKU terlantar. Pemilihan ini bertujuan untuk menggambarkan beban penjagaan yang perlu ditanggung oleh warga emas secara bersendirian disamping warga emas ini juga perlu menjaga kesihatan mereka sendiri. Kriteria ini penting bagi membolehkan pengkaji mengetahui dengan lebih terperinci tentang beban penjagaan yang di tanggung oleh warga emas yang menjaga anak yang OKU.

Lokasi kajian

Lokasi kajian tentang beban penjagaan warga emas yang menjaga anaknya yang OKU ini dijalankan di kawasan luar bandar di sekitar daerah Kuala Muda, Kedah. Kawasan yang terlibat ialah kampung-kampung yang terletak di sekitar daerah Kuala Muda, Kedah. Kawasan ini dipilih kerana kebanyakan warga emas ini kebanyakan tinggal di kawasan kampung dan warga emas memperolehi sumber ekonomi melalui pekerjaan sendiri di kampung.

Garis panduan soalan temubual

Protokol kajian terdiri daripada empat bahagian iaitu: Bahagian A adalah mengenai data demografi di mana terdapat lapan soalan di dalam bahagian ini. Bahagian B mengandungi tiga belas soalan mengenai beban penjagaan manakala bahagian C pula mengandungi lima soalan tentang harapan penjaga terhadap masa depan anak yang OKU ini. Namun untuk artikel ini hanya akan membincangkan bahagian beban penjagaan sahaja.

Teknik pengumpulan data

Pengumpulan data primer menggunakan kaedah temu bual mendalam dengan responden yang terpilih iaitu warga emas yang menjaga anak yang OKU. Setelah mengenal pasti responden yang dipilih, pada permulaannya, pengkaji meminta izin untuk mendapatkan persetujuan responden tentang tujuan untuk di temu bual bagi mendapatkan maklumat tentang beban penjagaan yang dialami oleh responden. Kebenaran untuk merekodkan perbualan juga diminta terhadap responden bagi menghormati keperibadian responden. Pembinaan hubungan *Rapport* bersama responden boleh dilakukan dengan menunjukkan tingkah laku melayan yang berkesan seperti kontak mata, bahasa badan yang terbuka dan ekspresi muka yang bersesuaian dalam sesi temu bual. Hal ini adalah bertujuan untuk mewujudkan

sokongan psikologi kepada responden agar mereka berasa selesa dan yakin serta berasa diri mereka disokong untuk bersama-sama berkongsi pengalaman bersama pengkaji. Selanjutnya, pengkaji menjalankan sesi temu bual secara mendalam (*in-depth interview*) dan mencungkil maklumat (*probing*) untuk mendapatkan data yang diperlukan. Setiap soalan ditanya kepada responden berpandukan kepada protokol kajian yang telah disediakan dan soalan seterusnya berdasar respon responden. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan lebih banyak maklumat berhubung dengan isu yang dibincangkan.

Analisis data

Analisis data merupakan satu proses yang bersistematik, mencari, menyusun maklumat yang diperolehi daripada transkrip-transkrip secara peribadi dengan responden, nota-nota lapangan dan bahan-bahan lain yang telah dikumpulkan untuk meningkatkan kefahaman terhadap maklumat yang diperolehi. Analisis merupakan satu proses pecahan topik yang tertentu kepada komponen-komponen dan memahami bagaimana komponen-komponen tersebut bersesuaian antara satu sama lain (Hammond dan Wellington 2013). Penganalisan data membolehkan pengkaji menunjukkan maklumat yang diperolehi kepada orang lain. Di dalam kajian ini, data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan kaedah tematik.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Latar belakang responden

Kajian melibatkan 10 orang responden yang dipilih dan responden yang terpilih adalah mereka yang tinggal di sekitar kawasan Sungai Petani, Berumur 60 tahun keatas dan mempunyai anak yang OKU terlantar. Dalam jadual ini, menunjukkan bahawa responden yang dipilih adalah terdiri daripada 8 orang perempuan dan 2 orang lelaki. Kesemua responden yang dipilih adalah yang beragama Islam dan berbangsa

Melayu. Dalam aspek pekerjaan, seramai 7 orang responden hanya menjadi suri rumah, 2 orang responden merupakan pesara kerajaan dan seorang responden dikategorikan lain-lain kerana tiada bekerja dan tiada pencen. Purata pendapatan responden ialah adalah RM500. Tahap kesihatan mereka, hanya dua orang responden sahaja yang dikategorikan sihat dan selebihnya mempunyai penyakit. Di samping itu, mereka juga perlu menjaga anak mereka yang OKU terlantar.

Jadual 1: Profil Responden Kajian

Responden	Jantina	Umur (tahun)	Pekerjaan	Pendapatan (RM)	Tahap kesihatan
1	Perempuan	61	Suri rumah	750	Sihat
2	Perempuan	63	Suri rumah	500	Kencing manis
3	Perempuan	60	Suri rumah	2000	Sihat
4	Perempuan	66	Pesara	2000	Jantung
5	Lelaki	67	Lain-lain	500	Darah tinggi
6	Perempuan	60	Suri rumah	1500	Jantung dan Asma
7	Perempuan	67	Suri rumah	1000	Kencing manis
8	Lelaki	67	Pesara	2000	Darah tinggi
9	Perempuan	62	Suri rumah	1500	Darah tinggi
10	Perempuan	77	Suri rumah	1500	Gaot , kencing manis

BEBAN PENJAGAAN YANG DITANGGUNG OLEH WARGA EMAS

Kajian ini memfokuskan kepada bebanan penjagaan yang ditanggung oleh warga emas dalam proses penjagaan anak yang OKU dan bebanan yang difokuskan ialah bebanan emosi, kewangan, fizikal/kesihatan dan sosial/masa. Berdasarkan hasil kajian, pengkaji mendapati terdapat empat kategori bagi beban penjagaan yang dihadapi oleh warga emas yang menjaga anak OKU. Yang pertama ialah beban penjagaan dari segi emosi, yang kedua ialah beban penjagaan dari segi sumber kewangan, yang ketiga beban penjagaan dari fizikal/kesihatan dan yang terakhir ialah beban penjagaan dari segi sosial atau masa.

Beban penjagaan (Emosi)

Emosi merupakan aspek yang sangat penting dalam kehidupan seharian manusia. Menurut Thompson (1994) kawalan emosi boleh diertikan sebagai proses ekstrinsik dan intrinsik yang mengawal, menilai dan bertindak balas terhadap emosi terutamanya dalam mencapai sesuatu matlamat. Emosi juga dikaitkan dengan tubuh badan manusia kerana emosi yang sihat dapat menjana tubuh badan yang sihat. Menurut responden 3 yang ditemu bual, tekanan emosi yang beliau hadapi adalah sindiran yang diterima oleh adik-beradiknya sendiri. Ini menunjukkan bahawa sindiran dan pandangan sinis daripada orang yang rapat dengan kita akan menyebabkan emosi seseorang itu mudah terganggu dan perkara ini boleh juga mendatangkan gangguan kesihatan kepada warga emas yang menjaga anak yang OKU terlantar ini. Kajian yang telah dilakukan oleh Hasnah et al. (2013) menunjukkan bahawa ahli masyarakat yang tidak mengenali mahupun tidak berada di dalam situasi mereka yang sebenar masih tidak mudah menerima sepenuhnya dan lebih kepada sikap menghukum (*judgemental*) terhadap penjaga yang mempunyai anak yang OKU terlantar ini.

“.. Bukan orang lain dok kata, tapi terkilan sebab adik-beradik sendiri yang dok kata. Depa dok banding dengan anak-anak depa lah. macam-macam. Depa tidak paham dengan situasi kita...”

(Responden 4)

Selain itu, tekanan emosi juga dirasakan oleh warga emas yang menjaga anak OKU ini apabila seseorang itu mengkritik cara penjagaan mereka terhadap anak yang OKU terlantar ini. Responden 6, 7 dan 9 menyatakan bahawa diri mereka dipersoalkan kerana tidak pandai menjaga anak OKU dan ada juga yang menyindir kepada warga emas ini kerana mendapat anak yang OKU walaupun sudah mempunyai anak normal yang lain. Sindiran dan teguran yang diterima sedikit banyak memberikan tekanan emosi kepada warga emas ini dan mereka memerlukan masa untuk menerima setiap kritikan yang diterima secara redha dan

malah ada diantara warga emas ini terputus hubungan silaturrahim dengan jiran tetangga kerana acapkali menerima kritikan dan sindiran yang kadang-kala agak melampaui batas. Bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Yusoff et al. (2011) mengenai hubungan kekeluargaan dan kejiranan dan faktor yang mempengaruhinya, dan hasil kajian menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan sahaja tidak mencukupi untuk menjamin kesejahteraan tetapi hubungan kejiranan yang baik menentukan kesejahteraan hidup yang, sekiranya kedua-dua hubungan ini diseimbangkan, ia akan membentuk sebuah komuniti masyarakat yang sejahtera dan aman damai.

“...Ada yang dok kata, walaupun dan ada anak 7 orang tapi tetap tak pandai nak jaga anak juga sebab ada anak yang OKU ini. ”
(Responden 6)

“...Cuma ada dok dengaq depa dok kata mak cik tak pandai jaga. jaga pun macam tak reti. Ibarat depa dok pikiaq mak cik dok naya (aniaya) anak oku ni.” (Responden 7)

“...Jiran-jiran kadang-kadang dok kata, awatlah depa jaga dia (anak oku) macam ni, macam tak reti nak jaga ja.tapi mak cik nak kata, depa tak dok kat tempat kita, depa tak taw macam mana. Yang taw depa taw lah.” (Responden 9)

Beberapa orang responden yang ditemu bual menyatakan bahawa mereka rasa tersinggung kerana ada jiran-jiran mahupun kawan-kawan yang datang rumah akan takut untuk datang dekat dengan anak mereka kerana memikirkan anak OKU ini memberi nasib malang dan jejap untuk berada dekat dengan mereka. Responden 1 dan 2 menyatakan mereka sering kali terpaksa pura-pura senyum dan hanya mampu simpan di dalam hati melihat karenah jiran-jiran yang datang ke rumah mereka.

“..Ada juga tersinggung sikit, sebab kadang-kadang depa(jiran-jiran) mai rumah, depa takut nak dekat.tambah-tambah anak depa....macam lah anak kita ni dok kaco anak depa.” (Responden 1)

“... Jiran-jiran geli nak masuk dalam rumah. Boleh nampak depa dok tutup hidung bila masuk dalam rumah. Depa kata kotoq sebab anak mak cik tidoq, makan , berak semua kat depan (ruang tamu). Nak buat cam mana rumah kami ada 2 bilik ja. terpaksa la buh dia dekat depan nuh (ruang tamu).” (Responden 2)

Tidur yang cukup merupakan aspek yang penting dalam kawalan emosi. Ini kerana ramai orang mengalami gangguan emosi kerana mereka tidak mempunyai waktu tidur yang mencukupi. Bagi orang muda mahupun generasi muda sekarang ini masalah tidur mungkin tidak menjadi masalah bagi mereka. Jika dikaitkan dengan warga emas yang sememangnya sering terganggu waktu tidur mereka kerana perlu melayan anak oku mereka yang sering terjaga pada waktu tengah malam dan ada juga memerlukan makanan dan minuman yang khas yang perlu diberikan mengikut waktu tertentu. Waktu tidur juga diperuntukkan untuk badan berehat setelah seharian badan seseorang itu bekerja. Pengkaji dapat menjangkakan bahawa waktu tidur warga emas ini terganggu dari mereka di usia muda sehinggalah waktu mereka menjadi warga emas. Kesan waktu tidur yang tidak cukup akan dapat dirasakan oleh seseorang apabila usia mereka sudah berada di lanjut usia. Keadaan fizikal juga boleh dikaitkan dengan waktu tidur ini kerana jika tidak mendapat rehat secukupnya, seseorang itu tidak mampu membuat sebarang aktiviti yang sebaiknya. Mengambil petikan di info kesihatan , Utusan Malaysia bertarikh 20 oktober 2010 menunjukkan bahawa seseorang yang tidurnya berkualiti akan mendapat kesihatan yang lebih baik. Jiwanya akan terasa bahagia dan kecergasan fizikal dan mindanya akan bertambah baik.

Empat orang responden yang di temu bual mengalami masalah tidur kerana anak mereka sering sahaja akan mendapat sawan dan suka menyentak (badan bergetar-getar) ketika bunyi bising mahupun guruh yang terlalu kuat. Responden 1 dan 6 mengatakan mereka susah nak tidur lena kerana anak mereka sering kali terkena sawan ketika tidur dan ketika bunyi yang terlalu bising.

“...Tidoq tak berapa nak lena, sebab anak ini dia dok selalu kena sawan, dok kena urut badan dia la nak bagi lena balik. Jadi kita pun tak boleh nak lena lah sampai ke cerah (waktu pagi) (Responden 1)

“...Anak tuh selalu kena sawan time bunyi guruh ataupun bunyi benda yang boleh bagi dia terkejut, kadang tengah malam kalau hujan lebat dengan guruh kuat mulalah dia kena sawan. Mak cik terjaga lah, urut-urut tapak kaki dia.” (Responden 6)

Bagi responden 8 dengan 9 pula, mereka mengalami masalah tidur yang kurang kerana anak mereka sering terjaga di tengah malam dan selalu kejang di tengah-tengah malam. Bagi responden 8, mereka pernah pergi ke hospital pada waktu 3.00 pagi kerana anak mereka mengalami kekejangan yang sangat teruk dan menyebabkan mereka terpaksa berjaga sehingga ke awal pagi.

“...Susah nak tidoq, sebab dia selalu sentap (kejang) pastu ada satu hari kami terpaksa p hospital waktu time tuh nak dekat 2 @ 3 pagi jugak lah sebab dia dok kejang. (Responden 8)

“...Macam besa la nak tidoq lena macam mana. Anak selalu dok sentap (kejang, badan bergetar-getar) .Kita terpaksa berjaga lah.urut-urut dia..pastu kita pula yang tak boleh lena balik.” (Responden 9)

Seorang responden yang ditemu bual iaitu responden 7 menyatakan beliau susah hendak tidur kerana perlu memberikan minuman susu khas kepada anaknya selama 2 jam sekali. Ini menyukarkan beliau untuk mendapatkan tidur yang secukupnya kerana acapkali terjaga dan perlu memberikan perhatian sepenuhnya kepada anak oku ini.

“...susah nak timing waktu tidoq, sebab dia (anak) kena bagi susu 2 jam sekali, jadi kita kena la dok berjaga,kalo dak dia dok sakit lah. kadang-kadang mak cik terlajak jugak . sebab penat sangat kan .” (Responden 7)

Bersesuaian dengan kajian lepas yang dijalankan menunjukkan bahawa seseorang yang mempunyai emosi yang lemah adalah mereka dari kalangan orang yang kurang penyabar, terlalu mengikut perasaan apabila bertindak, mudah berasa kecewa, berasa sukar untuk menenangkan diri, sukar mengawalkan kemarahan dan membiarkan emosi ini menguasai diri mereka (Cloitre et al. 2012).

Beban penjagaan (Kewangan)

Kewangan adalah perkara yang penting dalam kehidupan seseorang. Tanpa pengurusan kewangan yang baik, seseorang itu mungkin akan terdedah dengan pelbagai masalah seperti tidak mendapat keperluan seharian seperti makanan yang mencukupi. Di tambah jika isu kewangan ini dikaitkan pula dengan warga emas yang menjaga anak yang OKU terlantar ini. Selain warga emas yang terpaksa menghabiskan wang untuk membeli barangan khas kepada anak istimewa mereka, warga emas juga memerlukan wang untuk mereka meneruskan kehidupan dan membeli barangan peribadi yang lain. Isu ini dapat dikaitkan kembali dengan kajian-kajian lepas yang telah dikaji sebelum ini.

Menurut Clark dan Drake (1994) menyatakan bahawa beban ekonomi atau kewangan jika membabitkan penjagaan seseorang yang mengalami kecacatan fizikal dan kecacatan lain tidak akan ditanggung oleh pihak insurans untuk kos perubatan dan kos pembiayaan kehidupan seharian. Hampir kesemua responden yang di temu bual menyatakan bahawa kehidupan seharian mereka dibantu oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat yang memberikan RM 350 sebulan kepada anak OKU mereka.

Beban kewangan yang di tanggung oleh warga emas ini semakin dirasakan apabila mereka sendiri tidak mempunyai sebarang pekerjaan. Menurut responden yang di temu bual, pekerjaan mereka yang sebagai suri rumah hanya bergantung kepada pendapatan suami. Selain itu, pasangan warga emas yang tidak bekerja juga hanya mengharapkan duit simpanan yang mereka ada untuk menyara diri mereka dan menampung perbelanjaan

anak OKU mereka. Responden 1 dan 5 merupakan responden yang tidak bekerja.

“...Mak cik suri rumah ja, harapkan suami keja jadi jaga,nak tampung family lagi, ada anak yang sekolah lagi. Kadang-kadang tak cukup.” (Responden 1)

“...Pak cik tak keja apa, dok guna duit simpan ja...sebab pak cik dulu keja kilang, mana nak ada pencen, kilang dulu keja berapa duit sangat..” (Responden 5)

Bagi responden 7, 9 dan 10 yang di temu bual, mereka hanya mengharapkan bantuan kewangan daripada anak-anak mereka yang lain. Hal ini kerana sumber kewangan mereka terhad kerana mereka ada yang berstatus ibu tunggal dan pasangan warga emas yang tidak bekerja kerana masalah kesihatan. Bagi mereka, sebolehnya mereka tidak mahu menyusahkan anak mereka yang lain, tetapi demi anak OKU mereka sanggup bekorban untuk apa sahaja. Daripada 3 orang responden tersebut, Responden 7 dan 10 adalah warga emas yang berstatus ibu tunggal.

“...Mak cik harap kat anak at lain lah..ada duit depa bagi lah. Tapi depa pown tak gamak tengok adik depa macam itu, mak cik dapat duit lepas untuk anak yang OKU dulu lah,,baru pikiaq pasai mak cik..” (Responden 7)

“...Tok sendiri pun anak-anak yang tanggung, alhamdulillah lah, depa dok ingat juga dekat adik depa..adik-adik dia (anak OKU) pun dok tolong, tok ada dapat duit pencen arwah suami, tapi orang kata tak banyak lah sebab tuh anak dok tolong banyak.” (Responden 10)

Seorang responden yang di temu bual adalah merupakan seorang ibu tunggal yang tiada pendapatan tetap dan hanya mempunyai dua orang anak. Warga emas ini hanya mengharapkan duit bantuan yang terima

oleh anak OKU untuk menguruskan kehidupan seharian. Keadaan ini dapat dilihat dengan suasana rumah dan keadaan sekeliling rumah yang tidak sempurna. Keluhan yang diluahkan sedikit sebanyak memberikan gambaran bahawa warga emas ini semamangnya mempunyai beban kewangan yang kritikal. Responden yang dimaksudkan adalah responden yang ke-2.

“...Mak cik tak dapat duit lain. Dapat duit JKM at dia tuh (anak OKU) ja, cukup ka dak.mak cik terima ja.mak cik habaq ni, mak cik tak bohong, dapat adala sepupu mak cik dok huluq sikit, tapi kadang-kadang ja.mak cik tahu dia susah sama.” (Responden 2)

Selain itu, sumber kewangan daripada sumber lain selain JKM dan pendapatan sendiri juga dipersoalkan. Kesemua responden menyatakan mereka tidak mendapat sumbangan lain selain daripada bantuan OKU untuk anak mereka dan pendapatan bulanan yang ditanggung sendiri. Responden 2 ada mengeluh, bahawa jika beliau menerima Bantuan Orang Tua (BOT) anaknya akan ditarik balik bantuan OKU dan beliau juga menyatakan ada juga meminta bantuan zakat tetapi ditolak kerana pihak Zakat menyuruh beliau membuat pilihan samaada menerima zakat mahupun bantuan JKM. Jikalau responden memilih menerima zakat bayaran hanya “ONE-OFF” mahupun sekali dalam setahun.

“...Mak cik haritu ada pergi minta zakat juga dengan bantuan makanan, tapi depa tak mau bagi, depa kata mak cik dah dapat duit JKM. Depa kata kalo nak juga kena stop ambek duit JKM. Tak boleh la macam tuh, tapi tak taw la cam mana duit orang ..kita redha ja la.” (Responden 2)

Beban Penjagaan (Fizikal/Kesihatan)

Kekuatan fizikal seseorang itu bergantung kepada tahap kesihatan yang dimiliki oleh seseorang individu. Ibu bapa mestilah mempunyai tahap kesihatan yang terbaik untuk menjalankan tanggungjawab mereka

kepada anak-anak. Kesihatan yang berkualiti dan baik diperlukan untuk kesejahteraan hidup seseorang individu. Kajian Amran et al. (2012) turut menyatakan individu yang berkeluarga mempunyai tanggungjawab yang besar demi melahirkan sesebuah keluarga yang sejahtera.

Warga emas dikatakan individu yang cepat merasa keletihan dan kepenatan kerana kekurangan nutrien di dalam badan mereka. Keletihan yang mereka hadapi bukan hanya disebabkan oleh mereka melakukan pekerjaan, tetapi keletihan menjaga anak mereka yang OKU terlantar. Dalam temu bual yang dijalankan, kesemua responden menyatakan merasa letih dalam melaksanakan penjagaan anak yang OKU. Walaupun mereka menyatakan letih, tetapi mereka menyatakan bahawa itulah amanah Allah S.W.T kepada mereka dan mereka redha dengan setiap ujian yang Allah S.W.T berikan,

Responden 1,3,5 dan 9 berasa beruntung kerana masih mempunyai pasangan untuk bersama-sama mengurus anak OKU, bagi mereka keletihan itu boleh kongsi bersama. Keletihan menjaga anak yang OKU ini akan menjadi lebih terbeban jika terpaksa menguruskan seorang diri tanpa ada pasangan mahupun peneman untuk bersama-sama berkongsi keletihan yang mereka alami. Responden 2, 4, 7 dan 10 merupakan ibu tunggal yang menguruskan anak OKU mereka secara bersendirian.

“...Dok rasa letih jugaklah, sebab dok kena urus sorang, sebab tuh kalo mandi bagi mandi kat depan ja (ruang tamu) sebab tak sapa nak tolong angkat.” (Responden 2)

“...Nak kata tak letih tuh bohonglah, memang rasa letih sungguh, dulu arwah suami ada takpa la sama-sama jaga, la ne mak cik sorang ja, letih jugaklah.” (Responden 4)

“...Letih itu orang biasalah, tanggung jugak sebab sorang ja kan.. jadi orang tak pala, kita redha ja.” (Responden 7)

“...Letih tu memang letih sungguh, orang kata tak bolehlah nak bayang macammmana, dengan umuq tok nak dekat 80 dah..Allah ,letih sungguh..” (Responden 10)

Keletihan yang dialami akan juga dikaitkan dengan perubahan fizikal yang berlaku kesan daripada melakukan tugas menjaga anak yang OKU terlantar. Bersesuaian dengan kajian-kajian lepas yang telah dikaji sebelum ini, mendapati perubahan fizikal berlaku akibat daripada tugas penjagaan yang membebankan. Menurut Zarit et al. (1980) beban penjaga dikenal pasti sebagai satu keadaan yang boleh menjadi satu ancaman kepada kesejahteraan fizikal dan psikologikal penjaga disebabkan tugas penjagaan yang kadang-kala membebankan. Kesemua responden yang ditemu bual menyatakan mereka mempunyai perubahan fizikal ketika menjalankan tugas penjagaan anak yang OKU terlantar. Kesemua Responden menyatakan bahawa perubahan fizikal yang mereka alami ialah sakit pinggang, sakit belakang dan ada yang kebas tangan. Perubahan fizikal yang mereka dapat ini kerana melakukan tugas mengangkat anak OKU ini mandi dan menukarkan lampin pakai buang.

Warga emas yang menjaga anak yang OKU ini bukan sahaja mengalami perubahan fizikal, tetapi mereka juga terpaksa menanggung penyakit yang mereka alami sendiri. 8 orang responden yang ditemu bual menyatakan bahawa mereka mempunyai penyakit yang berkaitan dengan jantung, asma, darah tinggi dan kencing manis. Setiap penyakit yang mereka alami ini mereka melakukan rawatan susulan dan pengambilan ubat-ubatan sepanjang hidup mereka. Responden 2, 4, 5, 6, 7, 8, 9 dan 10 menyatakan mereka mempunyai penyakit dan memerlukan rawatan susulan dan ubat-ubatan. Ada diantara mereka mendapat rawatan di hospital dan ada juga menerima rawatan di klinik yang terpilih.

Melakukan tugas penjagaan anak yang OKU ini kadang-kala memberikan kesan sampingan. Contohnya seperti demam, sakit badan

mahupun sakit kepala. Tetapi naluri keibuaan dan sikap tanggungjawab seorang bapa walaupun diusia emas mereka tetap menyatakan anak yang mereka jaga tidak memberikan kesan sampingan, malah ada antara mereka menerima dengan redha dan pasrah dengan ketentuan yang Allah SWT berikan kepada mereka. Hanya 4 orang responden menyatakan tugas penjagaan anak OKU ini ada memberikan kesan sampingan kepada kesihatan mereka. Responden 2, 3, 6 dan 9 menyatakan beban penjagaan ini memberikan kesan sampingan kepada kesihatan mereka.

Beban penjagaan (Sosial/Masa)

Setiap individu pasti mempunyai aktiviti kegemaran serta cita-cita yang tersendiri yang mahu di capai dalam hidup mereka. Walaubagaimana pun, setiap perkara memerlukan pengorbanan, dan hanya insan yang kuat yang mampu melakukan pengorbanan tersebut, insan yang dimaksudkan ialah warga emas yang setia dan bekorban apa jua dalam melaksanakan tugas menjaga anak yang OKU terlantar. Tugas harian seperti memasak, menunaikan ibadat dan mengemas rumah memerlukan masa juga untuk melakukannya. Bagi tugas untuk membuat aktiviti kerja rumah dan ibadat. Kesemua responden menyatakan mereka tidak mempunyai masalah untuk melakukan ibadat dan ada responden yang ditemu bual menyatakan hanya mempunyai masalah untuk melakukan kerja rumah seperti mengemas, memasak dan melakukan aktiviti berkebun dan sebagainya. Responden 3 mempunyai sedikit masalah kerana perlu sentiasa mengawasi anak OKU mereka.

“...Tak boleh jugak nak keluaq, kadang-kadang nak masak pun kena senyap-senyap, takut dia dok menjerit tengok orang tak dak dekat depan mata dia.” (Responden 3)

Bagi mereka yang masih lagi mempunyai pasangan seperti suami dan isteri, mereka melaksanakan tugas ini secara bergilir-gilir untuk

memastikan bahawa mereka mampu menyelesaikan kerja rumah dan juga mampu untuk menjaga anak OKU mereka pada masa yang sama. Responden 5 dan 6 melakukan aktiviti bergilir-gilir dalam menjaga anak yang OKU ketika salah seorang pasangan mereka melakukan aktiviti kerja rumah dan ibadat.

“...Kami dok bergilir-gilirlah, pak cik ang tak keja dah, dia boleh dok tengok sat sementara kita dok buat keja.” (Responden 5)

Dua orang responden menyatakan bahawa mereka hanya membeli makanan dari luar kerana mereka sendiri mempunyai masalah kesihatan dan tiada kudrat untuk melakukan aktiviti terbabit. Bersosialisasi merupakan salah cabang hidup di dalam kehidupan seseorang manusia. Walaupun memegang status sebagai warga emas, mereka juga memerlukan masa untuk bersosialisasi bagi mengurangkan sebarang bentuk tekanan dan perasaan yang mereka alami sepanjang proses penjagaan anak yang OKU ini. 10 responden yang ditemu bual, ada yang bergilir-gilir untuk bersosialisasi dan ada antara mereka yang tidak keluar langsung kerana tiada penjagaan rapi untuk anak mereka jika mereka keluar nanti. Proses bergilir-bergilir untuk menjaga anak yang OKU ini pasti akan mengurangkan masa yang berkualiti untuk pasangan suami isteri. Mereka harus bergilir-gilir untuk menjaga anak yang OKU kerana bagi mereka, mereka tidak letak harapan untuk orang lain menjaga anak OKU mereka.

Responden 1, 3, 5, 6 dan 8 melakukan proses bergilir-gilir untuk mereka melakukan aktiviti harian dan aktiviti masyarakat seperti kenduri-kendara dan melawat saudara mara. Bagi ibu tunggal yang menjaga anak yang OKU ini aktiviti untuk mereka bersosial menjadi terhad kerana perlu memberikan perhatian yang sepenuhnya kepada anak OKU mereka, ada di antaranya memerlukan ubat-ubatan khas mengikut jam, keadaan diri yang tidak mengizinkan dan faktor usia untuk keluar untuk menghadiri kenduri mahaupun upacara kematian. Responden 2, 7, 9 dan 10 merupakan mereka yang hanya tinggal di rumah dan tidak

mampu untuk melakukan aktiviti masyarakat bersama jiran tetangga. Tumpuan sepenuhnya yang diberikan kepada anak yang OKU ini mungkin ada yang mengundang perasaan yang tidak puas hati kepada anak-anak yang lain dan boleh dikatakan hubungan renggang terjadi antara adik-beradik yang lain kerana tidak mempunyai masa untuk diluangkan bersama. 10 Responden yang ditemu bual menyatakan mereka berasa sangat bersyukur kerana anak-anak mereka faham keadaan mereka dan adik beradik yang lain yang sangat memahami keadaan sulit yang mereka alami.

BEBAN PENJAGAAN PALING BERAT DITANGGUNG WARGA EMAS

Secara keseluruhan hampir kesemua beban difahami oleh pengkaji, beberapa ringkasan mengikut kriteria beban yang paling berat ditanggung oleh warga emas dalam penjagaan anak yang OKU telah dapat dikenalpasti

Jadual 2: Bebanan Yang Paling Berat Ditanggung Warga Emas

Beban penjagaan / Responden	Beban Emosi	Beban Kewangan	Beban Fizikal/ Kesihatan	Beban Sosial / Masa
1	-	-	✓	-
2	-	✓	✓	✓
3	-	-	✓	-
4	✓	-	✓	-
5	-	✓	✓	-
6	✓	-	✓	-
7	✓	-	✓	✓
8	-	-	✓	-
9	-	-	✓	✓
10	-	-	✓	✓

Sumber: Data temubual responden

Berdasarkan jadual di atas empat beban penjagaan telah dikaji, 10 orang responden telah terpilih dan menyatakan semua jawapan berdasarkan tajuk kajian yang dikaji. Jadual di atas juga menunjukkan jenis-jenis beban yang paling membebankan sepanjang proses penjagaan anak yang OKU. Kesemua beban yang dikaji menunjukkan setiap responden yang dikaji pasti menunjukkan satu beban atau lebih yang paling membebankan untuk mereka tanggung sepanjang proses penjagaan anak yang OKU.

Responden 1, bebanan yang paling membebankan sepanjang proses penjagaan anak OKU ini ialah bebanan dari segi fizikal/ kesihatan. Untuk beban-beban yang lain responden 1 dapat mengawalinya lagi kerana responden 1 masih mempunyai suami dan proses penjagaan yang tidak rumit bagi beliau. Bagi responden 2 pula, beban yang tidak membebankan beliau adalah ialah beban dari segi emosi, bukannya dikatakan tidak mengalami perkara-perkara disindir dan terasa hati, tetapi beban emosi yang ditanggung masih boleh di kawal. Beban kewangan yang menjadi paling membebankan yang perlu di tanggung oleh responden 2, ini kerana responden 2 berstatus ibu tunggal dan tidak menerima Bantuan Orang Tua (BOT) daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Beliau hanya mengharap bantuan yang disalurkan oleh JKM kepada anak OKU. Beban fizikal/kesihatan juga perlu ditanggung oleh responden 2 kerana beliau mempunyai penyakit seperti kencing manis yang memerlukan rawatan susulan di hospital kerajaan. Selain itu, beban fizikal yang ditanggung ialah beliau selalu mengadu sakit belakang dan pinggang kerana perlu menguruskan anaknya untuk proses mandi dan menukar lampin serta memberi makanan. Beban sosial/masa yang di tanggung oleh responden 2 ialah beliau tidak dapat memenuhi apa jua majlis kenduri dan aktiviti masyarakat kerana perlu memberikan tumpuan yang sepenuhnya kepada anak OKU beliau.

Responden 3 pula beliau hanya mempunyai satu beban yang utama iaitu dari segi beban fizikal/kesihatan, walaupun responden 3 tidak

mempunyai penyakit yang memerlukan rawatan susulan, tetapi responden 3 mempunyai bebanan yang cukup kuat dari segi beban fizikal. Responden 3 menjadi sempit (asma), sakit pinggang dan sakit belakang dalam proses untuk mengangkat anak OKU untuk proses memandi dan menukar lampin. Responden 4 mempunyai bebanan emosi yang paling membebaskan dalam proses menjaga anak yang OKU. Bebanan emosi ini diterima apabila beliau di sindir oleh adik-beradiknya yang lain kerana beliau mempunyai anak yang OKU. Saudara-mara responden 3 sendiri membandingkan anak mereka dengan anak responden dari segi kerjaya, tahap kesihatan dan taraf keupayaan untuk berdikari sendiri. Responden 4 juga mempunyai bebanan yang kuat dari segi fizikal/kesihatan. Responden 4 didiagnos sebagai pesakit jantung dan memerlukan rawatan susulan. Dari segi fizikal, Responden 4 menyatakan bebanan yang dirasakan ialah sakit pinggang dan sakit belakang.

Responden 5 juga seperti responden 2 kerana responden mempunyai beban kewangan yang dikatakan kritikal. Responden 5 merupakan bekas pekerja kilang yang tiada pencen tetap dan hanya bergantung harap kepada duit simpanan untuk menyara keluarga dan anak OKU. Beban yang paling membebaskan juga adalah dari segi fizikal/kesihatan, responden 5 mempunyai penyakit seperti darah tinggi dan bergantung harap kepada bekalan ubat-ubatan untuk sembuh. Dari segi fizikal pula, sakit belakang dan sakit pinggang sering terjadi apabila responden 5 mengangkat anak OKU mandi dan menukar lampin. Responden 6 mempunyai gangguan emosi dan ternyata responden 6 mempunyai bebanan yang kuat dari segi beban emosi. Beban emosi diterima kerana jiran tetangga mengkritik beliau kerana mempunyai anak yang OKU dan seolah-olah menyatakan ini adalah hukum karma untuk beliau dan keluarga beliau. Beban fizikal/kesihatan juga menjadi bebanan yang paling kuat ditanggung, responden 6 sendiri mempunyai penyakit asma dan jantung, apabila beliau membuat rawatan susulan beliau sering diminta untuk ditahan di dalam wad tetapi beliau menolak kerana tiada siapa yang mampu menjaga anak OKU beliau. Perubahan

fizikal yang dihadapi seharusnya meliputi sakit-sakit urat, belakang dan pinggang.

Responden 7 juga mempunyai beban yang kuat dari segi bebanan emosi, responden 7 mempunyai beban emosi yang kuat kerana jiran-jiran mengkritik cara beliau menjaga anak OKU. Retentan dari itu, hubungan beliau dengan jiran-jiran tidak begitu baik. Beban sosial/masa juga ditanggung oleh responden 7 kerana beliau tidak mempunyai masa untuk keluar kerana perlu memberikan susu khas kepada anak beliau selama 2 jam sekali dalam sehari. Oleh itu, beliau hanya mampu keluar sekejap dan pulang ke rumah dengan tergesa-gesa. Beban fizikal/kesihatan juga merupakan beban yang kuat ditanggung kerana responden 7 sendiri mempunyai penyakit seperti kencing manis dan memerlukan rawatan susulan dan beban fizikal yang dari segi sakit pinggang, sakit belakang hanya kerana untuk memandikan anaknya dan menukar lampin. Responden 8 hanya mempunyai bebanan dari segi fizikal/kesihatan kerana anak responden 8 menghidap penyakit dan kerap membawanya ke hospital. Responden 8 dan pasangan perlu menunggu kadang-kala sampai 6 jam untuk menerima rawatan bagi anak mereka, keletihan dirasakan kerana mereka tidak cukup tidur dan keadaan fizikal yang tidak mengizinkan.

Responden 9 dan 10 mempunyai bebanan yang paling membebaskan dalam bebanan yang sama, iaitu beban fizikal/kesihatan dan beban sosial/masa. Responden 9 mempunyai penyakit darah tinggi dan memerlukan bekalan ubat-ubatan, begitu juga dengan pasangan responden 9. Beban yang paling membebaskan ialah beban fizikal, kerana responden mendapat demam sepanjang proses penjagaan anak OKU dan selalu sakit-sakit belakang kerana perlu mengubah anak OKU ke satu posisi ke posisi yang lain. Untuk beban sosial/masa, responden 9 dan pasangan tidak keluar kerana keadaan kesihatan mereka yang tidak mengizinkan dan hanya keluar sebentar untuk mengambil ubat-ubatan. Responden 10, masalah kesihatan yang perlu hadapi ialah kerana beliau mengatakan ini kerana sakit orang tua, responden 10 mempunyai

pelbagai jenis penyakit seperti kencing manis, gaot, darah tinggi dan sebagainya dan beliau memerlukan rawatan susulan, beban fizikal/kesihatan yang paling membebankan kerana beliau mengadu penat yang teramat sangat dan sakit-sakit belakang. Beban yang membebankan sepanjang proses penjagaan anak yg OKU ini ialah beban sosial/masa. Menurut responden 10, beliau tidak dapat pergi kemana-mana kerana perlu memberikan perhatian yang sepenuhnya kepada anak OKU.

Tugas penjagaan yang paling membebankan yang perlu ditanggung oleh warga emas ialah dari segi beban fizikal/kesihatan. Walaupun ada daripada responden tidak mempunyai penyakit untuk membuat rawatan susulan, dapat dikatakan disini beban fizikal yang mereka tanggung untuk proses penjagaan anak OKU ini memenatkan mereka. Menurut Amran et al.(2012) menyatakan bahawa individu yang berkeluarga mempunyai tanggungjawab yang besar demi melahirkan sesebuah keluarga yang sejahtera. Bersesuaian dengan kajian dijalankan jelas bahawa setiap responden yang di temu bual membuat pengorbanan untuk memastikan insitusi keluarga mereka bahagia dan mengekalkan kesejateraan di dalam kehidupan mereka. Sebagai status warga emas juga, menyebabkan beban fizikal / kesihatan menjadi perkara yang paling membebankan dalam proses penjagaan anak yang OKU. Mereka terpaksa menjaga anak yang OKU dan di dalam masa yang sama perlu memastikan mereka boleh adaptasi dengan penyakit yang mereka ada. Keadaan tubuh badan yang semakin lemah juga menyebabkan perubahan fizikal berlaku dan menyebabkan mereka senang mendapat penyakit seperti semput (asma), sakit pinggang dan sakit belakang.

KESIMPULAN

Dalam usaha memahami beban penjagaan warga emas yang menjaga anak OKU terlantar, dapatan kajian telah berjaya mengeluarkan sub-sub tema daripada tema utama objektif kajian iaitu beban penjagaan dari segi emosi, beban penjagaan dari segi kewangan, beban penjagaan fizikal/kesihatan dan beban penjagaan sosial/masa. Bagi subtema

yang pertama ialah beban penjagaan emosi. Bagi beban penjagaan emosi, beban ini lebih terarah kepada tanggapan masyarakat dan penerimaan terhadap mereka yang mempunyai anak OKU, gangguan daripada tidur dan waktu rehat yang diperlukan dan perasaan ketika menjaga anak OKU, secara keseluruhan dalam subtema pertama ini mendapati gangguan emosi kepada warga emas ini juga terganggu kerana menerima kritikan ketika menjaga anak OKU dan kekurangan waktu tidur yang mencukupi kerana perlu memberikan perhatian yang secukupnya kepada anak OKU.

Beban kewangan juga menjadi satu beban yang perlu ditanggung oleh warga emas, ini disebabkan kebanyakan warga emas tidak mempunyai pekerjaan serta pendapatan yang tetap. Beban kewangan menjadi isu kerana keadaan ekonomi serta kenaikan harga barang yang semakin ketara pada masa kini. Sub tema seterusnya ialah beban fizikal/ kesihatan juga adalah usaha pengkaji untuk memahami perubahan fizikal yang berlaku ketika menjalankan proses penjagaan anak yang OKU. Subtema yang terakhir iaitu beban sosial / masa, pula ialah untuk memahami masa dan sosial yang diperlukan oleh responden dan kelapangan masa yang diperlukan oleh responden untuk diri sendiri, ahli keluarga dan masyarakat setempat. Hasil dapatan yang diberikan menunjukkan hanya sebahagian daripada warga emas ini mempunyai masa untuk melakukan aktiviti harian mereka dan untuk mereka yang menjaga anak OKU yang berseorangan mereka tiada masa yang khas dan tersendiri kepada mereka.

RUJUKAN

- Amran Hassan, Fatimah Yusoof dan Khadijah Alavi (2012). Keluarga sihat melahirkan komuniti sejahtera: Satu ulasan, *Malaysia Journal of Society and Space* 8(5): 51-63
- Azmi Shaari, Nor Hayati Che Harun & Tengku Noaswita. (2010). Faktor yang mempengaruhi penglibatan penjaga di sekolah dan kesannya ke atas pencapaian akademik anak cacat penglibatan: Sekolah pembangunan SosialUniversiti Utara Malaysia
- Birren, J. E., & Birren, B. A. (1990). The concepts, models, and history of the psychology of aging. In J. E. Birren & K. W. Schaie (Eds.), *The handbooks of aging. Handbook of the psychology of aging* (p. 3–20). Academic Press.
- Clark, R. E., & Drake, R. C. (1994). Expenditures of time and money by families of people with severe mental illness and substance use disorders. *Community Mental Health Journal*, 30, 145–165.
- Cloitre, M., Courtois, C. A., Ford, J. D., Green, B. L., Alexander, P., Briere, J., Herman, J. L., Lanius, R., Stolback, B. C., Spinazzola, J., Van der Kok, B. A., & Van der Hart, O. (2012). *The ISTSS Expert Consensus Treatment Guidelines for Complex PTSD in Adults*. Available: <http://www.istss.org>.
- Fatimah Abdullah, Saim, N. J., Nur Saadah, M. A., & Mohamad, M. S. (2015). Cabaran dalam penjagaan tidak formal di Malaysia. *Jurnal Sarjana, Universiti Malaya*. Vol. 30(2): 41-56.
- George, L. K., & Gwyther, L. P. (1986). Caregiver well-being: A multidimensional examination of family caregivers of demented adults. *The Gerontologist* 26(3): 253-259.
- Hammond M. & Wellington J. (2013). *Research methods the key concepts*. New York, NY: Routledge.
- Hancock, B., Ockleford, B. & Windridge, K. (2007). *An introduction to qualitative research* Nottingham: Yorkshire & The Humber.
- Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Virawaty Yunus dan Wan Nazilah Wan Mohd Zain, (2013) : Support for parents of children with disabilities in Malaysia: *Journal of the Social Sciences* 8 (2) : 213-219

- Jung-Hwa Ha, Jinkuk Hong, Marsha Mailick Seltzer, & Jan S. Greenberg. (2008). Age and Gender Differences in the Well-Being of Midlife and Aging Parents with Children with Mental Health or Developmental Problems: Report of a National Study. *Journal of Health Soc Behavior*. Vol. 49 (3): 301-316.
- Mohd Yusof Hussain, Mohamad Shahrudin Samsurijan, Suraiya Ishak & Abd. Hair Awang. (2011). Hubungan kejiranan dalam membentuk kesejahteraan hidup masyarakat 'kampung bandar': Kes Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Malaysia. *Jurnal GEOGRAFIA Malaysia Journal of Society and Space*. Vol. 7 issue 3: 36 - 44.
- Norlaila Abu Bakar, Nor Aini Haji Idris & Doris Padmini Selvaratnam. (2009). Kesejahteraan ekonomi warga emas di Malaysia : perbezaan gender. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-IV 2009 - Memacu pembangunan ekonomi dalam ketidakpastian persekitaran global*. De Rhu Beach, Kuantan. 2-4 Jun 2009.
- Novak, M. and Guest, C. (1989) Application of a multidimensional caregiver burden inventory. *Gerontologist*, 29: 798-803.
- Putnam, M. (2007). The changing intersections of aging and disability partnerships: Moving forward. In M. Putnam (Ed.), *Aging and disability: Crossing network lines*. (pp. 259-262). New York, NY: Springer Publishing Company.
- Putnam, M. (2004). Issues in the further integration of aging and disability services. *Public Policy & Aging Report* 14 (4), 1, 19-23.
- Rasha Aziz Attia Salam & Faiza Ahmed Abou El-Soud. (2012). Caregiver burden from caring for impaired elderly : A cross-sectional study in rural lower Egypt. *Italian Journal of Public Health*, 9(4), 22-31.
- Mohd Suhaimi Mohamad, Sheau Tseuy Chong, Norulhuda Sarnon, Fauziah Ibrahim, Khadijah Alavi & Noremy Md Akil. Manifestasi Penjagaan keluarga: Tekanan psikologikal dalam menjaga pesakit mental. *Jurnal Sains sosial dan Kemanusiaan*. Volume 7 (1): 059-075.

- Yong Tang. (2008). Social support for elderly caregivers. *International Journal of Business and Management*. 3 (8).
- Zarit SH, Reever K.E, Bach-Peterson J. (1980). Relatives of the impaired elderly: correlates of feelings of burden. *Gerontologist*. Vol. 20 (6):649-55.

KESAN GAYA KEIBUBAAPAN DAN PERSONALITI MEMPENGARUHI KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI DALAM KALANGAN REMAJA PEREMPUAN YANG TERLIBAT DENGAN JENAYAH JUVANA: SATU KAJIAN KES SEKOLAH TUNAS BAKTI (P) MARANG TERANGGANU

Mohd Badrul Ahmad ¹
Zainah Ahmad Zamani ², PhD

¹Kementerian Tenaga dan Sumber Asli,

²Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRACT

This study aims to examine the effect of parenting styles and personality towards psychological well-being of female young juvenile offenders at Sekolah Tunas Bakti (P) in Marang, Terengganu. This study has chosen random sampling based on quantitative methods. There were 67 respondents recruited and answered the set of questionnaires given. The set of questionnaires consisted of three established psychological instruments which are Parental Authority Questionnaire (PAQ), Big Five Inventory (BFI) and Ryff's Theory of Psychological Well-Being. Results obtained through the quantitative analysis by using SPSS software showed that there is a significant relationship between parenting style and also psychological well-being among the female juvenile offenders. The results also found a significant relationship between personality of the female juvenile offenders and their psychological well-being. Inconsistent with previous finding, this study found that there is no significant relationship between parenting style and also personality of the offenders as well as no significant differences between the three components; parenting style, personality and psychological well-being

among female juvenile offenders there. Overall, the significance of this study was to help the institution's management to more easily build the appropriate recovery module for the trainer and to strengthen the support of the parents and the guardians in assisting the trainer recovery.

Keywords: *parenting styles; personality; psychological well-being; female young juvenile*

PENGENALAN

Anak boleh diibaratkan seperti sehelai kain putih bermula dari peringkat bayi lagi. Maka, ibu bapa merupakan orang yang paling bertanggungjawab dalam mencorakkan kain putih tersebut disebabkan ibu bapa adalah teras bagi sesebuah keluarga dan mereka juga merupakan agen sosialisasi dalam kehidupan anak-anak mereka.

Kimberly (2007) mengatakan bahawa menempuhi peringkat usia remaja selalunya digambarkan sebagai saat-saat yang paling kritikal dan mencabar bagi seorang remaja mahupun ibu bapa. Kajian menunjukkan bahawa remaja melalui proses penyesuaian dalam pembentukan diri sebagai seorang individu dari aspek biologiikal, kognitif, emosi dan sosial di sepanjang proses untuk menjadi dewasa. Didikan ibu bapa yang berkesan semasa usia remaja ini perlu mengambil kira segala keperluan yang meliputi aspek-aspek perkembangan yang dinyatakan sebelum ini bagi mengimbangi proses penyesuaian diri yang dilalui oleh remaja.

Jika dahulu, golongan remaja yang terlibat dalam kes-kes jenayah yang serius hanyalah kecil bilangannya, tetapi kini angka itu semakin meningkat dengan mendadak sekali bukan sahaja membimbangkan ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang bersekolah, tetapi ia turut memberi kesan terhadap masyarakat dan kredibiliti sekolah yang berperanan dalam pembentukan moral dan tingkah laku generasi muda.

Keluarga merupakan pelindung utama dalam membina pembentukan sahsiah dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja. Remaja yang bertingkah laku negatif menunjukkan tidak ada perhubungan baik dengan keluarga. Ibu bapa kurang memberikan didikan rohani dan sosial yang sempurna kepada remaja sehingga mereka terjebak dengan pelbagai masalah sosial yang tidak terkawal (Salina Nen, 2012).

Statistik Kanak-kanak Malaysia tahun 2014 dan 2015 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan berdasarkan sumber dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, memaparkan statistik kanak-kanak terpilih sebagai asas pengukuran kualiti hidup dan kesejahteraan kanak-kanak di peringkat nasional dan negeri. Penyusunan statistik dalam penerbitan ini meliputi empat bidang utama iaitu penduduk, kesihatan, pendidikan dan perlindungan kanak-kanak. Statistik diperoleh daripada sumber sekunder melibatkan pelbagai kementerian/jabatan/agensi kerajaan.

Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan berdasarkan sumber daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia berkaitan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan. Bilangan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan meningkat 3.7 peratus daripada 4,295 tahun 2014 kepada 4,453 tahun 2015. Mengikut Jabatan Perangkaan bilangan pesalah juvana menurun 10.3 peratus daripada 5,096 kes tahun 2014 kepada 4,569 kes tahun 2015. Kesalahan pertama turut mencatatkan penurunan 12.1 peratus. Sebaliknya, kesalahan berulang mencatatkan kenaikan 12.4 peratus daripada 371 kes tahun 2014 kepada 417 kes tahun 2015.

Kajian oleh Nor Hasanah (2016), menyatakan bahawa di Malaysia kerajaan telah memperkenalkan rumah perlindungan atau institusi pemulihan sejak tahun 1965 dan mula dibangunkan oleh pihak swasta sejak 20 tahun kemudian. Mereka yang di tempat di institusi ini diberikan perlindungan dan pemulihan mengatasi masalah yang dihadapi oleh individu terbabit. Rumah perlindungan dan institusi pemulihan ini telah ditubuhkan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506) dan

Akta Kanak-Kanak 2001 dengan pindaan 2016 yang memberikan perlindungan dan pemulihan kepada remaja yang terlibat.

Kebiasaannya di rumah perlindungan ini, pelbagai aktiviti dan modul telah disediakan bagi membantu pemulihan kepada pelatih-pelatih serta penghuni yang mendiami institusi berkenaan. Berdasarkan modul yang disediakan, pelatih dan penghuni boleh belajar sesuatu dan cuba menggunakannya apabila keluar nanti. Malahan, modul-modul ini membantu pelatih dan penghuni dalam merancang kehidupan masa hadapan.

OBJEKTIF DAN HIPOTESIS KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

- i. Mengkaji hubungan gaya keibubapaan dengan kesejahteraan psikologi remaja terlibat dengan jenayah juvana.
- ii. Mengkaji hubungan personaliti dengan kesejahteraan psikologi remaja terlibat dengan jenayah juvana.
- iii. Mengkaji hubungan personaliti dengan gaya keibubapaan remaja terlibat dengan jenayah juvana.
- iv. Mengkaji perbezaan gaya didikan keibubapaan, personaliti dengan kesejahteraan psikologi remaja terlibat dengan jenayah juvana.

Berikut adalah hipotesis yang telah digariskan adalah seperti berikut:

- i. Terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya keibubapaan dengan kesejahteraan psikologi remaja yang terlibat dengan jenayah juvana.
- ii. Terdapat hubungan yang signifikan di antara personaliti dengan kesejahteraan psikologi remaja yang terlibat dengan jenayah juvana.
- iii. Terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya keibubapaan dengan personaliti remaja yang terlibat dengan jenayah juvana.

- iv. Terdapat perbezaan yang signifikan gaya keibubapaan, personaliti dengan kesejahteraan psikologi remaja yang terlibat dengan jenayah juvana.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif (menggunakan kaedah sampel bertujuan) iaitu sampel kajian menggunakan pelatih STB (P) Marang Terengganu yang terlibat dengan jenayah juvana seramai 67 orang. Pada awal perbincangan seramai 91 orang responden telah dipilih untuk kajian ini tetapi berkurangan semasa kajian ini dijalankan. Ini adalah disebabkan jenayah juvana terlibat dengan pembebasan awal yang dilakukan oleh pihak institusi yang melibatkan responden yang akan digunakan untuk kajian ini. Responden yang dipilih ini merupakan remaja yang terlibat dengan jenayah juvana yang dilindungi untuk program pemulihan dibawah Akta Kanak-kanak 2001 yang diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.

Teknik persampelan yang digunakan ialah teknik persampelan rawak mudah yang mana subjek yang dipilih dijangka boleh memberi maklumat yang diperlukan oleh pengkaji. Alat ujian yang digunakan dalam kajian ini merupakan satu set soal selidik yang mengandungi tiga bahagian iaitu alat Ujian *Parental Authority Questionnaire* (PAQ), Inventori *Personaliti Big Five* (*Big Five Inventory*) dan *Skala Kesejahteraan Psikologi Ryff* (*Scales of Psychological Well-being-PWBS*).

Dapatan kajian ini diperolehi melalui borang soal selidik yang diedar kepada responden. Kemudian borang soal selidik dikumpulkan dan dianalisis secara kuantitatif menggunakan sistem SPSS (*Statistical Package for Social Science*) bagi mendapatkan data dalam bentuk kekerapan, angka dan skor.

Bagi kajian ini, metod kajian kes digunakan untuk mengumpul maklumat. Menurut Mohd Majid (1998), kajian kes merupakan

penyelidikan yang dilakukan secara intensif oleh penyelidik terhadap satu unit sosial seperti individu, satu keluarga, satu kampung, satu sekolah atau satu masyarakat. Metodologi ini merupakan satu kajian inkuiri empirikal untuk menyiasat dan mengkaji sesuatu fenomena dalam konteks sebenar dengan pelbagai cara untuk memperolehi data kajian. Kajian kes ini dapat memberikan kefahaman terhadap sesuatu fenomena yang diharapkan dapat menyumbang kepada penyelesaian sesuatu isu khususnya salah laku seks dalam kalangan remaja.

KAJIAN LEPAS

Kajian yang telah dilakukan oleh Sharma et al., (2011) berkaitan dengan hubungan di antara gaya keibubapaan dengan kemurungan dalam kalangan 100 orang remaja dan salah seorang ibu bapa bagi setiap responden dan menjadikan jumlah keseluruhan responden ialah 200 orang. Bagi melihat gaya didikan ibu bapa alat ujian PAQ telah digunakan. Hasil dapatan ini mendapati gaya didikan ibu bapa authoritarian mempunyai hubungan positif dengan kemurungan manakala gaya didikan permisif mempunyai hubungan negatif dengan kemurungan.

Hasil kajian daripada Patmah (1995) mendapati bahawa perubahan serta perhatian yang kurang daripada ibu bapa adalah satu faktor gejala sosial ini terjadi. Beliau juga berpendapat bahawa remaja memerlukan kebijaksanaan dan rasional seseorang. Setiap aktiviti yang mereka lakukan haruslah diberi perhatian dan dorongan ke arah kebaikan dan menegur mereka dengan cara yang baik dan berdiplomasi. Dengan itu mereka merasakan diri dihargai dan cuba melakukan sesuatu perkara itu dengan baik dan tidak melanggar batasan (Muhamad Jumat Aliju, 1996).

Hubungan keluarga dalam kajian ini memberi tumpuan kepada aspek gaya keibubapaan dan pola komunikasi keluarga. Selain itu, kajian ini melihat kepentingan ciri anak dalam hubungan tersebut. Secara lebih

khusus, kajian bertujuan mengkaji hubungan keluarga dari aspek gaya keibubapaan dan pola komunikasi keluarga dan juga hubungan ciri anak terhadap hubungan keluarga. Analisis korelasi menunjukkan personaliti ekstrovert mempunyai hubungan signifikan dengan gaya keibubapaan autoritatif dan juga kedua-dua orientasi komunikasi perbualan dan orientasi konformiti. Analisis regresi pula menunjukkan nilai pekali korelasi di antara gabungan pembolehubah personaliti dengan gaya keibubapaan menyumbang kepada peratusan varians yang berbeza kepada pola komunikasi keluarga orientasi perbualan dan orientasi konformiti (Che Hasniza, 2017).

Kajian ini telah disokong oleh dapatan kajian yang dijalankan oleh Masood Nadeem et.al (2012) yang mengkaji 240 peserta yang terdiri daripada budak nakal dan juvana. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa budak nakal mendapat skor yang tinggi dalam personaliti psikopatik devian, kemurungan dan *skizofernia* berbanding dengan budak juvana. Hal ini telah menunjukkan bahawa apabila individu mempunyai personaliti seperti psikopatik devian dan kemurungan akan berkemungkinan besar untuk terlibat dalam tingkah laku delinkuan. Kajian Nurul Aini dan Fatanah (2013), bagi melihat tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan warga emas di rumah pelindungan orang tua di Selangor.

Seramai 33 orang responden beragama Islam dan menggunakan alat ujian Kesejahteraan Psikologi oleh Ryff (42 item) telah digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian ini menunjukkan 33.3% responden mempunyai tahap kesejahteraan psikologi yang rendah, 57.6% pada tahap sederhana dan 9.1% berada pada tahap tinggi. Hasil analisis yang dijalankan menunjukkan wujud perbezaan dalam tahap kesejahteraan psikologi mengikut jantina ($t = -2.15, p < 0.05$), golongan wanita dilihat mempunyai tahap kesejahteraan psikologi yang tinggi (min = 3.57) berbanding dengan lelaki (min = 2.79). Ini menggambarkan wanita mempunyai pertimbangan yang lebih baik dari aspek emosi, pemikiran, mental dan tingkah laku.

Kajian yang dilakukan oleh Athirah (2016), bertujuan mengenalpasti faktor yang mempengaruhi kesejahteraan psikologi golongan wanita di Lembah Klang. Seramai 384 responden telah digunakan dalam kalangan wanita yang menetap di Lembah Klang yang dilakukan secara persampelan berkekelompok menggunakan alat ujian *The USM Emotional Quotient Inventory (USMEG-i)*, *ujian Daily Spiritual Experience Scale (DSES)* dan ujian Skala Kesejahteraan Psikologi Ryff (18 item). Hasil dapatan kajian menunjukkan kesemua faktor sosiodemografi iaitu umur, status perkahwinan, tahap pendidikan dan status pekerjaan mempunyai perbezaan signifikan. Hasil kajian ini juga mendapati wujud hubungan signifikan antara kecerdasan emosi dan aspek spiritualiti ($r = 0.402, p < 0.01$), kecerdasan emosi dan kesejahteraan psikologi ($r = 0.303, p < 0.01$). Ini menunjukkan terdapat pengaruh kecerdasan emosi dan aspek spiritualiti terhadap kesejahteraan psikologi golongan wanita Lembah Klang.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya keibubapaan dengan kesejahteraan psikologi remaja yang terlibat dengan jenayah juvana.

Berdasarkan jadual 1 di bawah, terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara gaya keibubapaan Autoritarian dengan kesejahteraan psikologi Autonomi ($r(67) = -.265, p = .05$). Selain itu, hubungan negatif yang signifikan juga pada gaya keibubapaan Authoritarian dengan kesejahteraan psikologi Hubungan Positif ($r(67) = -.254, p = .05$). Seterusnya, terdapat hubungan positif yang signifikan di antara gaya keibubapaan Pemisif dengan kesejahteraan psikologi Hubungan Positif ($r(67) = .367, p = .002$). Manakala gaya didikan ibubapa Pemisif dengan kesejahteraan psikologi Matlamat Hidup ($r(67) = .289, p = .05$) juga mempunyai hubungan positif yang signifikan.

Kesimpulannya, terdapat empat sub-hipotesis yang diterima di bawah hipotesis ini iaitu; 1) terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara gaya keibubapaan Autoritarian dengan kesejahteraan psikologi

Autonomi; 2) terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara gaya keibubapaan Authoritarian dengan kesejahteraan psikologi Hubungan Positif; 3) terdapat hubungan positif yang signifikan di antara gaya keibubapaan Permisif dengan kesejahteraan psikologi Hubungan Positif; dan 4) terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara gaya keibubapaan Permisif dengan kesejahteraan psikologi Matlamat Hidup. Bagi hubungan negatif yang signifikan menunjukkan semakin tinggi gaya keibubapaan Authoritarian akan menyebabkan kesejahteraan psikologi Autonomi dan kesejahteraan psikologi Hubungan positif semakin turun kepada responden. Keadaan ini berbeza dengan hubungan positif yang signifikan iaitu semakin tinggi gaya keibubapaan Permisif akan menyebabkan semakin tinggi kesejahteraan psikologi hubungan positif dan juga kesejahteraan psikologi Matlamat hidup di kalangan responden.

Kajian ini telah disokong oleh Sharma et al., (2011) berkaitan dengan hubungan di antara gaya keibubapaan dengan kemurungan dalam kalangan 100 orang remaja dan salah seorang ibu bapa bagi setiap responden. Jumlah keseluruhan responden ialah 200 orang. Bagi melihat gaya didikan ibu bapa alat ujian PAQ telah digunakan. Hasil dapatan ini mendapati gaya didikan ibu bapa authoritarian mempunyai hubungan positif dengan kemurungan, manakala gaya didikan permisif mempunyai hubungan negatif dengan kemurungan.

Jadual 1: Keputusan Ujian Korelasi Di Antara Gaya Didikan Ibubapa Dengan Kesejahteraan Psikologi

Pembolehubah	Nilai korelasi (r)
<i>Autoritarian</i> - Autonomi	-.265*
Autoritarian – Hubungan Positif	-.254*
Pemisif – Hubungan Positif	.367**
Pemisif – Matlamat hidup	.289*

** $p < .01$; * $p < .05$

Terdapat hubungan yang signifikan di antara personaliti dengan kesejahteraan psikologi remaja yang terlibat dengan jenayah juvana.

Berdasarkan jadual 2 di bawah, terdapat hubungan positif yang signifikan di antara personaliti Persetujuan dengan kesejahteraan psikologi Perkembangan Peribadi ($r(67) = .379, p = .002$). Keadaan ini juga boleh dilihat pada personaliti Ketelitian dengan kesejahteraan psikologi Autonomi ($r(67) = .254, p = .05$) juga menunjukkan hubungan positif. Manakala personaliti keterbukaan dengan kesejahteraan psikologi Hubungan Positif ($r(67) = .245, p = .05$) juga dilihat menunjukkan hubungan positif. Perkara ini dilihat menunjukkan semakin tinggi Personaliti Persetujuan yang ditunjukkan oleh responden akan menyebabkan Kesejahteraan Psikologi Perkembangan Peribadi juga akan meningkat. Perhubungan yang sama juga dengan Personaliti Ketelitian dengan Kesejahteraan Psikologi Autonomi yang mana menunjukkan perkaitan secara hubungan positif. Hubungan positif signifikan juga kepada Personaliti Keterbukaan iaitu semakin tinggi akan menyebabkan kesejahteraan Psikologi Hubungan Positif juga akan semakin meningkat.

Seterusnya, terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara personaliti Neurotisme dengan kesejahteraan psikologi Autonomi ($r(67) = -.247, p = .05$). Manakala keadaan ini juga sama pada personaliti neurotisme dengan kesejahteraan psikologi Hubungan Positif ($r(67) = -.287, p = .05$) menunjukkan hubungan negatif. Jika dilihat kepada hipotesis ini, menunjukkan hubungan negatif yang signifikan bermakna semakin tinggi Personaliti Neurotisme semakin rendah Kesejahteraan Psikologi Autonomi dan Kesejahteraan Psikologi Hubungan Positif di kalangan responden yang terlibat.

Kesimpulannya, terdapat lima sub-hipotesis yang diterima di bawah hipotesis ini iaitu; 1) terdapat hubungan positif yang signifikan di antara personaliti Persetujuan dengan kesejahteraan psikologi Perkembangan Peribadi; 2) terdapat hubungan positif yang signifikan di antara personaliti Ketelitian dengan kesejahteraan psikologi Autonomi; 3) terdapat hubungan positif yang signifikan di antara personaliti keterbukaan dengan kesejahteraan psikologi Hubungan Positif; 4) terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara personaliti Neurotisme dengan kesejahteraan psikologi Autonomi; dan 5) terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara personaliti neurotisme dengan kesejahteraan psikologi Hubungan Positif.

Kajian ini disokong dapatan kajian yang dijalankan oleh Masood Nadeem et.al (2012) yang mengkaji 240 peserta yang terdiri daripada budak nakal dan juvana. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa budak nakal mendapat skor yang tinggi dalam personaliti psikopatik devian, kemurungan dan skizofrenia berbanding dengan budak juvana. Hal ini telah menunjukkan bahawa apabila individu mempunyai personaliti seperti psikopatik devian dan kemurungan, berkemungkinan besar mudah untuk terlibat dalam tingkah laku delinkuan.

Jadual 2: Keputusan Ujian Korelasi Di Antara Personaliti Dengan Kesejahteraan Psikologi

Pembolehubah	Nilai korelasi (r)
Persetujuan – Perkembangan Peribadi	.379**
Ketelitian – Autonomi	.254*
Keterbukaan – Hubungan Positif	.245*
Neurotisme – Autonomi	-.247*
Neurotisme – Hubungan Positif	-.287*

** $p < .01$; * $p < .05$

Terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya keibubapaan dengan personaliti remaja yang terlibat dengan jenayah juvana.

Berdasarkan jadual 3 dibawah, tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya keibubapan dengan personaliti. Berpandukan jadual tersebut, tidak terdapat hubungan positif mahupun negatif di antara mana-mana domain daripada kedua-dua pembolehubah. Maka, hipotesis yang menyatakan terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya keibubapaan dengan personaliti remaja yang terlibat dengan jenayah juvana adalah ditolak.

Kajian ini telah disokong oleh kajian lepas mengenai hubungan keluarga yang merangkumi aspek gaya keibubapaan dan pola komunikasi keluarga. Selain itu, kajian ini melihat kepentingan ciri-ciri anak dalam hubungan tersebut. Secara lebih khusus, kajian bertujuan mengkaji hubungan keluarga dari aspek gaya keibubapaan dan pola komunikasi keluarga dan juga hubungan ciri anak terhadap hubungan keluarga. Analisis korelasi menunjukkan personaliti ekstrovert mempunyai hubungan signifikan dengan gaya keibubapaan autoritatif dan juga kedua-dua orientasi komunikasi perbualan dan orientasi konformiti. Analisis regresi pula menunjukkan nilai pekali korelasi di antara gabungan pembolehubah personaliti dengan gaya keibubapaan

menyumbang kepada peratusan varians yang berbeza kepada pola komunikasi keluarga orientasi perbualan dan orientasi konformiti (Che Hasniza, 2017).

Jadual 3: Keputusan Ujian Korelasi Di Antara Gaya Didikan Ibubapa Dengan Personaliti

Pembolehubah	Nilai korelasi (r)
Autoritarian – Ekstraversi	-.190
Autoritarian - Persetujuan	.159
Autoritarian - Ketelitian	-.021
Autoritarian - Neurotisme	.182
Autoritarian - Keterbukaan	.066
Pemisif – Ekstraversi	.135
Pemisif - Persetujuan	.143
Pemisif - Ketelitian	.116
Pemisif - Neurotisme	-.190
Pemisif - Keterbukaan	-.133
Autoritatif – Ekstraversi	.080
Autoritatif - Persetujuan	.053
Autoritatif - Ketelitian	.077
Autoritatif - Neurotisme	.009
Autoritatif - Keterbukaan	-.024

** $p < .01$; * $p < .05$

Terdapat perbezaan yang signifikan di antara gaya keibubapaan, personaliti dengan kesejahteraan psikologi remaja yang terlibat dengan jenayah juvana.

Berdasarkan jadual 4 di bawah, menunjukkan tidak terdapat perbezaan di antara Gaya Keibubapaan ($f(41, 24) = 1.781, p = .762$) dengan

Kesejahteraan Psikologi. Keadaan yang sama ditunjukkan dalam Personaliti ($f(41, 24) = 1.591, p = .114$) dengan tiada perbezaan direkodkan dalam Kesejahteraan Psikologi. Ini menjelaskan walaupun wujud kepelbagaian dalam gaya keibubapaan yang digunakan oleh keluarga responden ia tidak menunjukkan perbezaan kepada tahap kesejahteraan Psikologi responden. Keadaan ini juga sama kepada personaliti responden yang mana tidak wujud perbezaan kepada kesejahteraan psikologi responden dalam kajian ini. Kesimpulannya, gaya keibubapaan yang diaplikasikan oleh ibu bapa dan jenis personaliti pelatih STB tidak memberi perbezaan yang signifikan ke atas kesejahteraan psikologi pelatih STB. Maka, hipotesis yang menyatakan terdapat perbezaan di antara Gaya Keibubapaan, Personaliti dengan Kesejahteraan Psikologi remaja yang terlibat dengan jenayah juvana adalah ditolak.

Dapatan kajian ini bertepatan dengan dapatan kajian oleh Nabihah (2015) yang menyatakan hampir semua hipotesis yang menyatakan terdapat perbezaan personaliti dengan tempoh masa remaja berada di pusat pemulihan akhlak ditolak yang menyatakan tempoh masa yang ada pada responden terlalu singkat untuk mengubah personaliti remaja ini. Aziz (2011) menyatakan bahawa personaliti seseorang itu sukar untuk diubah kerana melibatkan faktor dalaman. Justeru, tingkah laku seseorang juga bukan sahaja dapat dilihat. Tetapi juga melalui keadaan dalaman dan juga fisiologi manusia. Hal ini disebabkan oleh tingkah laku terbentuk daripada peringkat bayi dan awal kanak-kanak sehingga tingkah laku tersebut berkembang dalam membentuk personaliti di peringkat dewasa.

Jadual 4: Keputusan ANOVA Satu Hala Untuk Melihat Perbezaan Di Antara Gaya Keibubapaan, Personaliti Dengan Kesejahteraan Psikologi Remaja Yang Terlibat Dengan Jenayah Juvana

	Umur	JKD	MKD	dk	F
Gaya Didikan Ibubapa	Antara Kumpulan	6006.66	164.50	41	.781
	Dalam Kumpulan	4502.37	187.60	24	
	Jumlah	10509.03			
Personaliti	Antara Kumpulan	6053.66	147.65	41	1.591
	Dalam Kumpulan	2226.97	92.79	24	
	Jumlah	8280.62			

$P < .05$

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini secara keseluruhan menunjukkan terdapat hubungan antara gaya keibubapaan dan personaliti dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja perempuan yang terlibat dengan jenayah juvana. Ini bermakna kesemua pemboleh ubah ini saling berkait antara satu sama lain. Kesejahteraan psikologi yang dialami oleh remaja ini berkait rapat dengan faktor gaya keibubapaan yang diaplikasikan oleh ibu bapa mereka dan juga faktor personaliti yang sememangnya telah ada dalam diri mereka ini.

Dalam kita mahu melihat kesejahteraan psikologi yang menyeluruh terhadap remaja ini, pendekatan yang terbaik dan jitu perlu diambil oleh semua pihak terutama sokongan ibu bapa, pegawai yang menjaga dan memberikan pemulihan serta modul yang digunakan bagi membentuk remaja ini ke arah yang lebih baik. Pendekatan yang boleh dititikberatkan adalah berkaitan penyediaan modul yang sesuai kepada remaja ini semasa di dalam pusat pemulihan. Begitu juga sokongan ibu bapa atau penjaga secara berterusan semasa remaja ini melalui program pemulihan dan juga setelah tamat program pemulihan apabila berdepan

dengan kehidupan baru mereka. Ini bermakna dalam penyediaan modul pemulihan seharusnya pihak pengurusan memikirkan tentang latar belakang iaitu gaya keibubapaan yang dimainkan oleh ibu bapa pelatih dan juga personaliti yang pelbagai yang dimiliki oleh pelatih. Semua perkara ini akan membantu dalam proses pemulihan pelatih di institusi tersebut.

RUJUKAN

- Abd. Majid Mohd Isa, (1997) Psikologi Pendidikan 1: Pertumbuhan dan Perkembangan Cetakan Ketiga, Selangor Longman.
- Amran Hassan, Fatimah Yusoooff, Khadijah Alavi, (2014). Pengaruh Faktor Kesepaduan (Kefungsian Keluarga) dan Kemahiran Keibubapaan Terhadap Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Ibu Bapa dan Anak. Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
- N., Ali, W., Nasir, K. A. B., Ali, M. F. B., N., & Yaacob, D. (2013) Intervensi Kecelaruhan Personaliti Dalam Kalangan Remaja 'Borderline Personality Disorder'.
- Arifain, S. M. K., Mustafar, F. W., Yusof, F., & Alias, A. (2016) Cara Gaya Keibubapaan Dan Remaja Hamil Tanpa Nikah. Jurnal Sains Sosial, Malaysian Journal of Social Sciences, 1(1), 63-73.
- Athirah Mustaffar Kamar, (2016) Aspek Kecerdasan Emosi dan Spiritual Terhadap Kesejahteraan Psikologi Golongan Wanita di Lembah Klang, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Aziz, I. U. M. A., & Ismail, Z. (2018). Trait Personaliti Pendakwah Muslim: Satu Sorotan Literatur. Al-Hikmah, 10(1), 34-54.
- Baharom, B. B. (2006). Persekitaran Keluarga Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja Di Daerah Pontian, Johor.
- Baurmind D. (1967). Child Care Pratices Anteceding Three Pattenes of Presechool Behevia Genetic Psychology Manographs, 75 (2);43-88
- Che Hasniza Che Noh, (2017). Hubungan Keluarga Dari Aspek Komunikasi Dan Gaya Keibubapaan. Jurnal Kemanusiaan, UTM Skudai.
- Costa, P.T., Jr., dan McCrae, R.R. (1992). Revised NEO Personality Inventory (NEO-PI-R) and NEO Five-Factor Professional manual. Odessa, FL: Psychological Assessment Resources, Inc.
- Fauziah, S., & Mutiah, D. (2015). Pengaruh Trait Kepribadian Big Five dan Konformitas Teman Sebaya Terhadap Agresivitas Anak Punk di Jabodetabek. Raheema, 2(2).

- Haron, W. S. (2009). Hubungan Personaliti, Kemahiran Sosial, Kebimbangan dan Rakan Sebaya dengan Tingkah Laku Devian di Kalangan Pelajar Universiti. In Seminar Pendidikan Sains Sosial, Kongres Pengajaran & Pembelajaran UKM 2009(pp. 14- 16).
- Kausar, A., Nadeem, M., Rasheed, M., Amin, F., Fahd, S., Usman, M., & Saleem, S. (2012). Personality traits and juvenile delinquency in Punjab, Pakistan. In International Conference on Business, Economics, Management and Behavioral Sciences (ICBEMBS'2012), Dubai, United Arab Emirates.
- Khaidzir Ismail. (2007), Februari 27. Semua remaja perempuan bermasalah pernah laku seks. Utusan Malaysia.
- N. H. (2016). Penerokaan Awal Terhadap Jenayah Seksual Dalam Kalangan Remaja Lelaki Di Malaysia: Satu Kajian Kes Terhadap Remaja Di Sebuah Pusat Pemulihan. Bangi, Selangor
- Komisaruh, B. R. Beyer-Foves, C & Whipple, B. (2006). The Science of Orgasm. Baltimore, MD: Jones Hopkins University Press
- Mohd Haikal Anuar Bin Adnan, (2015) Gaya Keibubapaan dan hubungan dengan Kecerdasan Emosi & Kemurungan Remaja UKM. Bangi, Selangor
- Muhamad Jumat Aliju & Azizi Yahaya, (1995) Kaedah Asuhan Ibu Bapa Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Majid. (1998) Kaedah Penyelidikan Pendidikan, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nabihah Binti Salahhudin, (2015), Personaliti dan Tahap Resilien Dalam Kalangan Remaja Berisiko Di Institusi Pemulihan Akhlak. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
- Nor Hasanah Binti Ariffin. (2016). Peranan Sokongan Sosial dan Aspek Keagamaan Terhadap Pencapaian Matlamat Dalam Kalangan Kanak-kanak Yang Terlibat Dengan Hubungan Seksual, UKM Bangi
- Nur Fatin binti Kamaruzaman, Muhammad Ajib bin Abd Razak & Fatimah Yusoff., (2015) Hubungan Dimensi Tingkah Laku Keibubapaan Remaja Terhadap Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Ibu Bapa., Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti

Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, MALAYSIA

- Nurul Aini Mudayat & Fatanah Mohamed. (2013). Kesejahteraan Psikologi dalam kalangan warga emas di rumah perlindungan orang tua di Selangor. Lifelong Learning International Conference 2014. Universiti Malaya
- Roeswardhi, S. I. (2012). Gaya Keibubapaan Dan Hubungannya Dengan Profil Personaliti Remaja Anak Dalam Keluarga Ibu Tunggal: Kajian Di Smk Dato Usman Awang, Johor Bahru (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia). Johor.
- Robinson et. Al (1995) Hubungan Di antara Cara Gaya Keibubapaan dan Temperaman dengan Masalah Tingkah Laku Dalam Kalangan Kanak-kanak. UKM, Bangi Selangor
- Sharma, A. (2012). Correlates of juvenile delinquency: The role of family environment and self-esteem. *Advances in Asian Social Science (AASS)*, 4(1).
- Syairah Ariffin. (2016). Hubungan tingkah laku devian dan penghargaan sendiri dengan cara gaya keibubapaa. UKM Bangi, Selangor.
- Yahaya, A., Hashim, S., & Hamzah, M. (2012). Masalah salah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan hubungannya dengan gaya keibubapaan. *Sains Humanika*, 58(1).
- Yahaya, A., Ismail, N., Hashim, S., & Boon, Y. (2004). Hubungan antara sejarah silam dengan perkembangan personaliti di kalangan pelajar bandar dan luar bandar.

INTERVENSI TERHADAP PEMIKIRAN, EMOSI DAN TINGKAH LAKU PEGAWAI BERPRESTASI SEDERHANA: KAJIAN PERBANDINGAN MIN MENERUSI PROGRAM PRESTASI SEDERHANA DI KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Siti Mastura Nordin
Roszita Ali

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

ABSTRACT

The purpose of this study was to look at the effectiveness of interventions on the thinking, emotions and behavior of moderate performing officers in the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry. A total of 129 officers who obtained performance scores between 60% to 79.99% in this study. Subjects were divided into three (3) groups, namely group A for the treatment group, group B for the control group that was evaluated by their supervisor and group C for the group without supervisors' evaluation through the Purposive Sampling Method. The treatment group underwent five-session group counseling process. The Supervisor Assessment Form was used to measure thoughts, emotions and behaviors. The study was in the form of mean comparison, the data were analyzed using paired sample t-test at significant level value of 0.05. The results showed that there was a significant difference in the mean value of pre-test and mean value of post-test for the three components studied between the treatment group and the control group.

Keywords : *Intervention, Moderate Performing Officers, Ministry of Agriculture and Agro*

PENGENALAN

Sumber manusia adalah aset yang terpenting kepada mana-mana organisasi. Mereka adalah pemangkin utama dalam menjana, menggerakkan dan menyelaraskan sumber bagi mencapai matlamat organisasi. Sumber manusia yang ditadbir dengan cekap dan berkesan dapat menghasilkan pekerja yang berkemahiran dan berprestasi tinggi. Ini adalah penting bagi menentukan pencapaian misi dan visi organisasi. (Jabatan Perkhidmatan Awam, 2009).

Oleh demikian, peranan Ketua Jabatan dalam pengurusan sumber manusia amat penting dalam melahirkan subordinat yang berwibawa, dedikasi, berilmu dan berdisiplin. Ketua Jabatan yang berkesan harus mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam mengurus dan memimpin organisasi. Kegagalan sesebuah organisasi dalam mencapai visi dan misi mereka kerana kegagalan kumpulan pengurusan tertinggi menyampaikan hasrat dan kehendak visi dan misi kepada kumpulan pelaksana. Kemampuan kumpulan tertinggi berkomunikasi dengan kumpulan pelaksana akan menjadi kayu pengukur kejayaan organisasi tersebut (Helmi & Ilhaamie, 2017). Penglibatan manusia sebagai sumber iaitu pekerja perlu diberi penekanan bagi memastikan pencapaian matlamat organisasi dapat dicapai. Untuk terus bergerak ke arah kecemerlangan, penumpuan terhadap pembangunan kompetensi berkesan adalah sangat penting dalam pembangunan sumber manusia.

Kepesatan pembangunan negara memberi kesan kepada rakyat terutamanya pekerja. Dalam usaha menuju ke arah kecemerlangan dalam perkhidmatan organisasi, pekerja terpaksa menghadapi pelbagai cabaran. Antara lainnya ialah faktor kemajuan dan perkembangan teknologi maklumat, proses globalisasi, sistem penilaian, kerana birokrasi dan beban tugas berlebihan. Faktor-faktor tersebut sedikit sebanyak memberi kesan kepada prestasi perkhidmatan pekerja. Pekerja yang berjaya mengatasi cabaran dalam kehidupan akan dapat menyumbang kepada peningkatan prestasi organisasi. Sebaliknya,

pekerja yang menghadapi pelbagai rintangan dalam pekerjaan seperti kekurangan sokongan, kurang bimbingan daripada pihak atasan, beban kerja berlebihan dan seumpamanya perlu diberi bantuan untuk membolehkan mereka sama-sama menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan seterusnya pembangunan negara.

Malaysia dalam menuju negara industri memerlukan tenaga pekerja yang berdaya usaha tinggi, cekap dan cergas. Masalah yang cukup besar pengaruhnya terhadap pencapaian tujuan itu adalah tekanan di kalangan pekerja merupakan satu halangan kepada produktiviti kerja yang baik. Permasalahan seperti pusing ganti pekerja, ketidakhadiran dan ketidakpuasan kerja adalah antara masalah yang biasa berlaku dalam organisasi masa kini (Donald, et al. 2005).

PERMASALAHAN KAJIAN

Ketidakhadiran bertugas atau masalah disiplin antara kesalahan tatatertib yang dilakukan oleh pegawai awam. INTAN (2014) melaporkan pendedahan media massa terhadap pelbagai bentuk masalah keruntuhan nilai dan etika yang membabitkan penjawat awam merangkumi penipuan, ketidakcekapan, kelewatan dalam sesuatu proses perkhidmatan dan penyalahgunaan kuasa. Pendedahan ini cukup mengejutkan kerana kerajaan telah bertungkus lumus melaksanakan pelbagai transformasi dan pembaharuan dalam perkhidmatan awam.

Individu yang menghadapi masalah yang rumit tentunya akan mempengaruhi prestasi kerja. Menurut Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Abu Bakar Abdullah, walaupun bilangan yang bermasalah masih kecil, namun ia meninggalkan kesan dalam perkhidmatan awam jika tidak ditangani dengan segera. Isu seperti ini akan menjejaskan imej perkhidmatan awam dan menimbulkan persoalan mengenai prestasi kerja penjawat awam sama ada mereka mampu melaksanakan tanggungjawab secara cekap dan berkesan (Che Mohd Syaharuddin et.al, 2017).

Manakala individu yang berprestasi rendah berkemungkinan ada bermasalah seperti stres, mempamerkan sikap yang negatif yang seterusnya menimbulkan keadaan konflik dengan ketuanya atau sebagainya. Keratan akhbar Utusan Online bertarikh 22 November 2010 melaporkan jumlah penjawat awam yang bermasalah dan berprestasi rendah meningkat kepada 6,133 orang pada tahun 2009 berbanding 5,344 orang pada tahun 2008 (Norsyamimi & Mohammad Mujaheed, 2019).

Berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1998 mengenai Garis Panduan Menguruskan Pegawai Berprestasi Rendah dan Pegawai yang Bermasalah, mereka yang dikategorikan sebagai bermasalah dilihat dari aspek kualiti peribadi iaitu masalah dari segi hubungannya (*interpersonal relationship*) dengan ketua, rakan sejawat, kakitangan bawahan dan juga dengan pelanggan dari luar. Ini disebabkan mereka mempunyai sikap agresif atau suka menonjolkan diri atau suka menyalahkan orang lain di samping menganggap dirinya sahaja yang betul. Permasalahan ini merangkumi aspek sikap, tingkah laku, emosi dan nilai hidup seseorang individu. Tindakan pembetulan perlu dibuat merangkumi usaha-usaha pencegahan sebelum lebih menjejaskan kualiti kerja dan nama baik organisasi.

Justeru, dalam berhadapan dengan isu pegawai berprestasi sederhana di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, pengkaji memilih intervensi kaunseling kelompok sebagai medium dalam melihat perubahan pemikiran, emosi, tingkah laku dan prestasi pegawai. Corey (2003) berpendapat bahawa intervensi dalam bentuk kelompok adalah lebih berkesan jika dibandingkan dengan intervensi yang berbentuk individu. Beliau mengatakan kaunseling kelompok adalah lebih berkesan dari kaunseling individu disebabkan oleh tindak balas yang diterima oleh ahli-ahli lain dalam kelompok dan lebih bertahan lama terutama dari sudut kesejahteraan dan psikologikal. Kebaikan kaunseling kelompok bukan sahaja boleh digunakan untuk mengurangkan tahap tekanan tetapi juga telah dimanfaatkan oleh pengkaji tempatan dalam merawat

permasalahan lain seperti kebimbangan sosial (Wan Abdul Kader 1994), persediaan ke arah persaraan (Ismail 2001), membina kemahiran asertif dan tingkah laku langsung buli (Abdul Malek 2004). Kaunselor akan membimbing ahli kelompok mengenali saling hubungan alasan, emosi, dan tingkah laku bagi memupuk tanggungjawab ahli kelompok untuk mengakui dan menilai semua sistem kepercayaan yang telah disebutkan dalam dirinya (Corey, 2003).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengkaji taburan penglibatan pegawai berprestasi sederhana terhadap intervensi yang dijalankan.
2. Mengkaji perbandingan skor pemikiran, emosi, tingkah laku dan prestasi penilaian pra dan pasca berdasarkan dua kali tadbiran Borang Penilaian Penyelia.
3. Mengkaji pola perubahan pemikiran, emosi, tingkah laku dan prestasi pegawai berprestasi sederhana

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji memilih pegawai yang dikategorikan sebagai pegawai berprestasi sederhana untuk dijadikan sampel kajian. Penilaian prestasi diukur melalui perspektif penyelia dalam Borang Penilaian Penyelia dengan mendapatkan nilai min.

Kajian melibatkan 129 responden terbahagi kepada tiga (3) kelompok iaitu Kumpulan A, pegawai yang hadir intervensi dan dibuat penilaian oleh penyelia; Kumpulan B, pegawai tidak hadir intervensi dan dibuat penilaian oleh penyelia dan Kumpulan C bagi mereka yang tidak hadir intervensi dan tidak dibuat penilaian oleh penyelia.

Penganalisan data dibuat secara dua (2) kali tadbiran Borang Penilaian Penyelia iaitu sebelum dan selepas pegawai yang dinilai mengikuti proses intervensi bersama Unit Pengurusan Psikologi. Terdapat empat (4) komponen di dalam item-item yang dibina oleh pengkaji merangkumi pemikiran, emosi, tingkah laku dan prestasi. Setiap komponen menggunakan skala Likert bermula dengan 1 sangat tidak puas hati, 2 tidak puas hati, 3 sederhana puas hati, 4 puas hati dan 5 sangat puas hati. Pengkaji menjalankan analisis *paired sample t-test* menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 22.0 dalam usaha mendapatkan keputusan kajian.

KEPUTUSAN KAJIAN

Taburan penglibatan pegawai berprestasi sederhana terhadap intervensi yang dijalankan.

Jadual 1: Taburan Penglibatan Pegawai Berprestasi Sederhana Berdasarkan Analisis Borang Penilaian Penyelia.

Kehadiran	Borang Penilaian Penyelia			Jumlah
	Lengkap	Tidak Lengkap	Tiada	
Hadir Intervensi	38	31	14	83
Tidak Hadir Intervensi	6	12	28	46
Jumlah	44	43	42	129

Jadual 1 di atas menunjukkan seramai 129 pegawai berprestasi sederhana terlibat dalam kajian yang dijalankan. Seramai 83 orang peserta telah melalui program intervensi oleh Unit Pengurusan Psikologi. 38 orang daripada pegawai berjaya mendapat penilaian penyelia pra dan pasca, manakala 31 orang pegawai tidak dapat dinilai dengan lengkap oleh penyelia, dan 14 orang langsung tiada borang penilaian oleh penyelia.

Seramai 46 orang pegawai tidak hadir program intervensi yang dijalankan. Lapan belas daripada mereka, iaitu 6 orang mendapat penilaian yang lengkap bagi ujian pra dan pasca, manakala 12 lagi tidak dinilai secara keseluruhan. Selebihnya, 28 orang pegawai, tidak hadir intervensi dan tidak mendapat penilaian penyelia bagi sepanjang tempoh kajian dijalankan.

Jadual 2: Analisis Perbandingan Markah LNPT bagi tahun 2017 dan 2018 mengikut Kumpulan Pegawai.

Kelompok	Markah LNPT 2017 dan 2018				Jumlah
	Meningkat	Kekal	Menurun	Lain-lain	
Kumpulan A	47	25	5	6	83
Kumpulan B	11	2	0	5	18
Kumpulan C	9	7	0	12	28
Jumlah	67	34	5	23	129

*Kumpulan A: Hadir Intervensi dan Dibuat Penilaian oleh Penyelia

Kumpulan B: Tidak Hadir Intervensi dan Dibuat Penilaian oleh Penyelia

Kumpulan C: Tidak Hadir Intervensi dan Tidak Dibuat Penilaian oleh Penyelia

Jadual 2 merupakan analisis perbandingan laporan penilaian prestasi tahunan bagi tahun 2017 dan 2018 mengikut kumpulan pegawai. Seramai 83 orang pegawai dalam kumpulan A, iaitu mereka yang hadir sesi intervensi dan mendapat penilaian daripada penyelia. Empat puluh tujuh daripada mereka menunjukkan peningkatan markah LNPT pada tahun 2017, 25 pegawai kekal di dalam prestasi yang sederhana, 5 pegawai menurun, dan selebihnya 6 lagi tiada maklumat diperolehi.

Perbandingan skor pemikiran, emosi, tingkah laku dan prestasi penilaian pra dan pasca berdasarkan dua kali tadbiran Borang Penilaian Penyelia.

Jadual 3: Analisis Perbandingan Ujian - T Berpasangan Antara Skor Pra Pemikiran dan Pasca Komponen Pemikiran, Emosi, Tingkah Laku dan Prestasi Bagi Kumpulan A dan Kumpulan B.

Komponen	Kumpulan A			Kumpulan B		
	Nilai min		Nilai Signifikan	Nilai min		Nilai Signifikan
	Sebelum Intervensi	Selepas Intervensi		Sebelum Intervensi	Selepas Intervensi	
Pemikiran	14.36	16.03	0.005	15.17	17.33	0.093
Emosi	14.67	16.67	0.001	16.33	17.67	0.175
Tingkah laku	16.34	17.16	0.013	18.50	20.16	0.195
Prestasi	14.62	16.41	0.001	17.17	18.50	0.121

<0.05

Keputusan ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara skor komponen pemikiran, emosi, tingkah laku dan prestasi pra dengan skor komponen pemikiran pasca. Nilai signifikan yang ditunjukkan bagi kategori tersebut ialah 0.005, 0.001, 0.013 dan 0.001 bagi responden yang hadir intervensi dan dibuat penilaian oleh penyelia, di mana ia lebih kecil dari aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05. Bagi kumpulan B, iaitu responden yang tidak hadir intervensi tetapi dibuat penilaian oleh penyelia mendapat nilai signifikan 0.093 bagi komponen pemikiran, 0.175 bagi komponen emosi, 0.195 bagi komponen tingkah laku, dan 0.121 bagi komponen prestasi. Nilai-nilai signifikan tersebut jauh lebih besar dari aras signifikan yang ditetapkan. Jelas menunjukkan intervensi yang dijalankan terhadap pegawai mampu memberi perubahan terhadap skor bagi keempat-empat komponen pegawai berprestasi sederhana mengikut penilaian penyelia.

Pola perubahan pemikiran, emosi, tingkah laku dan prestasi pegawai berprestasi sederhana

a) Komponen Pemikiran

Jadual 8: Analisis Perbezaan Markah Penilaian Pra dan Pasca Intervensi Terhadap Komponen Pemikiran.

Penyataan	Penilaian Pra	Penilaian Pasca	Perbezaan Skor
Daya usaha untuk memperbaiki kerja yang telah ditetapkan	2.71	3.18	0.47
Kebolehan untuk mengemukakan idea baru dalam pekerjaan	2.87	3.03	0.16
Kreativiti dalam melaksanakan tugas	2.82	3.11	0.29
Bersedia untuk melaksanakan tugas tanpa banyak alasan	2.79	3.26	0.47
Positif dengan teguran dalam melaksanakan tugas yang diberikan	2.87	3.34	0.47

Berdasarkan jadual di atas, kesemua pernyataan dalam komponen pemikiran menunjukkan peningkatan purata markah bagi ujian pra dan pasca. Didapati, pernyataan kebolehan untuk mengemukakan idea baru dalam pekerjaan memperlihatkan perbezaan skor minimum iaitu sebanyak 0.16. Ini mungkin disebabkan pegawai yang dinilai adalah di kalangan kumpulan perkhidmatan sokongan yang kurang dominan dalam situasi yang melibatkan aktiviti menjana idea.

b) Emosi

Jadual 9: Analisis Perbezaan Markah Penilaian Pra dan Pasca Intervensi Terhadap Komponen Emosi.

Penyataan	Penilaian Pra	Penilaian Pasca	Perbezaan Skor
Keupayaan untuk mengawal emosi dalam pelbagai situasi pekerjaan	2.92	3.26	0.34
Keupayaan untuk menyesuaikan diri dalam situasi pekerjaan yang berubah-ubah	2.87	3.24	0.37
Kebolehan untuk menyelesaikan masalah peribadi yang dihadapi	2.74	3.11	0.37
Kerelaan menerima teguran secara terbuka	2.89	3.37	0.48
Dapat berhubung dengan baik di semua peringkat kakitangan	3.13	3.47	0.34

Jadual di atas juga memperlihatkan pernyataan dalam komponen emosi, turut menunjukkan peningkatan purata markah. Didapati, pernyataan keupayaan untuk mengawal emosi dalam pelbagai situasi pekerjaan dan dapat berhubung dengan baik di semua peringkat kakitangan memperlihatkan perbezaan skor minimum iaitu sebanyak 0.34. Jurang skor antara pernyataan tidak terlalu besar.

c) Komponen Tingkah Laku

Jadual 10: Analisis Perbezaan Markah Penilaian Pra dan Pasca Intervensi Terhadap Komponen Tingkah laku.

Penyataan	Penilaian Pra	Penilaian Pasca	Perbezaan Skor
Penampilan Diri	3.32	3.71	0.39
Budi bahasa dan kesopanan	3.34	3.61	0.27
Sifat tolong-menolong dan bekerjasama sebagai satu pasukan	3.32	3.61	0.29
Komunikasi yang baik dengan semua peringkat termasuk pelanggan	3.24	3.55	0.31
Mematuhi arahan	2.97	3.39	0.42

Bagi komponen tingkah laku, pernyataan budi Bahasa dan kesopanan menunjukkan perbezaan skor yang minimum jika dibandingkan dengan pernyataan yang lain. Walau pun demikian, setiap skor memperlihatkan perbezaan sebelum dan selepas proses intervensi dijalankan.

d) Prestasi

Jadual 11: Analisis Perbezaan Markah Penilaian Pra dan Pasca Intervensi Terhadap Komponen Prestasi.

Penyataan	Penilaian Pra	Penilaian Pasca	Perbezaan Skor
Melaksanakan tugas mengikut Sasaran Kerja Tahunan (SKT) yang telah ditetapkan	2.97	3.45	0.48
Penghasilan kerja memenuhi kehendak jabatan	2.84	3.21	0.37
Kemahiran yang ada selaras dengan tugas yang diberikan	3.11	3.39	0.28
Mencapai standard kualiti kerja	2.92	3.11	0.19
Cepat, cekap dan efisien	2.76	3.00	0.24

Jadual di atas menunjukkan penyataan mencapai standard kualiti kerja memperoleh perbezaan skor minimum iaitu 0.19. Prestasi pegawai yang dinilai tidak berubah secara mendadak dan terus cemerlang, namun tetap menunjukkan peningkatan selepas proses intervensi dijalankan.

PERBINCANGAN KAJIAN

Terdapat banyak pendekatan digunakan dalam usaha membantu organisasi untuk menjalankan fungsi dengan baik terutama dalam melahirkan warga yang kompeten dan berdaya saing. Aplikasi psikologi dan kaunseling menjadi wadah dalam membantu kedua-dua kelompok pegawai untuk menilai tahap kepuasan kerja, membantu diri dan sebagai usaha mewujudkan suasana kerja yang kondusif.

Berdasarkan dapatan yang diperolehi, jelas menunjukkan intervensi psikologi yang digunakan dapat meningkatkan tahap pemikiran, emosi, tingkah laku dan prestasi pegawai berprestasi sederhana di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Selari dengan kajian yang dijalankan oleh Ummur Radhiah et al (2019), penyelidik mendapati pengurusan emosi melalui pendekatan kaunseling kelompok psiko pendidikan

memberikan kesan yang positif kepada emosi peserta kajian. Setiap sesi juga memberikan kesan yang berbeza kepada setiap peserta.

Mc Clelland (1985) menyatakan bahawa di antara ciri-ciri utama individu yang mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi ialah individu tersebut suka mendapatkan maklum balas prestasi diri mereka. Bertepatan dengan itu, Wan Izuddin (1991) menyatakan bahawa sesuatu kumpulan dapat memberikan identiti dan harga diri serta memenuhi keperluan individu kepada rasa ingin diperlakukan dan rasa ingin memberi sumbangan. Tindak balas ahli-ahli kumpulan adalah penting kerana menggalakkan mereka memahami perlakuan diri sendiri dan cuba membaikinya.

Intervensi yang dijalankan terhadap pelajar Sekolah Menengah di Negeri Selangor di dalam kajian oleh Jamaludin et al (2014) juga mendapati terdapat peningkatan motivasi apabila ahli-ahli kumpulan diberi peluang berkomunikasi secara selesa dan selamat serta dapat meluahkan perasaan sesama sendiri ketika menjalani pelbagai aktiviti. Bersependapat dengan Myrick dan Dixon (1985) yang menyatakan bahawa ahli-ahli dalam kumpulan merasa tidak keseorangan dengan masalah yang mereka hadapi dan akhirnya menjadikan mereka lebih bermotivasi. Pendapat ini disokong oleh Jacob et al (1988) yang menyatakan bahawa sesuatu kumpulan itu dibentuk untuk memberi kesedaran bahawa mereka tidak keseorangan, iaitu orang lain juga mempunyai pemikiran dan perasaan yang sama seperti mereka.

Leili (2017) dalam kajiannya mendapati ahlii kelompok dapat membebaskan diri dari perasaan malu dan rasa bersalah setelah mereka mendengar dan mengambil kira kesukaran yang dihadapi oleh ahli kelompok yang lain. Semasa berkongsi kisah hidup dan pengalaman antara satu sama lain, ahli dalam kumpulan belajar menerima kehidupan mereka yang tidak sempurna. Mereka memahami bahawa hidup ada kalanya mereka merasakan bahawa kehidupan seakan tidak adil dan tidak ada jalan keluar dari kesakitan yang dialami.

Kenalpasti punca berlakunya sesuatu isu adalah lebih utama berbanding menghakimi tingkah laku seseorang. Pendekatan seperti ini boleh digunakan dalam membantu seseorang membentuk tingkahlaku yang lebih baik. Justeru, dalam usaha membentuk dan melahirkan individu yang berprestasi tinggi dan mengamalkan budaya kerja cemerlang, elemen psikologi perlu diterap sebagai suntikan motivasi dan sebagai medium untuk berusaha mencari jalan penyelesaian bagi isu dan cabaran yang mendatang.

KESIMPULAN

Intervensi psikologi dan kaunseling menjadi suatu medium kepada perubahan pemikiran, emosi, tingkah laku dan prestasi pegawai berprestasi sederhana. Walaupun perubahan yang ditunjukkan tidak begitu drastik, namun ia menjadi faktor pengukuh kepada penyeliaan yang berterusan untuk membantu meningkatkan prestasi seseorang penjawat awam. Elemen psikologi dan kaunseling yang diterapkan adalah berbentuk sokongan emosi, perhatian dan perkongsian.

RUJUKAN

- Abdul Malek Abdul Rahman. (2004). Kesan kaunseling kelompok tingkah laku kognitif dalam merawat tingkah laku langsung buli di kalangan pelajar sekolah menengah. UPSI Tanjung Malim.
- Che Mohd Syaharuddin, C. C. , Bahyah A. H & Aziz A., (2017). Faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi kerja dalam kalangan penjawat awam: Satu kajian teoritikal. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Vol 4 Bil 1
- Corey, G. (2003). Theory and Practice of Group Counseling. 6th. Sage Publication.
- Donald I, Taylor P, Johnson S, Cooper C, Cartwright S dan Robertson S. (2005). Work environments, stress and productivity: an examination using asset. International Journal of Stress Management 12(4), 409-423
- Helmi, A. & Ilhaamie A. G. A. (2017). Effective Communication for Leaders. Shariah Journal, Vol. 25, No. 3 (2017) 531-562
- INTAN. (2014) Urus tadbir sektor awam. Slideshare. Retrieved from <http://www.slideshare.net/ctmz/pentadbiran-awam-korporat>
- Ismail Alias. (2001). Keberkesanan program persediaan sebelum bersara jabatan perkhidmatan awam Malaysia. Jurnal Pengurusan Awam Jilid 2 Bilangan 1 International Council of Nurses (ICN). 1899 - 2010.
- Jabatan Perkhidmatan Awam. (2009). Himpunan Amalan Pengurusan Sumber Manusia.
- Jacobs, E.E, Harvill, R.L., & Masson, R.L. (1988). Group counseling strategies and skills. California: Brooks/Cole Publishing Company.
- Jamaludin, A. and Sidek, M. N and Rusnani, A. K. and Shamsuddin, A. (2014). Keberkesanan Penggunaan Modul Program Maju Diri Ke Atas Motivasi Pencapaian Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Negeri Selangor. Jurnal Perkama, 38657.
- Leili Shahlaei. (2017). The effect of group cognitive behaviour therapy and group interpersonal therapy on depression among diabetic patients in Iran. Universiti Sains Malaysia.

- McClelland, D.C. (1985). Human motivation. Glenview, Illinois: Scotti Foresmen and Company.
- Myrick, R.D., & Dixon, R.W. (1985). Changing student attitudes and behaviour through group counseling. *The School Counselor*, 32: 325-330.
- Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1998 mengenai Garis Panduan Menguruskan Pegawai Berprestasi Rendah dan Pegawai yang Bermasalah
- Ummur Radhiah Hussin, Zuria Mahmud, Siti Suria Bahrudin, Siti Noraisah Mokhtar & Siti Rokiah Tharin, (2019). Pendekatan kaunseling kelompok untuk mengurus emosi dalam kalangan remaja perempuan sekolah agama. *Southeast Asia Psychology Journal* Vol.7, Issue 7 (November, 2019), 106 – 115. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Wan Abdul Kader Wan Ahmad. (1994). Kaunseling Kelompok. Pengurangan kebimbangan Sosial. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Wan Izuddin. (1991). Strategi membina pasukan. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

FAKTOR DEMOGRAFI BAGI ASPEK KECERDASAN EMOSI DAN TRAIT PERSONALITI PEMIMPIN PENDIDIK SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI (SBT)

Nurul Hudani Md. Nawi, PhD
Puteri Hayati Megat Ahmad, PhD

Universiti Malaysia Sabah

ABSTRACT

Currently, it is widely accepted that emotional intelligence, leadership behavior and personality trait were the best approach to improve organizational work outcomes such as employees work performances, commitment, job satisfaction and etc. All these aspects are no longer exclusive to the public service and private sector but now days it is increasingly emerging as an important strategy in the education context especially among the educator leaders in High Performance School (SBT) in Malaysia. The objective of the study was to identify the differences in aspects of emotional intelligence and personality based on demographic factors. The population of the study consists of 836 educator leaders working in 38 High Performance Schools (SBTs). A total of 330 questionnaires were distributed to respondents but only 306 (89%) respondents were involved in this study (132 = male = 174 = female) selected through cluster sampling method. The instrument used is the Emotional Competence Inventory (ECI) questionnaire to measure emotional intelligence and Five-Factor Model of Personality (NEO PI-R) to measure personality. The findings show that emotional intelligence is different based on age aspect among SBT educator leaders. But not for gender factors.

Keywords: *Intelligent emotion, personality and educator leader*

PENGENALAN

Dalam menongkah arus globalisasi pada abad ke 21, ianya ditandai dengan wujudnya perubahan demi perubahan yang kompleks dan merumitkan untuk diharungi oleh setiap individu pekerja khususnya bagi golongan pemimpin. Perubahan sebegini menuntut setiap individu pemimpin untuk beradaptasi dengan pantas berbekalkan kemahiran, sikap dan pengetahuan dalam merancang setiap pelaksanaan kerja yang teliti bagi menjamin pencapaian hasil kerja berkualiti tinggi (Coetzee & Schaap, 2005). Malahan, tuntutan perubahan ini telah diperhebatkan lagi dengan agen-agen pengubah lain seperti penstrukturan semula organisasi dan revolusi teknologi (Erez, 1994) yang turut mengundang pelbagai cabaran. Dalam sesebuah negara, agen perubahan utama yang sering kali berlaku adalah dalam sektor pendidikan. Malah, institusi pendidikan merupakan platform terpenting dalam pembangunan sumber manusia.

Untuk itu, pemantapan modal insan pemimpin pendidik dalam mempraktikkan trait personaliti yang konsisten merupakan isu terpenting di dalam pembangunan sistem pendidikan yang cemerlang. Justeru itu, mengurus perubahan kompleksiti dalam pendidikan memberi kesan kepada dalam menentukan pencapaian kerja yang boleh diteliti melalui pemilikan trait personaliti dan amalan tingkah laku kepimpinan. Hal ini kerana menurut Judge & Bono (2000) dan Hautala (2006), personaliti yang dimiliki oleh pemimpin didapati mempengaruhi tingkah laku kepimpinan seseorang individu. Oleh itu, seseorang pemimpin harus faham dan peka mengenai perbezaan individu yang wujud antara individu. Perbezaan individu ini boleh dilihat berdasarkan ciri dan tingkah laku yang dimiliki oleh seseorang yang diuraikan sebagai personaliti (Maccoby, 2009).

PERMASALAHAN KAJIAN

Saban tahun institusi pendidikan di Malaysia mengalami perubahan sama ada dalam corak pengurusan pentadbiran mahu pun dalam pelaksanaan sistem pendidikan (Yahaya, 2009). Keadaan ini menunjukkan kepentingan akan keperluan perubahan dalam aspek pendidikan kepada masyarakat tidak perlu dipertikaikan kerana ia adalah nadi kepada pembangunan dan peradaban sesebuah negara. Perubahan sebegini seharusnya menjamin peningkatan kualiti yang lebih baik terhadap pencapaian dalam pekerjaan. Malahan perubahan dalam pelaksanaan sistem pendidikan bertujuan untuk meningkatkan pencapaian sekolah, sering kali dikaitkan dengan kualiti trait personaliti guru-guru yang terdapat dalam sesebuah organisasi sekolah tersebut. Hal ini kerana proses perubahan yang berlaku secara berterusan menuntut kepimpinan sesebuah organisasi untuk bersikap lebih proaktif, adaptif, dan sentiasa bersikap dinamik terhadap krisis perubahan dalam membuat sebarang penambahbaikan sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan lagi pencapaian prestasi dalam sesebuah organisasi (Weinberger, 2004).

Penubuhan dan pelaksanaan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) merupakan langkah terbaru kerajaan dalam memartabatkan lagi kualiti pendidikan di Malaysia. Walau bagaimana pun pengwujudan Sekolah Berprestasi Tinggi yang hanya memilih 52 buah sekolah sahaja daripada 10,000 buah sekolah di Malaysia iaitu sebanyak 0.52 % menimbulkan persoalan kenapakah hanya sebilangan kecil sahaja sekolah yang dipilih untuk mengikuti program Sekolah Berprestasi Tinggi di Malaysia. Mungkinkah prestasi sekolah-sekolah lain tidak cukup baik dan berkualiti untuk dinobatkan sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) yang secara tidak langsung turut melambangkan pencapaian prestasi kerja pemimpin di sekolah berkenaan sebagai golongan pemimpin sekolah yang dilihat kurang berkualiti, tidak mempunyai personaliti positif dan konsisten serta berkelayakan.

Justeru itu, apabila kerajaan memperkenalkan dan melaksanakan Program Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT), kepimpinan sekolah secara automatik akan berhadapan dengan corak perubahan dan pengurusan kerja baru yang memerlukan persediaan mantap dari aspek trait personaliti pemimpin. Walau pun pada dasarnya golongan pemimpin ini sudah pun mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing dan mempunyai pengalaman kerja bagi tempoh yang lama. Namun pada hakikatnya mereka masih menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan tuntutan perubahan corak kerja baru yang semakin mencabar hasil penjenamaan semula dalam peningkatan perubahan institusi pendidikan di Malaysia sehinggakan boleh mengganggu dan menjejaskan prestasi kerja mereka.

Terdapat juga dalam kalangan mereka yang masih bergelut dan kadang kala gagal untuk menyesuaikan diri dengan norma dan budaya kerja baru yang bergerak pantas ini. Kajian lepas oleh Lucas dan Murray (2002) telah menunjukkan bahawa walau pun seseorang ahli akademik itu mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu, ia masih tidak menjamin kemampuannya dalam mempamerkan prestasi kerja yang berkesan, efisien dan cemerlang. Oleh itu, ketidاكلancaran dalam proses penyesuaian kerja segera dan pantas terhadap perubahan kini bukan suatu yang boleh dipandang ringan kerana ia boleh mempengaruhi tingkah laku personaliti seseorang pemimpin.

Oleh yang demikian, faktor personaliti individu pemimpin didapati mampu menyumbang kepada keberkesanan gaya kepimpinan dalam kalangan pemimpin (McCormack & David, 2002) yang memberi kesan terhadap pencapaian prestasi kerja dalam organisasi. Dalam hal ini, didapati personaliti pemimpin yang sering berubah-ubah berupaya mencerminkan kelemahannya sebagai pemimpin untuk meneroka dengan lebih terperinci terhadap setiap usaha yang dirancang sehingga mencetuskan ketidakyakinan dalam kalangan pengikut. Untuk itu, dalam usaha mencapai matlamat organisasi, pemimpin sekolah perlu mempunyai pengaruh dan kualiti-kualiti personaliti tertentu. Menurut

Bass (1990), perlu bagi seorang pemimpin untuk mempunyai tingkah laku tertentu bagi menjelaskan keunikan yang ada dalam dirinya supaya mampu memberikan keyakinan dan pengaruh kepada pengikutnya. Untuk mempengaruhi orang lain, pemimpin perlu bertingkah laku positif dan mempunyai kualiti sebagai pemimpin berdasarkan kepada personaliti yang telah sedia ada dalam dirinya.

Oleh kerana personaliti memerihalkan tentang sifat-sifat yang ada pada seseorang individu seperti cara seseorang itu berfikir, memberi respons, beremosi, berpersepsi dan lain-lain maka personaliti mampu membolehkan pemimpin dibezakan daripada individu pengikut yang lain (Mahmood Nazar, 1990). Pengkaji-pengkaji lepas ada menjalankan kajian mengenai personaliti dalam kalangan pemimpin. Antara kajian mengenai personaliti pemimpin yang telah dijalankan seperti kajian yang menunjukkan bahawa personaliti didapati mempunyai hubungan dengan tingkah laku kepimpinan (Judge & Bono 2000, Bono 2004, Hautala 2006) melalui tiga dimensi kepimpinan transformational iaitu rangsangan intelek, pertimbangan individu dan karisma. Dengan ini, personaliti dilihat sebagai faktor penting bagi seorang pemimpin dalam mengekalkan peranannya sebagai ketua. Walau bagaimana pun, kajian oleh Van Schaack & Click (1982) mendapati kepentingan bagi pemimpin pendidik untuk memiliki personaliti tertentu seperti kreatif, prihatin, berwawasan telah terbukti sebagai trait penting di dalam konteks kajian barat tetapi masih tidak dapat dikenal pasti secara empirikal di dalam konteks tempatan khususnya di Malaysia. Ini menimbulkan persoalan berkaitan sejauh mana isu ini diterokai dalam kajian pendidikan tempatan?.

Definisi Personaliti

Definisi personaliti dipopularkan pada tahun 1961 oleh Allport. Namun menurut Meninger (1930), istilah itu digunakan sejak awal abad ke 20 lagi. Penggunaan istilah tersebut semakin melonjak sehingga merentasi pelbagai disiplin terutamanya dalam disiplin psikologi sosial. Hal

ini menyebabkan kemunculan pendefinisian yang pelbagai kerana pengaruh latar belakang disiplin keilmuan serta dimensi yang berbeza.

Bagi Meninger (1930), mendefinisikan personaliti sebagai apa-apa dalam menghuraikan tentang seseorang yang lebih memfokuskan kepada aspek biologi dan fisiologi individu. Berbeza dengan Allport (1961), personaliti merujuk kepada sesuatu yang dinamik terdiri daripada rangkaian sistem-sistem psiko-fizikal untuk menentukan penyesuaian unik dan tersendiri terhadap persekitaran. Sementara itu, personaliti juga diterjemahkan sebagai pembangunan bagi keseluruhan sistem psikologi dengan menjalankan penyelidikan secara agregat berbanding memfokuskan hanya kepada beberapa bahagian perwatakan sahaja (Abdul Razak & Ainin, 2000).

Berkenaan dengan personaliti sebagai sistem psikologi, perincian psikologi itu merangkumi sifat-sifat individu seperti cara berfikir, beraksi, beremosi, berpersepsi dan lain-lain yang berbeza dengan individu lain (Mahmood Nazar, 1992). Dalam hal ini, Sigmund Freud memperihalkan personaliti sebagai hasil integrasi antara struktur-struktur id, ego dan superego manusia (Huffman, 2007). Definisi berbeza dengan Carl Jung yang menganggapnya sebagai integrasi ego, alam tidak sedar peribadi, alam tidak sedar kolektif, kompleks-kompleks dan beberapa struktur yang lain (Huffman, 2007). Sementara itu, Costa dan McCrae (1992) memperincikan definisi personaliti sebagai ciri dan tabiat yang stabil dari segi intelek dan fizikal termasuk corak pemikiran, emosi dan tingkah laku dalam pelbagai situasi. Realiti definisi tersebut sama sekali berbeza dengan pandangan tokoh sarjana Islam yang merujuk personaliti kepada sifat kerohanian, kejiwaan, akhlak dan adab (Al-Ghazali, 1966).

Realitinya, personaliti mempunyai definisi yang berbeza-beza mengikut fahaman bagi setiap orientasi perspektif masing-masing. Hal ini sejajar dengan Libert dan Spiegler (1994) yang menyatakan setiap fahaman memfokuskan kepada tujuan konteks definisi tersendiri. Dari pelbagai

definisi personaliti, jelas ia mempunyai persamaan ketara, iaitu personaliti merujuk kepada tingkah laku dalam bentuk yang pelbagai dan dinamik.

Personaliti yang dinamik sering dikaitkan dengan integrasi yang berlaku antara pengenalanpastian identiti individu dan identiti sosial. Identiti individu merujuk kepada pemilikan ciri-ciri tingkah laku dalaman individu misalnya sifat suka membantu yang terdapat dalam konsep altristik. Menurut Baron dan Byrne (2000), tingkah laku altristik merupakan tingkah laku pro sosial yang dimiliki oleh mereka yang mempunyai sifat empati yang tinggi. Empati menerangkan kesanggupan dan kesetujuan (*agreeableness*) individu untuk bertolak ansur, kawal diri, akur dan memberikan impresi yang baik kepada orang lain. Pemilikan sifat tersebut tidak akan dapat dicapai tanpa membuat perhubungan dengan orang lain. Sehubungan itu, ianya mempunyai kepentingan sosial yang tinggi untuk dipraktikkan (identiti sosial). Situasi ini menghuraikan peranan personaliti yang perlu didukung menerusi unsur individu dan unsur sosial sebagai mana menjadi fokus dalam kalangan sarjana psikologi sosial.

Berkaitan taksonomi personaliti dikenali '*Big Five Personality*' atau disebut Model Lima Faktor (*Five Factor Model*) oleh Costa dan McCrae (1985) dibentuk berdasarkan pendekatan menyeluruh yang diperkenalkan oleh Goldberg (1981) menerusi Simposium di Honolulu bagi membantu dalam menyederhanakan definisi yang saling tindih-menindih dan memberi kemudahan kepada penyelidik untuk meneliti sumber utama taksonomi personaliti daripada beribu-ribu atribusi yang wujud di dunia. Kewujudannya bukan bertujuan untuk menggantikan sistem personaliti yang terdahulu tetapi bertindak sebagai penyatu dalam memberikan penjelasan berkenaan sistem keperibadian personaliti secara umum supaya dapat difahami bukan sahaja oleh ahli psikologi namun juga orang kebanyakan (John et al. 1999).

Definisi kecerdasan emosi

Istilah kecerdasan emosi diperkenalkan oleh Thorndike pada tahun 1920 telah menumpukan huraian dalam konteks perhubungan manusia (Yao, Wang & Karen, 2009). Istilah kecerdasan emosi kini diterima pakai oleh pelbagai ilmu disiplin, namun setiap satunya memberi pentafsiran yang berbeza. Umumnya para sarjana memperincikan kecerdasan emosi kepada dua kategori, berasaskan kemampuan (*ability EI*) dan berasaskan sifat (*trait EI*) (Joseph & Newman, 2010). Menurut pandangan Mayer, Salovey dan Caruso (2002) *ability EI* sebagai kemampuan berdasarkan proses kognitif-emosi. Manakala *trait EI* pula merujuk kepada kemampuan dan kemahiran persepsi diri yang tidak bersandar kepada aspek kognisi (Petrides & Furnham, 2001).

Mayer dan Salovey (1993 dlm Malek Shah & Nor Shah, 2004) mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai kebolehan individu berfikir dan bertindak dengan lebih kreatif dengan menggunakan emosi dalam penyelesaian masalah. Ia diuraikan melalui pembinaan model EQ yang merangkumi keupayaan menyuntik emosi bagi memahami emosi diri dan orang lain; keupayaan mengurus emosi; keupayaan mental dalam memberi persepsi terhadap emosi dan keupayaan dalam menjalin hubungan dengan subordinat (Mayer & Salovey, 1997). Berbeza pula Neely (1997), merujuk kecerdasan emosi secara saintifik sebagai satu rangkaian kebolehan melibatkan dua proses yang berlaku secara serentak iaitu tindak balas fikiran dan tindak balas emosi. Melaluinya, manusia berupaya menghadapi cabaran persekitaran.

Manakala, bagi Goleman (2001) merujuk kecerdasan emosi sebagai kebolehan memahami emosi diri sendiri dan orang lain untuk memotivasikan dan mengurus diri, bijak menjalin hubungan serta berupaya mengembangkan potensi diri seperti optimisme, kesedaran, motivasi, empati dan kompetensi dalam hubungan sosial.

Dari sudut yang lain pula, Cooper dan Sawaf (1997) mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai keupayaan merasai, memahami, dan secara selektif menerapi daya dan kepekaan emosi sebagai sumber tenaga dan pengaruh kemanusiaan. Bar On (1977) mengulas dengan terperinci mengenai pengaruh manusia dalam kecerdasan emosi sebagai kemampuan bukan berdasarkan kognitif yang memfokuskan kepada kemahiran individu dalam menangani permintaan dan ketegangan daripada persekitaran.

Dari pelbagai definisi dan penjelasan mengenai konsep kecerdasan emosi yang diulas oleh para sarjana, dapat disimpulkan rumusan sebenar kecerdasan emosi adalah sebagai satu subset daripada kecerdasan sosial yang melibatkan tiga domain utama iaitu kebolehan menilai dan melahirkan emosi diri dan orang lain secara tepat, kebolehan menyesuaikan emosi diri dan orang lain dalam merancang, memulakan perhubungan dengan baik dan melaksanakan tindakan yang betul dan tepat. Dalam menghuraikan konsep kecerdasan emosi terdapat beberapa tokoh-tokoh penting yang memperkenalkan konsep ini berdasarkan perspektif masing-masing. Antaranya, Mayer dan Salovey: Emosi sebagai kemampuan; Daniel Goleman :Kecerdasan emosi sebagai kecekapan dan Bar-On:Kecerdasan emosi sebagai personaliti dan prestasi.

KAJIAN LEPAS

Faktor Demografi dan Kecerdasan Emosi

Penemuan dapatan lepas menunjukkan kepentingan untuk meneliti faktor demografi ke atas sesuatu fenomena yang dikaji. Walau pun terdapat sesetengah pihak memandangnya sebagai elemen yang tidak penting namun penelitiannya bukanlah suatu amalan asing dalam penyelidikan. Misalnya, kajian oleh Cavallo dan Brienza (2002) menunjukkan kepentingan faktor demografi seperti jantina bagi aspek kecerdasan emosi melalui kajian ke atas 358 pemimpin

di Syarikat Jonhson and Johnson Consumer dan Personel Care Group menunjukkan terdapat perbezaan dengan subjek wanita mendapat skor yang lebih tinggi berbanding daripada subjek lelaki. Anari (2012), Bostajancic (2010) serta Harrod dan Scheer (2005), menyokong realiti itu bahawa wujud perbezaan yang tinggi bagi kecerdasan emosi bagi subjek perempuan yang merangkumi subskala kesedaran kawalan emosi diri, prihatin, membangunkan orang lain, orientasi perkhidmatan, hubungan komunikasi dan pengurusan perhubungan.

Namun dapatan kajian oleh Jamali, Sidani dan Abu Zaki (2008) menunjukkan realiti sebaliknya apabila subjek lelaki kelihatan memiliki kecerdasan emosi, tahap motivasi dan kawalan diri yang lebih tinggi berbanding subjek wanita. Realiti itu pernah disedari oleh Rivera (2003) melalui kajiannya di Puerto Rican, mendapati responden lelaki memperoleh skor yang lebih tinggi daripada subjek perempuan bagi lapan aspek kecerdasan emosi di tempat kerja. Perbezaan dapatan ini menyokong ulasan teori oleh Bar-On (1997) yang menyatakan wanita dan lelaki mempunyai keistimewaan tersendiri sehingga pemilikan kecerdasan emosi tidak dapat membezakan antara kedua-duanya.

Sungguh pun begitu, dapatan kajian oleh Hopkins dan Billimoria (2008), dan Chan (2004) menunjukkan realiti sebaliknya dengan melaporkan tidak ada perbezaan yang signifikan bagi kecerdasan emosi berdasarkan aspek jantina dan jenis pekerjaan. Realiti itu konsisten dengan Hendee dan Sykes (2004) serta Langhorn (2004) mendapati tidak ada perbezaan bagi kecerdasan emosi berdasarkan jantina, tahap pendidikan dan juga pengalaman kerja.

Sementara itu, faktor umur memberi banyak kelebihan kepada individu yang berusia khususnya ke atas pemilikan emosi yang rasional dan mantap. Misalnya kajian oleh sekumpulan penyelidik Hay Group di Amerika Utara (2002) terhadap faktor demografi umur ke atas 34, 377 subjek menunjukkan hubungan yang signifikan dengan umur responden (Sala, 2003). Realiti itu disedari oleh Klik (2002) menunjukkan subjek

yang lebih berusia memperoleh skor agregat yang lebih tinggi dalam pengurusan perhubungan dan kecerdasan emosi. Ini kerana menurut Bar-On (2000), kecerdasan emosi adalah meningkat secara selari dengan peningkatan umur yang dimiliki oleh individu.

Peningkatan umur individu mendorong kepada peningkatan dalam pembinaan kecerdasan emosi (Goleman, 1998; Zadel, 2004). Malah menurut Boyatzis et al. (2004), proses pembelajaran dan pengalaman hidup mampu mematangkan individu sehingga dapat mempengaruhi kecerdasan emosi individu. Bagi McShane dan Von Glinow (2005) bersetuju bahawa kecerdasan emosi meningkat mengikut peningkatan umur adalah merujuk kepada kematangan individu. Namun berlainan dengan hasil kajian oleh Cook (2006) ke atas sekumpulan golongan pentadbir di sekolah termasuklah pengetua di Montana, Amerika Syarikat, menunjukkan faktor umur pemimpin tidak memberi perbezaan yang signifikan terhadap kecerdasan emosi individu. Hal ini konsisten dengan dapatan kajian oleh Anari (2012), Harrod dan Scheer (2005) dan Chan (2004) yang memperkukuhkan bagi kesemua dapatan di atas.

Faktor Demografi dan Personaliti

Melalui kajian meta-analisis mengenai personaliti berdasarkan jantina pernah diteliti oleh Costa, Teracciano dan MacCrae (2001) serta Feingold (1994) menunjukkan terdapat perbezaan antara responden lelaki dan perempuan bagi trait personaliti. Misalnya subjek lelaki mendapat skor yang lebih tinggi berbanding subjek perempuan bagi trait personaliti ketegasan. Realiti itu konsisten dengan Donnellan dan Lucas (2008) serta Maccoby dan Jacklin (1974), yang melaporkan subjek lelaki memiliki ketegasan yang tinggi, kawalan emosi yang stabil, keterbukaan minda, kurang cemas dan sistematik berbanding subjek perempuan. Hal ini dipersetujui oleh Envick dan Langford (2003) serta Schmitt, Realo, Voracek dan Allik (2008) yang menyatakan responden lelaki kelihatan lebih sistematik dengan mempunyai dimensi kehematan yang lebih tinggi daripada perempuan.

Namun berbeza dengan Singh (1994) yang mendapati eksekutif wanita mempunyai semangat yang tinggi dan merasa lebih bangga dengan pekerjaan berbanding eksekutif lelaki. Realiti itu turut disokong oleh Piotr, Robert dan Agnieszka (2005) serta Weisberg, DeYoung dan Hirsh (2011), mendapati responden perempuan mempunyai skor yang lebih tinggi berbanding lelaki berdasarkan dimensi kesetujuan. Envick dan Langford (2003) mengulas secara terperinci bahawa usahawan wanita didapati lebih menunjukkan sifat terbuka, lemah lembut, mudah bergaul, mampu membuat pengubahsuaian situasi yang cepat dan lebih berorientasikan pasukan dalam mengurus aktiviti perniagaan berbanding usahawan lelaki. Hal ini disahkan oleh Bakan (1966) melaporkan wanita mempunyai sifat-sifat kelembutan yang tersendiri berbanding golongan lelaki.

Realiti itu disedari oleh Feingold (1994) yang mendapati subjek perempuan sering mendapat skor yang tinggi bagi trait personaliti seperti memiliki sifat lemah-lembut, kepercayaan, dan suka berkawan. Hal ini dipersetujui oleh Costa et al. (2001) mendapati responden wanita menunjukkan dapatan skor yang tinggi bagi dimensi kesetujuan dan ektraversi berbanding responden lelaki. Namun berbeza dengan Soto, John, Gosling dan Potter (2011) serta Goodwin dan Gotlib (2004) menunjukkan pemilikan dimensi kehematan yang tinggi dalam kalangan wanita. Bagi Mohd Zuri Ghani, Nik Rusila, Aznan, Rahimi dan Zainuddin (2010) dan Mohd Aziz (2005), yang mempunyai pendirian tersendiri melalui kajian sekumpulan pendidik mendapati bahawa faktor demografi memberi pengaruh peratus yang berbeza-beza mengikut dimensi personaliti tertentu.

Berkenaan dengan faktor umur pula, kajian oleh Lucas dan Donnellan (2009) di Australia menunjukkan terdapat perbezaan personaliti berdasarkan faktor umur. Misalnya subjek yang mempunyai umur lebih berusia cenderung menghuraikan diri mereka sebagai individu yang memiliki personaliti bagi dimensi kehematan yang lebih tinggi berbanding mereka yang berusia muda (Ryan, 2009; Feingold, 1994).

Namun dapatan berbeza pula dengan Robert (2006) mendapati kohort muda lebih menyerlah dalam dimensi kehematan berbanding kohort berusia. Sementara itu, Bostjancic (2010) dan Singh (1994) pula menunjukkan realiti berbeza iaitu tidak wujud perbezaan berdasarkan umur bagi personaliti. Kepelbagaian dapatan personaliti terserlah dan membuka era baru untuk dikaji dengan lebih mendalam bagi mengetahui realiti sebenar yang berlaku dalam konteks pemimpin pendidik di Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah kajian tinjauan menggunakan pendekatan kuantitatif. Penyelidik membuat pemilihan ini setelah mempertimbangkan objektif kajian penyelidikan yang telah dirangka dalam kajian ini. Tindakan ini konsisten dengan Othman Lebar (2009) yang menyatakan metod pemilihan reka bentuk yang tepat adalah dengan mempertimbangkan objektif kajian terlebih dahulu. Memandangkan data kajian ini dikumpul pada satu-satu masa, maka ia mengaplikasikan kaedah tinjauan keratan rentas (*cross-sectional*). Penyelidik merumuskan data kajian sebegini sesuai dianalisis dengan menggunakan prosedur statistik dan borang soal selidik sebagai instrument kajian. Ini dipersetujui oleh Dul dan Hak (2008) mendapati teknik pengumpulan data dengan menggunakan soal selidik adalah sesuai dan pratikal digunakan kerana penyelidik mempersembahkan data dalam bentuk nombor.

Subjek dan Tempat Kajian

Subjek kajian yang terlibat dalam kajian ini seramai 306 (89%) responden (132 = lelaki; 174 = perempuan) terdiri daripada pemimpin-pemimpin sekolah yang mempunyai peranan keanggotaan dan terlibat secara langsung dengan pentadbiran dan pengurusan sekolah (Cook, 2006). Mereka yang terpilih ialah Pengetua, Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM), Penolong

Kanan Kokurikulum, Ketua Bidang bagi empat bahagian yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu Ketua Bidang Kemanusiaan dan Agama, Sains dan Matematik, Bahasa, dan Teknik & Vokasional serta Ketua Panitia di Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) di Malaysia.

Persampelan

Pensampelan adalah proses pemilihan subjek daripada sesuatu populasi yang digunakan sebagai responden kajian. Kepentingan pensampelan adalah untuk mendapatkan data yang boleh memberikan gambaran tepat dari segi statistik bagi ciri-ciri sesuatu populasi yang terlibat dalam satu-satu kajian (Sulaiman Masri, 2003). Memandangkan lokasi Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) yang bertaburan di seluruh Malaysia dan sesetengahnya berada jauh di pedalaman seperti di Sarawak serta di Sabah, maka pastinya melibatkan kos dan tenaga yang agak tinggi untuk mendapat data persampelan. Maka penyelidik memilih teknik pensampelan kelompok atau kluster dengan mengkategorikan sekolah-sekolah tersebut berdasarkan zon iaitu utara (1), selatan (2), tengah (3), pantai timur (4) dan Sabah & Sarawak (5). Hal ini konsisten dengan Mohd Majid Konting (2000) bahawa teknik pensampelan ini adalah sesuai digunakan bagi mendapatkan suatu sampel rawak memandangkan populasi kajian ini adalah tidak seragam bagi setiap zon. Kelebihan kaedah ini dapat mengurangkan ralat pensampelan, memberi anggaran yang tepat dan bagi mengurangkan varians (Mohd Majid Konting, 2000).

Kebolehpercayaan

Pengkaji telah menjalankan satu ujian rintis (*pilot test*) sebelum mengendalikan kajian sebenar. Ujian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap kebolehpercayaan dan keesahan alat kajian. Pengkaji menggunakan kaedah pekali *Alpha Cronbach* untuk mengukur nilai kebolehpercayaan item-item dari segi ketekalan

dalamannya. Pengkaji mendapati bahawa nilai kebolehppercayaan NEO-PI-R oleh Costa dan McCrae (1992) menunjukkan personaliti bagi dimensi kehematan memperoleh *Cronbach's Alpha* 0.855, dimensi ekstraversi menunjukkan *Cronbach's Alpha* 0.742, seterusnya 0.731 pula bagi dimensi kesetujuan dan dimensi keterbukaan memperoleh *Cronbach's Alpha* 0.742. Manakala nilai kebolehppercayaan *Cronbach's Alpha* secara keseluruhan bagi instrumen personaliti adalah *Cronbach's Alpha* 0.869. Dan keseluruhan *Emotional Competence Inventory* (ECI) adalah 0.970. Nilai ini menunjukkan bahawa alat kajian ini merupakan alat kajian yang mempunyai tahap keesahan yang sangat baik dan boleh digunakan. Keputusan penilaian dengan metod *Alpha Cronbach* ditunjukkan dalam jadual 1 dan 2 di bawah

Jadual 1 Kebolehppercayaan Instrumen Personaliti

Dimensi Prestasi kerja	Bilangan Item	Nilai Alpha	Normaliti	
			Skewness	Kurtosis
Keseluruhan	48	0.869	-.208	-.454
Kehematan	12	0.855	-.001	-.445
Ekstraversi	12	0.742	-.339	-.550
Kesetujuan	12	0.731	-.257	.567
Keterbukaan	12	0.742	-.415	1.906

Jadual 2 Kebolehppercayaan Instrumen Kecerdasan Emosi

Kecerdasan emosi	Bilangan Item	Nilai Alpha	Normaliti	
			Skewness	Kurtosis
Keseluruhan	63	0.970	.084	-.068
Kesedaran diri	9	0.819	.091	-.095
Pengurusan sendiri	18	0.881	-.013	-.002
Kesedaran sosial	9	0.846	-.037	-.127
Pengurusan perhubungan	24	0.940	.008	-.068

Tahap Kecerdasan Emosi

Berdasarkan skala Likert lima mata, tahap minimum skor min bagi kecerdasan emosi adalah 2.81 dan maksimum pula adalah 5.00, nilai julat menunjukkan 2.19 (5.00 kurang 2.81). Bagi nilai median mempamerkan sebanyak 3.91 dengan sisihan piawai 0.41. Manakala nilai min untuk kecerdasan emosi menunjukkan 3.94, merumuskan keseluruhan tahap kecerdasan emosi pemimpin pendidik SBT adalah tinggi.

Untuk mengkategorikan variabel mengikut tahap adalah berdasarkan nilai interval width yang sama iaitu dengan membahagikan kepada tiga interval iaitu rendah (mengekodkan sebagai 1), sederhana (mengekodkan sebagai 2) dan tinggi (mengekodkan sebagai 3) (Bryman & Cramer, 1996) berdasarkan min skor yang diperolehi hasil perjumlahan keseluruhan item yang dibahagikan dengan jumlah item keseluruhan. Julat untuk tahap rendah dikelompokkan dengan min skor 2.33 dan ke bawah ($L \leq 2.33$), tahap sederhana dikelompokkan dengan min skor antara 2.34 dan 3.67 ($2.34 \leq M \leq 3.67$), dan tahap tinggi adalah kumpulan yang mempunyai min skor antara 3.68 dan 5.00 ($3.68 \leq H \leq 5.00$). Tahap variabel (rendah, sederhana, tinggi) bagi kecerdasan emosi ditunjukkan pada jadual 3.

Jadual 3 Tahap Kekerapan Kecerdasan Emosi

Tahap kecerdasan emosi	Kekerapan	Peratus
Sederhana ($2.34 \leq M \leq 3.67$)	65	21.2
Tinggi ($3.68 \leq H \leq 5.00$)	241	78.8
Total	306	100

Berdasarkan Jadual 4.3, dapatan menunjukkan skor min bagi tahap kecerdasan emosi dapat dibahagikan kepada dua kategori sahaja iaitu berada pada tahap sederhana dengan peratusan sebanyak 21.2 (65) manakala tahap tinggi pula menunjukkan kekerapan sebanyak 241 (78.8%). Tiada wakil untuk kategori bagi tahap rendah.

Tahap Trait Personaliti Keterbukaan, Kesetujuan, Ekstraversi dan Kehematan

Di dapati kadar minimum bagi trait keterbukaan adalah 2.17 dan maksimum adalah 5.00, nilai julat menunjukkan 2.83 (5.00 kurang 2.17). Bagi nilai median mempamerkan sebanyak 3.83 dengan sisihan piawai 0.55. Manakala nilai min untuk trait keterbukaan menunjukkan 3.75, merumuskan keseluruhan pemilikan trait keterbukaan pemimpin pendidik SBT adalah tinggi. Manakala bagi trait kesetujuan pula kadar minimum adalah 2.42 dan maksimum adalah 5.00, seterusnya nilai julat memperlihatkan 2.58 (5.00 kurang 2.42). Bagi nilai median mempamerkan sebanyak 3.60 dengan sisihan piawai 0.43. Manakala nilai min adalah 3.63 yang merumuskan keseluruhan pemilikan trait kesetujuan pemimpin di SBT adalah sederhana. Bagi trait ekstraversi, kadar minimum berada pada 2.00 dan maksimum pula adalah 5.00, nilai julat memperlihatkan 2.92 (5.00 kurang 2.00). Bagi nilai median mempamerkan sebanyak 3.57 dengan sisihan piawai 0.44. Manakala nilai min adalah 3.60 yang merumuskan keseluruhan pemilikan trait kesetujuan pemimpin di SBT adalah sederhana. Akhir sekali untuk trait kehematan, nilai minimum menunjukkan 2.00 dan maksimum adalah 5.00, nilai julat memperlihatkan 3.00 (5.00 kurang 2.00). Bagi nilai median mempamerkan sebanyak 3.36 dengan sisihan piawai 0.43. Manakala nilai min adalah 3.26 yang merumuskan keseluruhan pemilikan trait kesetujuan pemimpin di SBT adalah sederhana. Tahap variabel bagi kesemua trait personaliti (rendah, sederhana, tinggi) ditunjukkan pada jadual 4.

Jadual 4 Tahap Trait Personaliti

Tahap	Kekerapan	Peratus
Trait kehematan		
Sederhana ($2.34 \leq M \leq 3.67$)	269	87.9
Tinggi ($3.68 \leq H \leq 5.00$)	37	12.1
Trait kesetujuan		
Sederhana ($2.34 \leq M \leq 3.67$)	227	74.2
Tinggi ($3.68 \leq H \leq 5.00$)	79	25.8
Trait Ekstraversi		
Rendah ($1 \leq L \leq 2.33$)	1	.4
Sederhana ($2.34 \leq M \leq 3.67$)	210	68.6
Tinggi ($3.68 \leq H \leq 5.00$)	95	31.0
Trait keterbukaan		
Rendah ($1 \leq L \leq 2.33$)	3	1.0
Sederhana ($2.34 \leq M \leq 3.67$)	95	31.0
Tinggi ($3.68 \leq H \leq 5.00$)	208	68.0
Total	306	100

Dapatan Kajian Bagi Kecerdasan Emosi Berdasarkan Faktor Demografi Perbezaan Kecerdasan Emosi Berdasarkan Jantina

Analisis ujian-t pada Jadual 5 digunakan untuk menentukan perbezaan kecerdasan emosi dan dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi keseluruhan kecerdasan emosi pemimpin pendidik lelaki SBT dan perempuan SBT ($t=1.045$, $p>0.05$), Cohen's $d=0.12$ dengan magnitud kesan saiz dalam min yang kecil. Oleh yang demikian, hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kecerdasan emosi berdasarkan jantina adalah gagal ditolak.

Jadual 5 : Perbezaan Kecerdasan Emosi Berdasarkan Jantina (N=306)

Aspek Kecerdasan Emosi		Peringkat Umur (I)	Peringkat Umur (J)	Perbezaan Min (I-J)	P
Keseluruhan emosi	kecerdasan	26 – 30	31 – 40	-8.057	.441
			41 – 50	-14.805(*)	.027
			51 – 60	-19.594(*)	.008

* $p < 0.05$

Perbezaan Kecerdasan Emosi Berdasarkan Umur

Ujian Analisis Of Varians (ANOVA) sehala digunakan untuk melihat perbezaan kecerdasan emosi berdasarkan umur yang dibahagikan kepada empat kategori; 26 hingga 30 tahun, 31 hingga 40 tahun, 41 hingga 50 dan 51 tahun dan ke atas. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan kecerdasan emosi dalam kalangan subjek berdasarkan tahap umur [$F(3, 302) = 4.754$, $p < .05$], partial eta Squared = .050 dengan magnitud kesan saiz yang sederhana (Jadual 6). Ini membawa maksud bahawa kecerdasan emosi pemimpin pendidik adalah berbeza berdasarkan kategori umur mereka. Maka dengan itu, hipotesis nol yang mengandaikan tidak terdapat perbezaan yang signifikan kecerdasan emosi pemimpin berdasarkan pembolehubah umur adalah ditolak.

Jadual 6 Perbezaan Kecerdasan Emosi Berdasarkan Umur (N=306)

Kecerdasan Emosi	Umur	SS	Df	MS	F	p
Kesedaran diri	Antara kumpulan	130.95	3	43.65	2.63	.05
	Dalam kumpulan	4994.79	302	16.53		
	Jumlah	5125.75	305			
Pengurusan diri	Antara kumpulan	707.98	3	235.66	4.12	.007 *
	Dalam kumpulan	17269.13	302	57.18		
	Jumlah	17977.11	305			
Kesedaran sosial	Antara kumpulan	225.87	3	75.29	5.17	.002 *
	Dalam kumpulan	4390.36	302	14.53		
	Jumlah	4616.23	305			
Pengurusan perhubungan	Antara kumpulan	1823.07	3	607.69	5.22	.002 *
	Dalam kumpulan	35102.58	302	116.23		
	Jumlah	36925.66	305			
Keseluruhan Kecerdasan Emosi	Antara kumpulan	9384.98	3	3128.32	4.75	.003 *
	Dalam kumpulan	198721.47	302	658.01		
	Jumlah	208106.45	305			

* $p < 0.05$

Untuk memastikan kumpulan tahap umur yang mana satu berbeza dalam kecerdasan emosi, maka analisis lanjutan iaitu *Post Hoc Tukey HSD* dilakukan (Jadual 7). Perbezaan pertama adalah bagi kategori subjek yang berumur 26 hingga 30 tahun dengan subjek kategori umur 41 hingga 50 tahun iaitu, menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan (perbezaan I-J = -14.805, $p < .05$) bagi kedua-dua kategori umur tersebut. Manakala perbezaan signifikan kedua ialah tahap umur 26 hingga 30 tahun dengan 51 hingga 60 tahun, (perbezaan I-J = -19.594, $p < 0.05$) bagi kedua-dua kategori umur tersebut.

Jadual 7 Perbandingan *Post Hoc Tukey HSD* kecerdasan emosi berdasarkan umur (N=306)

Aspek Kecerdasan Emosi		Peringkat Umur (I)	Peringkat Umur (J)	Perbezaan Min (I-J)	P
Keseluruhan emosi	kecerdasan	26 – 30	31 – 40	-8.057	.441
			41 – 50	-14.805(*)	.027
			51 – 60	-19.594(*)	.008

*p<0.05

Hubungan Antara Kecerdasan Emosi dan Personaliti.

Analisis korelasi *Pearson Product Moment* digunakan bagi meneliti hubungan pembolehubah iaitu kecerdasan emosi dan personaliti memandangkan setiap konstruk adalah continuous variabel. Kesemua perhubungan tersebut dianalisis dengan menggunakan korelasi bivariate.

Dapatan kajian menunjukkan wujudnya hubungan positif dimensi trait personaliti kehematan ($r=.552, p<0.01$), keterbukaan ($r=.362, p<0.01$), ekstrasversi ($r= 0.505, p<0.01$), dan kesetujuan ($r=0.193, p<0.01$) dengan kecerdasan emosi. Oleh yang demikian, hipotesis 2.9 yang mengandaikan tidak terdapat hubungan positif yang signifikan antara kesemua dimensi trait personaliti adalah ditolak. Dapatan ini mengesahkan andaian bahawa kesemua trait personaliti mempunyai hubungan dalam meningkatkan kecerdasan emosi individu. Hasil kajian ini selari dengan pandangan para sarjana misalnya Zadel (2004), Shulman et al. (2006), Vakola, et al. (2004), Athota et al. (2009) dan Costa et al. (2006), menunjukkan personaliti merupakan unsur penting dalam meningkatkan kecerdasan emosi. Namun begitu, berbeza pula dengan kajian oleh Tok dan Morali (2009) menunjukkan bahawa trait personaliti tidak memberi sebarang pengaruh yang signifikan ke atas kecerdasan emosi. Perbezaan dapatan ini boleh diperincikan berdasarkan empat huraian domain personaliti tersebut.

PERBINCANGAN KAJIAN

Hasil kajian mendapati tiada perbezaan kecerdasan emosi antara pemimpin pendidik lelaki dan pemimpin pendidik perempuan di SBT. Hal ini menyokong laporan Hopkins dan Billimoria (2008), Chan (2004), Tan Chin Hung (2001), Click (2002) serta Hendee dan Sykes (2004) yang mendapati kecerdasan emosi tidak berbeza berdasarkan jantina. Namun begitu dapatan ini bertentangan dengan kajian Jamali, Sidani dan Abu Zaki (2008), Mandell dan Pherwani (2003), serta Boyatzis dan Sala (2004) yang menunjukkan wujud perbezaan kecerdasan emosi berdasarkan jantina dengan menjelaskan bahawa kedua-dua jantina tersebut, masing-masing berpotensi untuk memperolehi skor yang tinggi. Misalnya, kajian Jamali et al. (2008) menunjukkan responden lelaki mempunyai skor yang lebih tinggi, berbeza pula dapatan oleh Boyatzis dan Sala (2004) yang melaporkan responden perempuan berupaya memiliki skor kecerdasan emosi yang lebih tinggi.

Sungguh pun demikian, dapatan kajian ini telah mengesahkan kecerdasan emosi lelaki dan perempuan tidak berbeza adalah bersesuaian dengan hasil Bar-On (2000) yang menyatakan bahawa kecerdasan emosi yang dimiliki oleh responden lelaki mahu pun perempuan dilaporkan mempunyai banyak persamaan. Hal ini membuktikan pemimpin pendidik SBT sama ada lelaki dan perempuan memiliki kecerdasan emosi yang setara dalam memberi kesedaran emosi terhadap diri sendiri, orang lain, ketepatan penilaian sendiri, keyakinan, prihatin, kebolehsuaian, pemangkin perubahan dan membangunkan orang lain. Malah kedua-duanya, lelaki dan perempuan menggemari dimensi pengurusan perhubungan. Hal ini turut dipersetujui oleh Ciarrochi, Chan dan Caputi (2000) bahawa individu lelaki dan perempuan yang memiliki kecerdasan emosi adalah berjaya mengharungi tekanan persekitaran dan perhubungan. Dapatan ini memanifestasikan kekuatan pemilikan kecerdasan emosi bagi kedua-dua jantina pemimpin pendidik SBT ketika berhadapan dengan cabaran dalam situasi perubahan.

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi kecerdasan emosi berdasarkan faktor umur bagi pemimpin pendidik SBT. Keputusan mendapati wujud perbezaan kecerdasan emosi di antara pemimpin pendidik bagi kategori umur 26 – 30 dengan pemimpin pendidik bagi kategori umur 51 – 60 tahun dan kategori responden bagi umur 26 – 30 tahun dengan 41 – 50 tahun. Ini dapat diperjelaskan melalui skor min kecerdasan emosi kategori umur 26 – 30 tahun (238.82) berbeza dengan skor min kecerdasan emosi kategori umur 51 – 60 tahun (258.64). Begitu juga skor min bagi kategori umur 26 – 30 tahun (238.82) adalah berbeza dengan skor min kategori responden bagi 41-50 tahun (253.63). Oleh yang demikian, hasil kajian mendapati kategori kumpulan umur yang lebih berusia memiliki tahap kecerdasan emosi yang lebih tinggi berbanding kategori umur muda.

Dapatan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh McShane dan Von Glinow (2005), Sala (2004), Clik (2002), Bar-On (1997, 2000) dan Goleman (1998) yang mendapati kumpulan umur yang lebih berusia cenderung untuk memiliki tahap kecerdasan emosi yang lebih tinggi berbanding kumpulan kategori umur yang muda. Realiti dapatan ini menunjukkan bahawa peningkatan tahap kecerdasan emosi pemimpin SBT adalah seiring dengan peningkatan umur yang berlaku. Hal ini kerana perubahan dan pengalaman dalam kehidupan mereka di SBT berperanan dalam meningkatkan pembentukan emosi yang mantap. Ini dipersetujui melalui penelitian yang dibuat oleh Zadel (2004) dan Jamali et al. (2008) yang menunjukkan bahawa kemahiran emosi dapat dibangunkan menerusi peningkatan usia yang dilalui dan semasa menyusuri pengalaman dalam kehidupan.

Oleh yang demikian, proses pembelajaran dan pengalaman di SBT mampu mematangkan mereka bagi mempengaruhi pembentukan kecerdasan emosi yang lebih stabil. Hal ini disokong oleh Bar-On (1999), Boyatzis dan Sala (2004) yang mendapati kecerdasan emosi merupakan pemboleh ubah yang boleh dipelajari dan terus berevolusi mengikut peningkatan umur.

Bagi analisis hubungan telah mempamerkan dengan meletakkan kepentingan dimensi kehematan sebagai domain yang paling kuat berhubungan dengan kecerdasan emosi berbanding dimensi yang lain. Dapatan ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Boyatzis et al (2004), Sala (2002), Petridez et al. (2007), Vakola et al (2004) dan Shulman et al. (2006) yang mendapati personaliti kehematan mempunyai kesan positif ke atas kecerdasan emosi dengan mempromosikan keperibadian individu yang mantap. Ia merangkumi perancangan tersusun, ketelitian tinggi, pengurusan masa yang cekap, matlamat yang jitu dan berdisiplin tinggi. Hal ini memperlihatkan pemimpin pendidik SBT yang sentiasa merancang aktiviti pengajaran dan pentadbiran dengan sistematik bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dalam keadaan terkawal kerana mempunyai kawalan emosi yang stabil. Hal ini konsisten dengan kajian Douglas, Frink, dan Ferris (2004), membuktikan individu yang berpersonaliti kehematan memberi kesan positif ke atas kecerdasan emosi.

Realiti penemuan ini menunjukkan pemimpin pendidik SBT yang bercirikan personaliti dimensi keterbukaan mempunyai sifat ingin tahu yang tinggi, gemar berimajinasi, berfikiran terbuka dan fleksibel. Mereka gemar memperkenalkan suatu idea baru dalam menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan, penghasilan gerak kerja yang lebih efektif dan tidak terkongkong dengan aktiviti yang sama setiap hari. Hal ini menyebabkan mereka dikaitkan dengan pemilikan kecerdasan emosi yang tinggi khususnya berhadapan dengan perubahan. Dapatan ini menyokong pandangan Digman (1990) yang mengaitkan individu ini sering mempamerkan corak pemikiran terbuka dan fleksibel dan berupaya menyesuaikan diri dengan perubahan kerja yang pelbagai.

Di samping itu juga, pemimpin pendidik bercirikan keterbukaan cenderung ke arah corak pemikiran yang kreatif kerana gemar melakukan perubahan. Ini amat bersesuaian dengan imej yang diberikan kepada mereka sebagai peneraju Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)

yang banyak menerima perubahan. Ia turut melambangkan kesediaan mereka dalam memperbaharui silibus kurikulum, ko-kurikulum dan pelaksanaan hal ehwal pentadbiran supaya seiring dengan penaiktarafan yang diberikan. Hal ini menjadikan pemimpin pendidik SBT mampu mengenali keperluan untuk berubah kerana pemilikan kecekapan kemahiran emosi yang tinggi.

IMPLIKASI

Pemilikan kecerdasan emosi yang tinggi golongan pemimpin pendidik SBT yang berumur (51 tahun hingga 60 tahun) dalam kajian menyebabkan kematangan dan kerationalan emosi mereka terserlah. Sebaliknya golongan yang berusia muda (26 tahun hingga 30 tahun) adalah kekurangan kompetensi emosi yang mantap untuk membentuk setiap tindakan rasional mereka. Berkenaan dengan pemilikan emosi yang rendah golongan muda pemimpin pendidik ini dalam pentadbiran organisasi sekolah, ia bakal menyebabkan golongan tersebut akan ketinggalan dalam mengurus perubahan yang berlaku secara berhemah dan efektif bersandarkan pemilikan kompetensi emosi yang positif. Seterusnya, berdasarkan implikasi teori pula, adalah bertepatan dengan penggunaan Teori Prestasi Berdasarkan Kecerdasan Emosi oleh Goleman (2001) yang menyarankan dan memberi sokongan padu bahawa semakin meningkat kecerdasan emosi, semakin meningkat prestasi kerja dan mengesahkan dapatan berkenaan hasil hubungan dalam kajian ini. Ini kerana pemimpin pendidik didapati memiliki dan menggunakan kecerdasan emosi yang diperlukan untuk mengharungi arus perubahan. Kesannya, peningkatan prestasi kerja produktif dapat dikekalkan dan dipertingkatkan kerana segala kemahiran, pengalaman dan sikap termasuk persepsi yang terbentuk hasil dari kesedaran emosi, pengurusan diri, kesedaran sosial dan pengurusan perhubungan berupaya mendorong produktiviti diri dan kerjaya. Ternyata penggunaan teori ini masih lagi relevan dan praktikal untuk digunakan untuk meredah krisis perubahan dalam konteks institusi pendidikan masa kini.

KESIMPULAN

Berkaitan dengan pemilikan kecerdasan emsi dan trait-trait personaliti didapati menjadi asas penting bagi pengamalan tingkah laku seorang pemimpin. Ini kerana pemilikan dari setiap dimensi personaliti itu membenarkan pemimpin pendidik contohnya kepimpinan transformasi untuk sentiasa berasa dalam keadaan bersedia sewaktu berhadapan dengan fasa perubahan. Dalam hal ini, pemimpin yang berpersonaliti bagi keempat-empat dimensi berikut secara positif dapat berperanan untuk memenuhi keperluan cabaran perubahan yang berlaku. Malah, kini menjadi tanggungjawab pemimpin untuk mempraktikkan konsep personaliti tersebut secara konsisten dalam organisasi masing-masing pada semua peringkat.

Penggunaan tret personaliti ini menerangkan kualiti positif individu yang menyumbang kepada pemantapan perkhidmatan pendidikan pada alaf baru seiring dengan cabaran-cabaran semasa yang dikatakan sebagai fenomena kritikal yang wujud dalam kebanyakan organisasi. Secara umumnya, setiap anggota masyarakat khususnya pemimpin memerlukan trait personaliti yang positif dan konsisten di sepanjang menjalankan urusan pekerjaan kerana mereka akan mewakili organisasi sama ada dalam berinteraksi dengan pekerja mahu pun orang awam dan masyarakat. Hal ini secara langsung memainkan peranan dalam membentuk moral dan nilai-nilai positif. Dengan mempunyai kualiti personaliti yang baik ia akan membawa kepada suatu amalan perkhidmatan dalam kalangan pendidik yang produktif dan seterusnya menyumbang ke arah pencapaian Wawasan 2020.

RUJUKAN

- Bar-On, R.(1997). The Emotional Quotient Inventory (EQ-i): Technical manual. Toronto: Multi Health Systems.
- Bar-On, R. (2000). Emotional and social intelligence : Insights from the emotional quotient inventory. In R. Bar-On & J.D.A. Parker (Eds.), *The Handbook of emotional intelligence : Theory, development, assessment & application at home, school and in the work place* : 363-388. San Francisco: Jossey-Bass.
- Beer, M & Nohria, N. (2000). Cracking the code change. *Harvard Business Review*, May/June, pp, 133-141.
- Beshart, Muhammad Ali (2010). The relationship between emotional intelligence and self-efficacy and academic success, *Education Renovation Journal*, 2 910), 1-10.
- Burns,J. M. (1978). *Leadership*. New York : Harper & Row.
- Caruso, D., Mayer, J.D., & Salovey, P.(2002). Emotional intelligence and emotional leadership. In R.Riggo & S. Murphy & F.J. Pirozzolo (Eds.). *Multiple intelligence and leadership*. Mahwah, NJ :Lawrence Erlbaum.
- Costa, P.T. & McCrae, R.R. (1988). Personality in adulthood : A six-year longitudinal study of self-reports and spouse ratings on the NEO personality inventory. *Journal of Personality and Social Psychology*, 54,853-863.
- Costa,P.T., & McCrae,R.R.(1989).NEO PI-R professional manual. Odessa.F1: Psychological Assessment Resources.Inc.
- Costa, P.T & Mc Crae,R.R.(1992). Revised NEO Personality Inventory (NEO-PI-R) and NEO Five Factor Inventory (NEO-FFI) Profesional Manual. Odesse,Fc : Psychological Assessment Resources. Inc.
- Costa, P.T.,
- Terracciano, A., & McCrae, R. (2001). Gender differences in personality traits across cultures : Robust and surprising findings. *Journal of Personality and Social Psychology*, 81(2), 322-331.
- Day, A.L. & Carroll, S.A.(2004). Using an ability-based measure of emotional intelligence to predict individual performance, and group

- citizenship behaviours. *Personality and Individual Differences*. 36,1443-1458.
- Douglas, Ceasar, Frink, Dwight Ds, Ferris, Gerald R. (2004). Emotional Intelligence as a Moderator of the Relationship between Conscientiousness and Performance. *Journal of Leadership & Organizational Studies*, 10(3), 2-13.
- Dulewicz, V. & Higgs, M. (1999). Can emotional intelligence be measured and developed ?. *Leadership and organizational Development Journal*, 20(5), 242-253.
- Ebby, L. Y, Adam, D. M, Russell, J. E. A. & Gaby, S. H. (2000). Perceptions of organization readiness for change: factor related to employees' reactions to the implementation of team- bases selling.
- Gardner, H. (1983). *Frames of mind: The Theory of Multiple Intelligence*. New York: Basic Books.
- Goldberg, L. R. (1990). An alternative description of personality-the big five factor structure. *Journal of Personality and Social Psychology*, 59(6), 1216-1229.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence: Why It Can Matter More Than IQ*. New York : Bantam Book
- Goleman, D. (1998). *Working with emotional intelligence*. New York : Bantam Book.
- Goleman, D. (2000). Leadership that gets results. *Harvard Business Review*, pp.78-90.
- Higgs, M. (2001). Is there a relationship between Myers-Briggs Type Indicator (MBTI) and emotional intelligence?. *Journal of Managerial Psychology*, 16(7), 509-533.
- Huffman, K. (2007). *Psychology in Action*. USA: John and Wiley.
- Judge, T. & Bono, J. E. (2000). Relationship of core self-evaluation with job satisfaction and job performances : A meta-analysis. *Journal of Applied Psychology*, 86(1), 80-92.
- MacCrae, R. R. (2000). Emotional intelligence from the perspective of the big five-factor model of personality. In R. Bar-On & J. D. A. Parker (Eds), *The Handbook of emotional intelligence: Theory, development, assessment and applied*.

- Mayer, J.D., Salovey, P., & Caruso, D.R. (2000). Emotional intelligence as zeitgeist, as personality and as a mental ability. In R.Bar-On and J.Parker (Eds), *The Handbook of emotional intelligence: Theory, development, assessment and application at home, school and in the workplace*.(pp.92-117). San Francisco, California: Josey-Bass Inc.
- Mayer, J.D., Salovey, P., & Caruso, D.R. (2004). Emotional intelligence: Theory, findings and implications, *Psychological Inquiry*, 15, 197-215
- Ones, D.S., & Viswesvaran, C.(1994). Bandwidth-fidelity dilemma in personality measurement for personnel selection. *Journal of Organizational Behaviour*,17, 609-626
- Petrides, K.V., Frederickson, N., & Furhnam, A. (2004). The role of trait emotional intelligence in academic performance and deviant behavior at school. *Personality and Individual differences*, 36, 163-172.
- Petrides, K.V & Furhnam, A. (2004). Trait emotional intelligence: Behavioural validation in two studies of emotion recognition and reactivity to mood induction, *European Journal of Personality*, 17,39-57.
- Piderit, S.K.(2000). Rethinking resistance and recognizing ambivalence: a multidimensional view oof attitude towards an organizational change. *Academy of Management Review*, Vol.25, pp. 783-94.
- Salgado, J.F. (1997). The five factor model of personality and job performance in the European Community. *Journal of Applied Psychology*, Vol.82, 30- 43.
- Salovey.P & Mayer.J.D (1990).Emotional intelligence.Imagination, Cognition and Personality,9, 259-298.
- Secord, P. & Beckman, C. (1969). *Social Psychology*. McGraw- Hill, New York, NY.
- Shulman, E.T., & Hemenover, S.H.(2006). Is dispositional emotional intelligence synonymous with personality? *Self and Identity*,5, 147-171.
- Skovholt, T & D'Rozario, V. (2000). Portraits of outsatanding and inadequate teachers in Singapore : The impact of emotional intelligence. *Teaching and Learning*. 21(1):1-17.

- Vakola, M., Tsaousis, I., Nikolaou, I. (2004). The role of emotion intelligence and personality variables on attitudes towards organizational change. *Journal of Managerial*
- Zadel, A.(2004). Impact of personality and emotional intelligence on successful training in competences. *Managing Global Transitions*, 4(4), 363-376. *Psychology*, 19 (2), 88-110.

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN MOTIVASI, KECERDASAN EMOSI DAN RESILIENSI (IMKR)

Mohd Zaharen Md Zahir, PhD
Md Noor Saper, PhD
Nur Hallyda Mohd Sham

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRACT

The present study was conducted to evaluate the validity and reliability of Motivation, Emotional Intelligence and Resilience Instrument (IMKR) adapted from Motivation, Emotional Intelligence and Resilience Instrument (Md Noor, 2012). A panel of 7 experts were appointed to evaluate the validity of the instrument. Then, 30 students of Diploma of Tahfiz Al-Quran and al-Qiraat who were in their second semester of study were recruited to examine the reliability of the instrument. Findings of the study show expert validity assessment scores for motivational instruments .897, emotional intelligence .924 and resilience .906. While the reliability value of the motivational instrument (α) .690, Emotional Intelligence (α) .839 and Resilience (α) .868. In overall, the experts indicate that the Motivation, Emotional Intelligence and Resilience Instrument (IMKR) is accepted because the score is above 70 percent while the reliability test shows the value of more than 0.60 alpha cronbach. Based on the findings of the present study, the Motivation, Emotional Intelligence and Resilience Instrument (IMKR) is a valid and reliable measure of motivation, emotional intelligence and resiliency level among tahfiz students.

Keywords: *validity, reliability, motivation, emotional intelligence, resilience*

PENGENALAN

Umu Hani (2014) menyatakan selain strategi pembelajaran, kejayaan menghasilkan pelajar yang cemerlang khususnya pelajar tahfiz ada berkait rapat dengan aspek psikologi iaitu motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi pelajar itu sendiri. Menurut Azrinawati et. al., (2013) menggambarkan, konsep pembelajaran sendiri dari aspek motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi merupakan faktor yang mampu menggerakkan usaha mereka ke arah mencapai matlamat pembelajaran. Walaupun pembangunan kerohanian pelajar tahfiz sememangnya tinggi, namun hakikatnya karakter atau personaliti pelajar itu juga mempengaruhi nilai tambah bagi membentuk sahsiah yang terpuji selari dengan adab hamalatul Quran.

Tingkah laku pelajar digambarkan sebagai karakter atau personaliti nilai diri luaran dan dalaman. Menurut Lubis (2016), karakter merupakan tingkah laku baik atau buruk berdasarkan nilai. Manakala Nur Raina Novianti (2011) menyatakan karakteristik pelajar dikaitkan dengan cara perancangan pengajian yang disusun untuk mencapai matlamat dalam pembelajaran. Karakteristik pelajar tahfiz pula digambarkan sebagai nilai personaliti yang baik, berbudi pekerti yang mulia, beradab, menjangka keterampilan dan menghafal ayat-ayat Al-Quran.

Umu Hani (2014) menyatakan situasi kurangnya motivasi dalam menghafal Al-Quran dan mengekalkan ayat Al-Quran ada kaitan dengan unsur paksaan. Hal ini kerana pelajar yang tidak bersemangat untuk menghafal Al-Quran seringkali merasakan terbeban dan tekanan diri sehingga tidak dapat mengawal emosi (Umu Hani, 2014). Ada juga yang dipaksa oleh keluarga untuk menghantar anak-anak ke institusi tahfiz sedangkan itu bukan kemahuan pelajar itu sendiri.

Selain dari pelajar, peranan guru juga merupakan sumber motivasi kepada para pelajar (Mohamad & Abdullah, 2018). Ini adalah disebabkan faktor kurang kesedaran, kurang bimbingan dan kurang

motivasi membaca Al-Qur'an dengan betul (Hajarul Bahti, Ab Halim, Norshidah, & Mohd Huzairi, 2014). Kajian yang dilakukan oleh Abdul Hafiz dan Hashimah (2004) mendapati antara contoh masalah dalaman seseorang pelajar itu dikaitkan dengan kesedaran sendiri atau *self-awareness*.

Kecerdasan emosi digambarkan sebagai pengawalan pengurusan emosi. Walaubagaimanapun, dilema yang berlaku generasi sekarang adalah kebimbangan yang melampau jika dibandingkan dengan generasi terdahulu. Secara purata generasi sekarang mengalami kesepian, tekanan, cepat marah, lebih sukar dididik, gugup, cepat cemas dan agresif. Pengurusan emosi mempengaruhi tingkah laku seseorang pelajar tahfiz. Emosi sebagai satu keadaan yang dialami oleh pelajar yang melibatkan beberapa perubahan fisiologi, diri dan psikologi (Mohd Azhar, 2004). Begitu juga apabila pelajar tahfiz tidak mampu mengingat ayat Al-Quran dan tidak dibimbing dengan baik, mereka akan mengalami tekanan dan secara tidak langsung akan memberi kesan psikologi seperti kurang motivasi diri, cepat putus asa, menyendiri dan tiada keyakinan diri sehingga tidak berminat menghadiri kelas tasmi dan akhirnya gagal dalam peperiksaan. Jika tidak dibendung, lama-kelamaan hafazan mereka akan luput dan hilang dari ingatan mereka (Muhammad Toriq & Mohd Zaharen, 2018).

Resiliensi pelajar dilihat berdasarkan corak pembawakan diri dan keluarga serta kualiti diri pelajar itu sendiri. Kualiti diri disebatikan dengan nilai-nilai resiliensi yang utuh, menyeluruh (holistik) dan seimbang. Pembentukan resiliensi pelajar tahfiz secara holistik adalah penting bagi melahirkan modal insan yang bakal memacu kemasyhuran negara sehingga ke peringkat antarabangsa (Rorlinda, Noriah, Siti Aishah, & Afifah, 2016). Isu yang dikenal pasti apabila seseorang pelajar tahfiz mengalami transisi pengajian mereka dari maahad tahfiz, sekolah menengah agama mahupun mahaad-mahaad tahfiz ke peringkat pengajian tinggi, mereka akan berhadapan dengan cabaran baharu. Resiliensi pelajar tahfiz di ertikan apabila pelajar tersebut berasimilasi

dengan cabaran isu-isu baharu contohnya keperluan teknologi, media sosial, komunikasi alam maya serta hiburan-hiburan yang melalaikan. Pelajar yang sedang menghafal ayat Al-Quran kini berada dalam resiliensi diri sama ada membuat penyesuaian dan mendisplinkan diri dalam menghafal Al-Quran disamping cabaran teknologi semasa. Jika resiliensi pelajar itu tidak utuh, mereka mudah dihanyutkan dengan gajet sehingga gagal memberi tumpuan dalam menghafal dan mengekalkan ayat-ayat Al-Quran.

Bagi mengkaji aspek psikologi iaitu tahap motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi dari kalangan pelajar tahfiz di Darul Quran, JAKIM, penyelidik mendapatkan soal-selidik motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi daripada penyelidik terdahulu dan meminta keizinan untuk mengadaptasikan sebagai Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi. Sebelum instrumen motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi diedarkan, penyelidik telah membuat kajian rintis bagi mengenalpasi kesesuaian instrumen tersebut sesuai digunakan kepada pelajar tahfiz.

KAJIAN LEPAS

Alat ukur instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi (IMKR) dikatakan mempunyai kesahan kandungan yang tinggi sekiranya kesahan sesuatu instrumen tersebut dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur. Menurut Mohd Najib (1999), alat tersebut dapat mengukur semua isi serta kandungan bidang yang dikaji dengan berkesan. Kesahan kandungan sesuatu alat ukuran bergantung kepada skop dan objektif bidang yang dikaji. Perkara ini disokong Alias Baba (1992), Creswell (2005), Pallant (2001), dan Tuckman (1988) yang menyatakan kesahan sesuatu soal-selidik merujuk kepada sejauh manakah sesuatu soal-selidik mengukur apa yang sepatutnya diukur.

Untuk menguji kesahan pakar, Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi dinilai dengan mendapatkan pekali kesahan berdasarkan purata daripada skor kumulatif yang diperoleh daripada penilaian dan

komennya boleh digunakan. Kaedah seperti ini pernah digunakan oleh Lahmudin (2003), Abdul Malek (2004) dan Mohammad Nasir (2006). Satu set borang penilaian bagi mendapat kritikan dan penilaian setiap item oleh panel pakar. Skor daripada soal-selidik ini adalah berdasarkan kepada sepuluh mata pilihan 1 hingga 10 terhadap semua item positif dan negatif. Menurut Mohd Najib (1999), enam hingga sembilan orang pakar adalah memadai untuk penilaian tersesebut. Penilaian Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi dan kandungan skala adalah sepuluh mata pilihan iaitu 1 (sangat tidak setuju) hinggalah 10 (sangat setuju).

Bagi menentukan tahap kesahan kandungan soal-selidik, maka jumlah skor yang diisi oleh pakar (x) akan dibahagikan dengan jumlah skor sebenar (y) dan didarabkan dengan seratus. Sesuatu soal-selidik itu mempunyai kesahan kandungan yang tinggi apabila memperoleh 70% dan dianggap telah menguasai atau mencapai tahap pencapaian yang tinggi (Tuckman, 1988; Abu Bakar, 1995; Sidek & Jamaludin, 2005).

Kebolehpercayaan sesuatu instrumen kajian merupakan asas keyakinan terhadap sesuatu hasil penyelidikan (Mohd Majid, 1990; Patrick & Beery, 1991; Sidek, 2002). Penyelidik perlu memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tersebut sebelum digunakan dalam kajian sebenar. Kajian ini menggunakan dua kaedah untuk memastikan kesahan instrumen kajian iaitu penilaian panel pakar dan menggunakan kolerasi setiap item dengan keseluruhan item melalui pengiraan kolerasi pearson dengan darjah signifikasi pada aras alpha 0.05.

Kesahan sesuatu instrumen menunjuk kepada sejauh mana alat itu menghasilkan respons gagasan yang diukur. Menurut Creswell, (2005), Pallant (2001), dan Siti Rahayah (2003), sesuatu instrumen tersebut dikatakan mempunyai kesahan yang tinggi jika darjah kebolehannya mengukur apa yang sepatutnya diukur (Mohd Majid 1990). Terdapat pelbagai cara untuk menentukan kesahan sesuatu instrumen kajian, seperti kesahan kandungan dan kesahan kriteria yang berhubung

dengan keputusan pengukuran dari luar (*concurrent and predictive validity*) kajian ini menggunakan kaedah '*external criticism*' iaitu dengan berdasarkan purata daripada min skor terkumpul yang diperoleh daripada penilaian beberapa orang panel pakar dalam bidang berkenaan (Mohd Najib, 1999).

Kaedah Pembinaan Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi

Umumnya instrumen soal-selidik yang dibina bertujuan untuk mencapai objektif dalam sesuatu kajian. Instrumen yang diadaptasikan oleh penyelidik adalah berkaitan motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi. Bagi menghasilkan instrumen yang bermutu, proses teknikal perlu diikuti supaya memastikan sesuatu instrumen yang dibina mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, praktikal, berguna dan efisien.

Instrumen Motivasi

Instrumen Motivasi telah dipecahkan kepada dua konstruk iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Instrumen yang dibangunkan oleh Harter (1981) dan telah diaplikasikan oleh Lepper, Corpus, dan Iyengar (2005). Terdapat dua instrumen yang berkait dengan motivasi iaitu motivasi intrinsik atau dalaman dan motivasi ekstrinsik atau luaran. Keseluruhan soalan motivasi sebanyak 33 item. Terdapat 17 item soalan bagi motivasi intrinsik yang mana 6 item soalan berkaitan cabaran, 6 item soalan berkaitan perasaan ingin tahu dan 5 item soalan berkaitan pembelajaran masteri. Manakala bagi soalan motivasi ekstrinsik pula mempunyai 16 item yang mana 6 item soalan untuk tugas mudah, 4 item soalan berkait pengaruh guru dan 6 item soalan pergantungan pada guru. Instrumen yang dibangunkan oleh Harter (1981) digunakan bagi mengukur motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik ini telah mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi iaitu .90.

Justeru, Khairuddin (2010) telah memperkenalkan instrumen tersebut di Malaysia. Beliau telah menterjemahkan item-item motivasi ke dalam Bahasa Malayu. Daripada 33 item motivasi, setelah dikaji dan dilakukan kesahan dan kebolehpercayaan hanya 32 item sahaja boleh digunakan mengikut kesesuai responden di Malaysia. Sebanyak 16 item bagi soalan motivasi intrinsik mengikut pecahan iaitu 6 item soalan cabaran, 6 item soalan perasaan ingin tahu 5 item soalan bagi pembelajaran masteri. Manakala soalan motivasi ekstrinsik pula mempunyai 16 item iaitu 6 item soalan untuk tugas mudah, 4 item soalan untuk pengaruh guru, dan 6 item soalan pergantungan pada guru ialah 6 item. Hasilnya Khairuddin (2010) mendapat nilai kesahan dan kebolehpercayaan iaitu .66.

Instrumen motivasi tersebut sekali lagi telah dikaji oleh Zainol (2016) dalam penyelidikan beliau. Dalam kajian tersebut hanya mengukur motivasi intrinsik iaitu cabaran dan pembelajaran masteri. Manakala motivasi ekstrinsik pula penyelidik mengukur konstruk tugas mudah dan pergantungan pada guru. Daripada 32 item tersebut, hanya 10 item motivasi intrinsik iaitu 5 item soalan cabaran dan 5 item pembelajaran masteri. Manakala motivasi ekstrinsik 10 item iaitu 5 item tugas mudah dan 5 item pergantungan pada guru. Hasil daripada item yang dinilai tersebut hanya 20 item instrumen motivasi yang diterima melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan adalah tinggi iaitu .84.

Instrumen Kecerdasan Emosi

Instrumen Kecerdasan Emosi diasaskan oleh Bar-On (1996). Terdapat enam konstruk dalam kecerdasan emosi iaitu kemampuan mengurus emosi diri (*Self-Regard*), kemampuan mengurus emosi diri (*Self-actualization*), toleransi tekanan, Realiti-Testing, kebahagiaan, kemahiran sosial (*social skill*). Hasil dalam item yang dinilai terhadap kesahan dan kebolehpercayaan adalah tinggi iaitu .78.

Dalam pada itu, Zainol (2016) telah mengadaptasi instrumen tersebut dalam kajiannya dengan menggunakan (*back translation*) seperti

yang dianjurkan oleh Brislin (1970) iaitu penyelidik menggunakan pendekatan perbincangan kelompok (*committee approach*) sepertimana yang dianjurkan oleh Brislin, Lonner dan Thorndike (1973). Penyelidik telah menubuhkan satu jawatankuasa yang terdiri daripada tiga orang pakar bidang psikologi kaunseling bagi menentukan penterjemahan item sesuai berdasarkan budaya tempatan dan keperluan kajian. Menurut Brislin et, al. (1973), kaedah ini memberikan lebih kepercayaan dan kompetensi dalam penterjemahan semula sesuatu alat kajian. Penyelidik telah membahagikan kecerdasan emosi kepada tiga bahagian iaitu kesedaran terhadap diri (*self awareness*), keupayaan mengurus emosi diri (*self regulation*) dan kemahiran sosial (*social skill*). Hasil dalam item yang dinilai terhadap kesahan dan kebolehpercayaan adalah tinggi 0.812.

Instrumen Resiliensi

Instrumen Resiliensi diasaskan oleh Jew Green dan Kroger (1999). Dalam instrumen resiliensi merujuk kepada kebolehan individu menghadapi dan mengadaptasi situasi secara positif. Ia melibatkan kemampuan individu dari aspek kognitif, emosi dan spiritual di samping tahap kemahiran mereka. Dalam subkonstruk resiliensi, penyelidik mengukur persepsi masa hadapan yang optimis, memiliki kemahiran yang membina dan tidak bergantung kepada orang lain serta berani menghadapi risiko. Nilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen resiliensi yang diperolehi adalah 0.95. Seterusnya, Muhammad Nasir (2006) telah membawa masuk Instrumen Resiliensi ke Malaysia dan menggunakan instrumen tersebut dengan kaedah yang sama (*back translation*) seperti yang dianjurkan oleh Brislin (1970). Nilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang dikaji juga mendapat kesahan yang tinggi iaitu 0.91. Pengkaji seterusnya iaitu Md Noor (2012) telah menggunakan instrumen tersebut dalam penyelidikan mendapati nilai kesahan dan kebolehpercayaan juga tinggi iaitu 0.88.

Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi di lihat mempunyai nilai yang tinggi, maka penyelidik telah memohon kebenaran daripada penyelidik asal iaitu Md Noor (2012) dan Zainol (2016) untuk mengadaptasi ketiga-tiga instrumen tersebut dan dijadikan instrumen kajian kepada pelajar tahfiz bagi menilai tahap motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi dari kalangan pelajar tahfiz di Darul Quran, JAKIM. Kajian rintis dilakukan terlebih dahulu oleh penyelidik untuk mengetahui sama ada instrumen motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi sesuai dilaksanakan kepada pelajar-pelajar tahfiz.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah untuk;

- i. Mengukur kesahan kandungan Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi (IMKR); dan
- ii. Mengukur kebolehpercayaan Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi (IMKR) dari kalangan pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat semester 2.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dilakukan ini untuk mengukur kesahan kandungan dan kebolehpercayaan Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi (IMKR). Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan perakuan pakar penilai bidang (Creswell, 2005; Christensen 2004; Sekaran, 2000; Mohd Majid, 2009) bagi menentukan kesahan kandungan soal-selidik IMKR. Untuk menguji kesahan IMKR, kesahan pakar digunakan dengan mendapat pekali kesahan berdasarkan purata skor kumulatif yang diperolehi. Kaedah seperti ini telah digunakan oleh Lahmudin (2003), Abdul Malek (2004) dan Mohammad Nasir (2006).

Kajian Rintis Alat Kajian

Tujuan kajian rintis dilakukan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi (IMKR). Ketiga-tiga bahagian instrumen ini telah dinilai oleh tujuh orang panel pakar untuk mendapatkan maklum balas terhadap kesahan setiap item. Selanjutnya instrumen ini ditadbir pula kepada 30 orang pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat semester 2 di Darul Quran, JAKIM dengan tujuan untuk mendapatkan respons mereka terhadap nilai kebolehpercayaan setiap item.

Seramai 30 orang iaitu 15 lelaki dan 15 perempuan dijadikan sampel dalam kajian rintis ini. Pelajar-pelajar yang dipilih merupakan sampel kajian daripada populasi yang hampir menyamai ciri-ciri sampel kajian sebenar. Penyelidik telah menerangkan terlebih dahulu kepada 30 orang responden berkaitan tujuan kajian rintis dilakukan (Chua, 2006). Kebenaran persetujuan responden sebagai kajian rintis (*pilot study*) dilakukan untuk memastikan etika penyelidikan dipatuhi.

Kesahan Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi (IMKR)

Seramai tujuh orang panel pakar dilantik untuk menilai kesahan instrumen motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi. Menurut Najib (1999), enam hingga sembilan orang pakar adalah memadai untuk penilaian tersesebut. Kaedah pengesahan pakar ini juga pernah dilakukan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu seperti Kamaruzaman Moidunny (2013); Md Noor (2012), Abdullah (2015) dan Zainol (2016).

Penilaian terhadap skor markah adalah berdasarkan kepada sepuluh mata pilihan 1 hingga 10 dimana panel pakar akan menilai terhadap tatabahasa, pemahaman dan kesesuaian soalan. Untuk menentukan kesahan kandungan, jumlah skor yang telah diisi oleh pakar (x) dibahagikan dengan jumlah skor sebenar (y) dan didarabkan dengan seratus. Apabila sesuatu instrumen itu mempunyai kesahan kandungan

yang tinggi sekiranya mendapati nilai skor lebih daripada 70%, ianya dianggap telah menguasai atau mencapai tahap pencapaian yang tinggi (Tuckman, 1988; Abu Bakar, 1995; Sidek dan Jamaluddin, 2005).

Jumlah Pakar (x)

----- x 100% = Tahap Penguasaan Kesahan Kandungan

Jumlah Skor Sebenar (y)

Dalam kajian ini, penyelidik melakukan kesahan konstruk dengan menggunakan kaedah '*external critism*' iaitu berdasarkan purata daripada min skor terkumpul diperoleh daripada penilaian daripada beberapa orang panel pakar dalam bidang berkenaan (Mohd Najib, 1999).

Kebolehpercayaan Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi (IMKR)

Menurut Russell (1974), sesuatu pengujian kebolehpercayaan boleh dilihat melalui sejauh manakah pelajar dapat memahami kandungan sesuatu item berkenaan. Pandangan Sidek (2002) menyatakan kebolehpercayaan item dikaitkan dengan konsistensi, ini bermakna sesuatu ujian dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekiranya skor yang sama diperoleh daripada individu yang berbeza. Mohammad Aziz Shah (2010) juga menyatakan, kebolehpercayaan adalah merujuk kepada ketekalan dan kestabilan sesuatu instrumen bagi menguji objektif sesuatu kajian.

KEPUTUSAN KAJIAN

Keputusan Kesahan Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi (IMKR)

Berikut adalah 20 item bagi soal-selidik motivasi yang diukur.

Jadual 1 : Penilaian Pakar Terhadap Kesahan Instrumen Motivasi

BIL	Pernyataan	Skor	%
B1	Saya tahu bahawa belajar adalah satu cabaran	65	92.9
B2	Saya minat belajar kerana belajar merupakan satu tanggungjawab	67	95.7
B3	Saya suka sesuatu yang baharu dan mencabar	63	90.0
B4	Saya suka mata pelajaran yang memerlukan saya berfikir dengan teliti untuk menyelesaikannya	64	91.4
B5	Saya suka tugas yang susah, sebab ia lebih menarik	61	87.1
B6	Saya tidak suka menyelesaikan masalah yang susah	64	91.4
B7	Saya menaruh minat dalam menghafal Al-Quran	64	91.4
B8	Saya tidak suka latihan yang susah kerana memerlukan saya berusaha lebih kuat	61	87.1
B9	Saya suka latihan yang mudah dan saya yakin boleh menyelesaikannya	58	82.9
B10	Saya suka pelajaran Bahasa Arab supaya fasih bertutur dalam Bahasa Arab	59	84.3
B11	Saya suka menyelesaikan tugas yang diberi oleh pensyarah secara bersendirian	64	91.4

B12	sesuatu, saya suka menyelesaikannya bersendirian	63	90.0
B13	Apabila saya membuat kesilapan, saya suka mencari jawapan yang betul secara bersendirian	64	91.4
B14	Jika masalah tersebut tidak boleh diselesaikan, saya tetap sedaya upaya untuk menyelesaikannya secara sendirian	61	87.1
B15	Saya suka membuat tugas kerja tanpa bantuan orang lain	65	92.9
B16	Apabila saya tidak dapat menyelesaikan masalah, saya mahu pensyarah memberikan jawabannya	63	90.0
B17	Saya suka jika pensyarah tidak kisah jika saya lambat menghantar tugas	64	91.4
B18	Apabila menghadapi masalah belajar, saya akan bertanya pensyarah bagi mendapatkan jawapan	65	92.9
B19	Saya hanya menunggu pensyarah membantu saya dalam merancang sesuatu	60	85.7
B20	Saya suka bertanya soalan kepada pensyarah dalam membuat tugas yang diberi	61	87.1
Skor = .897			

Berikut adalah 15 item bagi soal-selidik kecerdasan emosi yang diukur.

Jadual 2 : Penilaian Pakar Terhadap Kesahan Instrumen Kecedasan Emosi

BIL	Pernyataan	Skor	%
C1	Saya sentiasa mengambil berat terhadap masalah orang lain	66	94.3
C2	Saya mudah memberitahu orang apa yang saya rasa	66	94.3
C3	Saya suka berjumpa dengan semua orang dan mudah bertegur sapa	60	85.7
C4	Saya menghormati orang lain	67	95.7
C5	Apabila berlaku sesuatu peristiwa yang sedih saya akan rasa terlalu kecewa	63	90.0
C6	Saya mudah memberitahu perasaan saya kepada orang lain	66	94.3
C7	Saya seorang yang penyabar	67	95.7
C8	Tiada perkara yang boleh merungsingkan fikiran saya	62	88.6
C9	Saya mudah marah apabila diejek	66	94.3
C10	saya suka bercakap benar walaupun pahit	65	92.9
C11	Saya suka membantu orang lain	68	97.1
C12	Saya boleh menggunakan pelbagai cara untuk menyelesaikan masalah	64	91.2
C13	Saya suka memberi pandangan bila diperlukan	64	91.2
C14	Saya mudah menyesuaikan diri dalam semua keadaan	64	91.2
C15	Saya mengawal kemarahan saya walaupun disindirkan kawan	63	90.0

Skor = .924

Berikut adalah 15 item bagi soal-selidik resiliensi yang diukur.

Jadual 3 : Penilaian Pakar Terhadap Kesahan Instrumen Resiliensi

BIL	Pernyataan	Skor	%
D1	Saya meletakkan harapan untuk masa depan saya	65	92.9
D2	Saya percaya suatu masa nanti impian saya akan menjadi kenyataan	65	92.9
D3	Saya berpuas hati dengan kehidupan saya sekarang	67	95.7
D4	Saya boleh melakukan banyak perkara walaupun menghadapi tekanan	63	90.0
D5	Saya rasa saya mempunyai sikap yang baik	65	92.9
D6	Masa depan saya cerah	65	92.9
D7	Saya merasakan kehidupan saya sekarang baik	65	92.9
D8	Saya percaya bahawa saya akan menemui kejayaan pada masa akan datang	66	94.3
D9	Saya dapat mengendalikan perkara-perkara penting dalam hidup saya	66	94.3
D10	Saya merasakan banyak perkara yang sukar dalam hidup saya akan menjadi lebih baik	62	88.6
D11	Saya merasakan kesuluruhan kehidupan saya adalah memuaskan	63	90.0

D12	Saya percaya esok adalah lebih baik daripada hari ini	64	91.4
D13	Saya percaya kehidupan ini adalah baik	64	91.4
D14	Saya mempunyai matlamat masa depan	61	87.1
D15	Kehidupan saya sekarang tidak mengecewakan	64	91.4
D16	Saya mempunyai matlamat masa depan	59	84.3
D17	Saya yakin peluang masa depan saya	61	87.1
D18	Saya membuat perancangan masa depan saya	63	90.0
D19	Saya tidak merasakan guru dapat membantu saya apabila berhadapan dengan tekanan	64	91.4
D20	Saya bersedia untuk menghadapi apa juga perkara yang akan berlaku	65	92.9
D21	Saya percaya bahawa melindungi rakan-rakan saya adalah tanggungjawab saya	62	88.6
D22	Saya akan membuat persediaan dalam menempuh kehidupan	62	88.6
D23	Saya banyak mempelajari mengenai langkah-langkah mengurus emosi	63	90.0
D24	Jika saya tidak tahu saya akan bertanya	64	91.4
D25	Saya percaya orang lain juga ada masalah	63	90.0

D26	Saya mudah memberi bantuan kepada orang	65	92.9
D27	Saya akan berpuas hati setelah dapat memberi bantuan kepada orang lain	65	92.9
D28	Saya tidak pedulikan perasaan orang lain demi mencapai matlamat diri saya	61	87.1
D29	Saya berani mengambil cabaran/risiko untuk menjadikan sesuatu itu lebih baik	63	90.0
D30	Saya banyak membuat keputusan terhadap apa yang sepatutnya saya lakukan salam kehidupan saya	61	87.1
D31	Bagi saya risiko adalah sesuatu yang menyeronokan	64	91.4
D32	Saya akan menghadapi cabaran/risiko apabila ia berbaloi dengan kesan dan akibatnya	60	85.7
D33	Saya tidak mampu menghadapi situasi yang mencemaskan	65	92.9
D34	Saya menghadapi risiko/cabaran jika ianya perlu	62	88.6
Skor = .906			

Jadual 4: Komen Pakar Bagi Kesahan Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi (IMKR)

Pakar	Penambahbaikan
Pakar 1	Pembinaan item adalah baik dan bersesuaian dengan konstruk dan teoritikal yang ingin diuji.
Pakar 2	Keseluruhan item bagi soalan motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi mempunyai item-item yang mewakili setiap konstruk yang diukur.
Pakar 3	Tahniah teruskan usaha.
Pakar 4	Syabas, anda telah berjaya menghasilkan item yang ringkas, tepat dan mudah difahami.
Pakar 5	Pemilihan perkataan yang sesuai.
Pakar 6	Tidak dinyatakan sebab tidak ada komen.
Pakar 7	Tahniah

Keputusan Kebolehpercayaan Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi

Jadual 5 Menunjukkan Kebolehpercayaan Dalaman (Cronbach Alpha) Bagi Item Motivasi

INSTRUMEN MOTIVASI

BIL	Pernyataan	<i>Cronbach Alpha if Item Deleted</i>	Tahap
B1	Saya tahu bahawa belajar adalah satu cabaran.	0.900	Tinggi
B2	Saya minat belajar kerana belajar merupakan satu tanggungjawab.	0.898	Tinggi
B3	Saya suka sesuatu yang baharu serta mencabar	0.896	Tinggi
B4	Saya suka pelajaran yang memerlukan saya berfikir dengan teliti untuk menyelesaikannya.	0.897	Tinggi

B5	Saya suka tugas yang susah kerana ianya perkara yang menarik.	0.896	Tinggi
B6	Saya tidak suka menyelesaikan masalah yang susah.	0.902	Tinggi
B7	Saya amat minat dalam menghafal Al-Quran.	0.898	Tinggi
B8	Saya tidak suka dengan latihan yang susah kerana saya perlu berusaha lebih kuat	0.900	Tinggi
B9	Saya suka latihan yang mudah untuk diselesaikan.	0.901	Tinggi
B10	Saya suka pengajian dalam Bahasa Arab supaya saya fasih bertutur.	0.898	Tinggi
B11	Saya suka menyelesaikan tugas yang diberi oleh pensyarah secara bersendirian.	0.901	Tinggi
B12	Apabila saya tidak memahami sesuatu, saya suka menyelesaikannya secara bersendirian.	0.900	Tinggi
B13	Apabila saya membuat kesalahan, saya mencari jawapan yang betul secara bersendirian	0.902	Tinggi
B14	Jika sesuatu masalah tersebut tidak boleh diselesaikan, saya tetap sedaya upaya untuk menyelesaikannya secara sendirian.	0.903	Tinggi
B15	Saya suka membuat kerja tanpa bantuan orang lain.	0.900	Tinggi
B16	Apabila saya tidak dapat mendapat jawapan, saya mahu pensyarah memberikan bantuan.	0.903	Tinggi
B17	Saya suka jika pensyarah tidak kisah jika saya lambat menghantar tugas.	0.903	Tinggi
B18	Apabila gagal peperiksaan, saya perlukan bantuan pensyarah untuk membantu.	0.898	Tinggi
	Saya hanya menunggu pensyarah		Tinggi

B19	Saya hanya menunggu pensyarah membantu saya dalam merancang sesuatu perkara.	0.901	Tinggi
B20	Saya akan terus bertanya soalan kepada pensyarah jika saya tidak faham tugas yang diberi.	0.897	Tinggi

Nilai motivasi $\alpha = .69$

Jadual 6 Menunjukkan Kebolehpercayaan Dalam (Cronbach Alpha) Bagi Item Kecerdasan Emosi

INSTRUMEN KECERDASAN EMOSI

BIL	Pernyataan	Cronbach Alpha if Item Deleted	Tahap
C1	Saya sentiasa mengambil berat terhadap masalah orang lain.	0.899	Tinggi
C2	Saya mudah memberitahu orang apa yang saya rasa.	0.901	Tinggi
C3	Saya suka berjumpa dengan semua orang dan mudah bertegur sapa.	0.898	Tinggi
C4	Saya menghormati orang lain.	0.897	Tinggi
C5	Apabila berlaku sesuatu peristiwa yang sedih saya akan rasa terlalu kecewa.	0.902	Tinggi
C6	Saya mudah menceritakan emosi saya kepada orang lain.	0.900	Tinggi
C7	Saya seorang yang penyabar.	0.900	Tinggi
C8	Tiada perkara yang boleh merungsingkan fikiran saya.	0.900	Tinggi
C9	Saya cepat marah apabila diejek.	0.901	Tinggi
C10	Saya akan bercakap benar walaupun pahit.	0.899	Tinggi
C11	Saya suka menolong sesiapa sahaja walaupun tidak dikenali.	0.898	Tinggi

C12	Saya boleh menggunakan pelbagai cara untuk menyelesaikan masalah.	0.897	Tinggi
C13	Saya suka memberi pandangan apabila diberi peluang.	0.900	Tinggi
C14	Saya boleh menyesuaikan diri di dalam semua keadaan.	0.898	Tinggi
C15	Saya boleh mengawal kemarahan saya walaupun disindirkan kawan.	0.900	Tinggi

Nilai kecerdasan emosi $\alpha = .84$

Jadual 7 Menunjukkan Kebolehpercayaan Dalaman (*Cronbach Alpha*) Bagi Item Resiliensi

INSTRUMEN RESILIENSI

BIL	Pernyataan	<i>Cronbach Alpha if Item Deleted</i>	Tahap
D1	Saya meletakkan harapan untuk masa depan saya.	0.902	Tinggi
D2	Saya percaya suatu masa nanti impian saya akan menjadi kenyataan.	0.900	Tinggi
D3	Saya berpuas hati dengan kehidupan saya sekarang.	0.899	Tinggi
D4	Saya boleh melakukan banyak perkara walaupun menghadapi tekanan.	0.897	Tinggi
D5	Saya rasa saya mempunyai sikap yang baik.	0.897	Tinggi
D6	Masa depan saya cerah.	0.898	Tinggi
D7	Saya merasakan kehidupan saya sekarang baik.	0.900	Tinggi
D8	Saya percaya bahawa saya akan menemui kejayaan pada masa akan datang.	0.900	Tinggi

D9	Saya dapat mengendalikan perkara-perkara penting dalam hidup saya.	0.897	Tinggi
D10	Saya merasakan banyak perkara yang sukar dalam hidup saya akan menjadi lebih baik.	0.897	Tinggi
D11	Saya merasakan kesuluruhan kehidupan saya adalah memuaskan.	0.898	Tinggi
D12	Saya percaya esok adalah lebih baik daripada hari ini.	0.900	Tinggi
D13	Saya percaya kehidupan ini adalah baik.	0.899	Tinggi
D14	Saya mempunyai matlamat masa depan.	0.898	Tinggi
D15	Kehidupan saya sekarang tidak mengecewakan.	0.899	Tinggi
D16	Saya merancang matlamat masa depan.	0.897	Tinggi
D17	Saya yakin peluang masa depan saya yang cerah.	0.897	Tinggi
D18	Saya membuat perancangan masa depan saya.	0.897	Tinggi
D19	Saya tidak rasakan pensyarah dapat membantu saya apabila berhadapan dengan tekanan.	0.901	Tinggi
D20	Saya bersedia menghadapi apa juga perkara yang akan berlaku.	0.896	Tinggi
D21	Saya percaya bahawa melindungi rakan-rakan saya adalah tanggungjawab saya.	0.899	Tinggi
D22	Saya akan membuat persediaan dalam menempuh kehidupan yang mencabar.	0.898	Tinggi
D23	Saya mampu menguruskan emosi.	0.899	Tinggi
D24	Saya terus bertanyakan soalan jika saya tidak memahami sesuatu perkara.	0.897	Tinggi
D25	Saya percaya orang lain juga ada masalah	0.901	Tinggi

D26	Saya mudah memberi bantuan kepada orang.	0.900	Tinggi
D27	Saya akan berpuas hati setelah dapat memberi bantuan kepada orang lain.	0.898	Tinggi
D28	Saya tidak pedulikan perasaan orang lain demi mencapai matlamat diri saya.	0.900	Tinggi
D29	Saya berani mengambil cabaran untuk menjadikan sesuatu itu lebih baik.	0.900	Tinggi
D30	Saya banyak membuat keputusan terhadap apa yang sepatutnya saya lakukan dalam kehidupan saya	0.897	Tinggi
D31	Bagi saya risiko adalah sesuatu yang menyeronokan.	0.899	Tinggi
D32	Saya akan menghadapi risiko apabila ia berbaloi dengan kesan kepada kehidupan saya.	0.900	Tinggi
D33	Saya tidak mampu menghadapi situasi yang mencemaskan.	0.903	Tinggi
D34	Saya bersedia menghadapi risiko jika ianya perlu.	0.898	Tinggi

Nilai resiliensi $\alpha = .87$

PERBINCANGAN KAJIAN

Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi (IMKR) mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Hasil analisis terhadap item kajian mendapati penilaian terhadap kesahan instrumen motivasi skor yang tertinggi pada item B2 iaitu “*saya minat belajar kerana belajar merupakan satu tanggungjawab*” menunjukkan nilai skor adalah 95.7 manakala item B9 iaitu “*saya suka latihan yang mudah dan saya yakin boleh menyelesaikannya*” merupakan skor terendah iaitu 82.9. Ini menunjukkan responden memahami tujuan kajian terhadap

motivasi diri iaitu belajar. Walaubagaimanpun, responden belum mempunyai keyakinan diri dalam melihat matlamat pengajian.

Instrumen Kecedasan Emosi pula didapati skor yang tertinggi adalah item C11 iaitu *“saya suka membantu orang lain”* skor nilai sebanyak 97.1 manakala item C3 *“saya suka berjumpa dengan semua orang dan mudah bertegur sapa”* merupakan skor terendah iaitu 85.7. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan responden suka membantu orang lain dalam apa-apa perkara terutama soal kerohanian. Walaubagaimanpun, responden kurang mempunyai keinginan kuat untuk bertegur sapa pada orang yang tidak dikenali. Ini menunjukkan remaja hari ini khususnya generasi y yang kurang bersosialasi dengan orang yang tidak dikenali. Penilaian pakar terhadap kesahan instrumen resiliensi menunjukkan skor yang tertinggi adalah item D3 iaitu *“saya berpuas hati dengan kehidupan saya sekarang”* iaitu 95.7 manakala item D16 *“saya mempunyai matlamat masa depan”* merupakan skor terendah iaitu 84.3. Ini menunjukkan responden berasa berpuas hati dengan kehidupan sekarang kerana berada didalam suasana atau biah solehah atau dengan kata lain suasana menghayati al-Quran. Walauabagaimanapun, dalam kajian ini matlamat atau jangkauan masa hadapan kurang ditekankan oleh responden. Dengan kata lain, responden kurang mempunyai perancangan masa hadapan terutama melibatkan kerjaya dan matlamat kehidupan. Ini boleh menyebabkan responden tercari-cari dimana kekuatan diri yang masih belum ada pada diri mereka.

Berdasarkan objektif kajian iaitu untuk menilai kesahan dan kebolehpercayaan Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi (IMKR) menunjukkan bahawa instrumen motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi boleh digunakan bagi tujuan menilai tahap motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi kalangan pelajar tahfiz.

KESIMPULAN

Keputusan kesahan kandungan Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi (IMKR) yang dinilai oleh tujuh orang pakar menunjukkan skor motivasi adalah .897, kecerdasan emosi adalah .924 dan resiliensi adalah .906. Manakala kebolehpercayaan (Cronbach Alpha) bagi instrumen IMKR dengan melibatkan 30 orang responden dari kalangan pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat semester 2 menunjukkan nilai kebolehpercayaan instrumen bagi Motivasi ialah $\alpha = .69$, Kecerdasan Emosi $\alpha = .84$ dan Resiliensi $\alpha = .87$. Secara keseluruhannya, implikasi daripada kajian kesahan dan kebolehpercayaan instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi (IMKR) boleh dilaksanakan kepada pelajar tahfiz.

RUJUKAN

- Abdul Hafiz Abdullah & Hashimah Muda. (2004). Kaedah hafazan al-Quran yang sistematik dan praktikal dalam melahirkan para huffaz yang rasikh. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Pemikiran Islam 2004. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 7-9 Disember.
- Abdullah Ismail. (2015). Kesan kaunseling kelompok REBT terhadap symptom stress dalam kalangan staf jabatan dalam sebuah agensi kerajaan . Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan Sumber Manusia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abu Bakar Nordin. (1995). Asas penilaian pendidikan. Petaling Jaya: Logman Malaysia Sdn. Bhd
- Abd Malik Hj Abd Rahman. (2004); Mohammad Nasir (2006). Kesan Kaunseling Kelompok Tingkah Laku Kognitif Dalam Merawat Tingkah Laku Langsang Buli Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. Thesis Ph.D. Ukm Bangi.
- Alias Baba (1992). Statistik untuk penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bar-On, R. (1996). Bar-On Emotional Quotient Inventory (EQ-i) Manual. Toronto: Multi Health System.
- Brislin, R. W., Lonner, W.J., & Thorndike, R.M. (1973). Cross-cultural research methods. New York: John Wiley & Sons.
- Chua Yan Piaw, (2006). Kaedah dan statistik penyelidikan. Buku 1. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Creswell, J. W. (2005). Educational research: Planning conducting and evaluating quantitative and qualitative research. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Hajarul Bahti, Z., Ab Halim, T, Norshidah, M.S. & Mohd Huzairi, A. (2014). Students attitudes towards learning al-Qur'an recitation and its relationship with the mastery of reading the al-Qur'an among visual impaired students in Malaysia. International Conference on Economics, Education and Humanities, Dec 10-11, 97-100.
- Harter, S. (1981). A new self-report scale of intrinsic versus extrinsic

- orientation in the class room: Motivational and information components. *Developmental Psychology*.
- Jew, C. L., Green, K. E., & Kroger, J. (1999). Development and validation of a measure of resiliency. *Measurement and evaluation in counseling and development*, American Counseling Association 32 (2): 75-111
- Kamaruzaman Moidunny (2013). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian PhD. Jabatan Pembangunan Pengurus, Pemimpin dan Eksekutif Pendidikan Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands.
- Khairuddin Nisa. (2010). Kesan motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik ke atas pencapaian pelajar tingkatan 5 smk. Khair johari sungai sumun. Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Lahmuddin. (2003). Keberkesanan latihan permodelan dan kembimbangan ibu bapa ke atas pelajar-pelajar lelaki agresif di Medan Indonesia. Tesis Dr. Fal. Universiti Sains Malaysia.
- Lepper, M. R., Corpus, J. H., & Iyengar, S. S. (2005). Intrinsic and extrinsic Motivational orientations in the classroom: Age differences and academic correlates. *Journal of Educational Psychology*, 97(2), 184-196. [Http://www.colombia.edu/ss957/articles/Lepper_Corpus_Iyengar.pdf](http://www.colombia.edu/ss957/articles/Lepper_Corpus_Iyengar.pdf).
- Lubis, H.(2016). Strategi Penanaman Pendidikan Karakter Berlanjutan Pada Anak Sekolah. *Tazkiyah*, 5(2)
- Md Noor Saper (2012). Pembinaan Modul Bimbingan Tazkiyah An-Nafs Dan Kesannya Ke Atas Religiositi Dan Daya Tahan Remaja. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Mohamad, M. Z., & Abdullah, A. H. (2018) challenges facing school students in qur'an memorization: AQualitative study.
- Mohd Najib Abdul Ghaffar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor Darul Takzim: penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohammad Nasir Bistamam (2006). Kesan Kaunseling Kelompok Ke Atas Penyesuaian Remaja Berisiko. *Ukm: Bangi*
- Mohd Majid Konting (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Edisi

- Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Majid Konting. (2000). Kaedah penyelidikan pendidikan,. Kuala Lumpur. Dewan bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip (2010). Kesan kelompok bimbingan ke atas konsep sendiri, kelangsangan dan resiliensi di kalangan remaja. Tesis Dr. Fal. UKM, Bangi.
- Muhammad Toriq Yaacob & Mohd Zaharen M. Z. (2018). Kajian terhadap tingkah laku, motivasi, kecerdasan emosi dan daya tahan pelajar diploma tahfiz al-quran dan al-qiraat. Laporan Penyelidikan Darul Quran, JAKIM
- Nur Raina Novianti. (2011). Kontribusi pengolahan laboratirium dan motivasi pelajar siswa terhadap efektifitis proses pembelajaran Jurnal Universitas Pendidikan Islam, Indonesia. Edisi khusus no 1: 158-166
- Pallant, J. (2001). SPSS survival manual- a step by step to data analysis using SPSS for window (version 10). Buckingham Open University Pres.
- Patrick. D. L, & Beery, W.L., (1991). Maesurement issues: Reliability and Vadility, American. Journal of Health Promotion 5: 305-310
- Rorlinda Yusof, Noriah Mohd Ishak, Siti Aishah Hassan, Afifah Mohd Radzi (2016). kajian jatidiri dan tekanan isu sosio-emosi dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat. Pusat PERMATA Pintar Negara
- Russell, J. D (1974). Modular instruction: a guide to the design, selection, utilization and evaluation of modular materials. United States: Publishing Company
- Sidek Mohd Noah (2005). Pengujian dan pengukuran dalam kaunseling: Teori dan Aplikasi. Serdang: Universiti : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad. (2005). Pembinaan modul: Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sidek Mohd Noah (2002). Rekabentuk penyelidikan: Falsafah, teori dan praktis. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Siti Rahaya Ariffin. (2003). Teori, konsep & amalan dalam pengukuran

- dan penilaian. Bangi: Pusat Pembangunan Akademik UKM
- Tuckman, B.W. (1988). *Conducting Educaton Research*, 3rd Edition. New York: Harcourt Brace
- Umu Hani. (2014). Peran pengasuh dalam meningkatkan prestasi menghafal al-Quran Santri PP. Nurul Ummat Kotagede Yogyakarta. Laporan penyelidikan, Jurusan Bimbingan dan Kaunseling Islam, Universitas Islam Negeri, Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 20 Julai
- Zainol (2016). Kesan Modul Kaunseling Kelompok Bimbingan Remaja terhadap motivasi, kecerdasan emosi, asertif, empati. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Biodata Penulis

Dato' Seri Dr. Haji Mat Ali Hassan adalah mantan Pengarah Bahagian Pengurusan Psikologi di Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Dr. Abdul Jalil Hassan merupakan Timbalan Pengarah Kanan di Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam. Emel yang boleh dihubungi ialah jalil.hassan@jpa.gov.my.

Dr. Amran Hassan merupakan Ketua Penolong Pengarah, Kluster Pembangunan Profesional di Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam. Emel yang boleh dihubungi amran.hassan@jpa.gov.my.

Zuraini Ismail merupakan Ketua Penolong Pengarah, Kluster Pembangunan Dasar di Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam. Emel yang boleh dihubungi zuraini.ismail@jpa.gov.my.

Ami Haji Patola merupakan Penolong Pengarah, Kluster Pembangunan Dasar di Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam. Emel yang boleh dihubungi ialah ami.patola@jpa.gov.my.

Dr. Hazaila Hassan merupakan Pegawai Psikologi di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Putrajaya. Emel yang boleh dihubungi ialah hazaila@sprm.gov.my

Ltd Kdr (B) Dr. Abu Yazid bin Abu Bakar merupakan Pengarah Pusat Kesatria Universiti Kebangsaan Malaysia. Emel yang boleh dihubungi ialah yazid3338@ukm.edu.my

Prof. Madya Dr. Salleh Amat merupakan Pengerusi Pusat Kajian Kepelbagaian Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Emel yang boleh dihubungi ialah sallehba@ukm.edu.my.

Dr. Hjh Norazura Ahmad merupakan Ketua Penolong Pengarah, Kluster Psikometrik di Jabatan Perkhidmatan Awam. Emel yang boleh dihubungi ialah azura.ahmad@jpa.gov.my

Dr. Norhayati Mohd Noor merupakan Pensyarah di Pusat Kesejahteraan Komuniti Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Emel yang boleh dihubungi ialah norhayati@ukm.edu.my

Muhammad Nabil Zakaria ialah pelajar prasiswazah Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial (Kepujian), di Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PsiTra) Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Emel yang boleh dihubungi ialah zmuhammadnabil93@yahoo.com.

Prof. Madya Dr. Khadijah Alavi merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PsiTRA), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Emel yang boleh dihubungi ialah khadijah@ukm.edu.my.

Prof. Madya Dr. Zainah Ahmad Zamani merupakan Pensyarah di Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Emel yang boleh dihubungi ialah zainahjen@gmail.com

Mohd Badrul Ahmad merupakan Pegawai Psikologi di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli Malaysia. Emel yang boleh dihubungi adalah mohdbadrul@ketsa.gov.my atau mohdbadrulahmad@yahoo.com.my

Roszita Ali merupakan Pegawai Psikologi di Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI). Emel yang boleh dihubungi ialah roszita@mafi.gov.my.

Siti Mastura Nordin merupakan Pegawai Psikologi di Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI). Emel yang boleh dihubungi ialah smastura@mafi.gov.my.

Dr. Nurul Hudani Md Nawawi merupakan Pensyarah di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah. Emel yang boleh dihubungi ialah nurul@ums.edu.my.

Dr. Puteri Hayati Megat Ahmad merupakan Pensyarah di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah. Emel yang boleh dihubungi ialah puteri@ums.edu.my.

Dr. Mohd Zaharen Md. Zahir merupakan Pegawai Psikologi di Darul Quran, JAKIM. Emel yang boleh dihubungi ialah cr.mohdzaharen@gmail.com.

Dr. Hj. Md Noor Saper merupakan Timbalan Dekan dan Pensyarah di Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Emel yang boleh dihubungi ialah md.noor@fpm.upsi.edu.my.

Nur Hallyda Mohd Sham merupakan Pensyarah di Jabatan Bahasa Darul Quran, JAKIM. Emel yang boleh dihubungi ialah nur_hallyda@yahoo.com

BAHAGIAN PENGURUSAN PSIKOLOGI
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Aras 3, Blok C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 Putrajaya
Tel : 03 – 8885 5211 Faks : 03 – 8881 0573

ISSN 2229-810X



9 770022 298105